



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

jil.34

21hbJun1990

TAMBAHAN

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information;

Akta Syarikat Luar Pesisir 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 12hbJun 1990*).

Offshore Companies Act 1990—(*Presented and read afirst time in the Dewan Rakyat on 12th June 1990*).

Akta Syarikat Amanah Labuan 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 12hb Jun 1990*).

Labuan Trust Companies Act 1990—(*Presented and read afirst time in the Dewan Rakyat on 12th June 1990*).

Akta Bank Luar Pesisir 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 12hb Jun 1990*).

Offshore Banking Act 1990—(*Presented and read afirst time in the Dewan Rakyat on 12th June 1990*).

Akta Insurans Luar Pesisir 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 12 hb Jun 1990*).

Offshore Insurance Act 1990—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 12th June 1990*).

Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 12hb Jun 1990*).

Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 12th June 1990*).

D.R. 28/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT
LUAR PEŠISIR 1990

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Takrif subsidiari dan syarikat pemegang.
4. Syarikat-syarikat berkaitan,
5. Tak terpakainya Akta Syarikat 1965.
6. Larangan ke atas pemegangan syer dalam syarikat luar pesisir.
7. Maksud yang dibenarkan bagi pemerbadanan.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN AKTA

8. Pendaftar Syarikat.
9. Penyerahan dokumen.
10. Juruaudit diluluskan.
11. Juruaudit-juruaudit syarikat.
12. Pelikuidasi diluluskan.
13. Daftar-daftar.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN SYARIKAT

PENGGAL 1

PEMBRBDANAN

14. Pembentukan syarikat.
15. Pendaftaran dan pemerbadanan.
16. Permohonan bagi pendaftaran syarikat asing sebagai terus wujud di Labuan.
17. Kelulusan terdahulu pada prinsipnya.
18. Kehendak-kehendak mengenai memorandum.

RANG UNDANG-UNDANG***PENGGAL 2*****STATUS DAN NAMA**

Fasal

19. Kuasa-kuasa syarikat.
20. Transaksi-transaksi *ultra vires*.
21. Nama-nama syarikat luar pesisir.
22. Pertukaran nama.
23. Perkara-perkara persatuan.
24. Perubahan memorandum atau perkara-perkara.
25. Salinan-salinan memorandum dan perkara-perkara.
26. Transaksi dan penubuhan cawangan.
27. Larangan terhadap penjalanan perniagaan apabila syarikat luar pesisir tiada anggota.

BAHAGIAN IV**SYER, DEBENTUR DAN GADAIAN*****PENGGAL 1*****PROSPECTUS**

28. Sekatan ke atas pelawaan pelaburan daripada awam.
29. Pelawaan kepada awam.
30. Kehendak mengeluarkan borang permohonan bagi syer atau debentur bersama-sama prospektus.
31. Pelawaan kepada awam untuk memberi pinjaman wang kepada atau mendepositkan wang dengan suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing.
32. Kelulusan Pendaftar, atau pematuhan peraturan-peraturan, berkenaan dengan pengeluaran prospektus.
33. Iklan.
34. Penyimpanan mohon beli berlebihan dalam terbitan debentur.
35. Pendaftaran prospektus.
36. Dokumen yang mengandungi tawaran syer-syer disifatkan sebagai suatu prospektus.
37. Persetujuan pakar kepada pengeluaran prospektus yang mengandungi pernyataan olehnya.
38. Liabiliti sivil kerana pernyataan silap dalam prospektus.
39. Liabiliti jenayah kerana pernyataan silap dalam prospektus.

PENGGAL 2**SEKATAN-SEKATAN KE ATAS PENGUMPUKAN**

40. Syarikat amanah sebagai-ejen dalam tawaran awam.
41. Larangan pengumpulan melainkan jika bayaran minimum diterima.

Fasal

42. Wang permohonan hendaklah dipegang atas amanah sehingga pengumpulan dibuat.

PENGGAL 3

SYER

43. Penyata mengenai pengumpulan,
44. Panggilan.
45. Liabiliti rizab.
46. Akaun premium syer.
47. Kuasa menerbitkan syer, dan hak pengundian.
48. Syarikat luar pesisir mengurusniagakan .syer-syernya sendiri, dll.
49. Pengkenselan syer-syer perolehan semula oleh syarikat luar pesisir.
50. Menerbitkan syer-syer dengan diskaun.
51. Pengubahan modal syer.
52. Pengesahan syer-syer yang diterbitkan dengan tak sepatutnya.
53. Ketetapan khas bagi pengurangan modal isyer.
54. Hak pemegang-pemegang syer keutamaan hendaklah dinyatakan dalam perkara-perkara.
55. Syer keutamaan boleh tebus.

PENGGAL 4

DEBENTUR

56. Tafsiran.
57. Kuasa menerbitkan debentur.
58. Syarikat luar pesisir hendaklah menyenggara daftar pemegang debentur.
59. Debentur-debentur berkekalan.
60. Penerbitan semula debentur-debentur telah ditebus.
61. Pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur.
62. Kewajipan-kewajipan pemegang amanah.
63. Obligasi-obligasi pengarah syarikat peminjaim.
64. Obligasi syarikat penggerenti untuk memberi maklumat.
65. Pinjaman dan deposit-deposit hendaklah dibayar balik dengan serta-merta atas kejadian-kejadian tertentu.

PENGGAL 5

KEPENTINGAN-KEPENTINGAN SELAIN DARIPADA SYER, DEBENTUR, DSB.

66. Tafsiran.
67. Suratikatan-suratikatan diluluskan.
68. Kelulusan suratikatan-suratikatan.
69. Kepentingan-kepentingan hendaklah diterbitkan oleh syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing sah aja.

Fasal

70. Pernyataan hendaklah dikeluarkan.
71. Tiada penerbitan tanpa suratikatan diluluskan.
72. Daftar pemegang-pemegang kepentingan.
73. Penalti kerana pelanggaran Penggal, dsb.
74. Penggulangan skim-skim, dsb.
75. Liabiliti pemegang-pemegang amanah.

PENGGAL 6

HAKMILIK DAN PEMINDAHAN

76. Jenis syer.
77. Menomborkan syer-syer.
78. Perakuan hendaklah menjadi keterangan mengenai hakmilik.
79. Syarikat luar pesisir boleh mempunyai meterai syer.
80. Suratcara pemindahan dan pemindahan oleh wakil diri.
81. Kewajipan-kewajipan syarikat luar pesisir mengenai pengeluaran perakuan.

PENGGAL 7

DAFTAR GADAIAN

82. Tak terpakainya Bahagian.
83. Daftar gadaian.
84. Notis mengenai pewujudan dan penyelesaian gadaian.

BAHAGIAN V

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGGAL 1

PEJABAT DAN NAMA

85. Pejabat berdaftar syarikat luar pesisir.
86. Nama hendaklah dipamerkan di semua pejabat dan terdapat pada meterai, surat, dsb.

PENGGAL 2

PENGARAH-PENGARAH DAN PEGAWAI-PEGAWAI

87. Pengarah-pengarah.
88. Persetujuan untuk bertindak sebagai pengarah.
89. Keesahan tindakan-tindakan pengarah.
90. Kuasa Pendaftar untuk menghalang orang-orang daripada menguruskan syarikat luar pesisir.
91. Penzahiran kepentingan-kepentingan dalam kontrak, harta, jawatan, dll.
92. Tugas dan liabiliti pegawai-pegawai.

Fasal

93. Setiausaha.
94. Daftar pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausaha.

PENGGAL3

MESYUARAT DAN PROSIDING

95. Mesyuarat anggota-anggota.
96. Notis mesyuarat anggota-anggota.
97. Kuorum, Pengerusi, pengundian dsb., di mesyuarat.
98. Pengundian oleh anggota-anggota.
99. Tindakan melalui persetujuan anggota-anggota.
100. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan mesyuarat dipanggil.
101. Ketetapan khas.
102. Ketetapan yang menghendaki notis khas.
103. Penyerahan salinan-salinan ketetapan dan perjanjian tertentu.
104. Minit-minit presiding.
105. Daftar anggota-anggota.
106. Di mana daftar hendak disimpan.
107. Akibat-akibat keingkaran oleh ejen.
108. Kuasa Mahkamah untuk membetulkan daftar.

PENGGAL5

PENYATA TAHUNAN

109. Penyata tahunan.

BAHAGIAN VI

AKAUN DAN AUDIT

PENGGAL 1

AKAUN-AKAUN

110. Akaun-akaun hendaklah disimpan.
111. Akaun-akaun yang diaudit hendaklah dibentangkan di mesyuarat.
112. Akaun-akaun yang diaudit hendaklah dihantar kepada anggota-anggota.

PENGGAL2

AUDIT

113. Juruaudit hendaklah dilantik.
114. Pemberhentian dan perletakan jawatan juruaudit-jumaudit.
115. Saraan juruaudit.
116. Juruaudit boleh menghadiri mesyuarat-mesyuarat.
117. Hak-hak dan kewajipan-kewajipan juruaudit.

BAHAGIAN VII

PERKIRAAN DAN PEMBENTUKAN SEMULA

Fasal

118. Perkiraan.
119. Peraturan-peraturan berkenaan dengan pengambilalihan dan penyatuan.

BAHAGIAN VIII

SYARIKAT LUAR PESISIR ASING

120. Tafsiran.
121. Pendaftaran syarikat luar pesisir asing.
122. Larangan dan sekatan ke atas syarikat luar pesisir asing.
123. Pejabat berdaftar syarikat luar pesisir asing.
124. Penyata hendaklah diserahkan apabila dokumen, dsb., diubah.
125. Penyampaian ke atas syarikat luar pesisir asing.
126. Pemberhentian perniagaan di Labuan.
127. Pelikuidasian atau pembubaran syarikat di tempat diperbadankan atau di tempat asalnya.
128. Nama-nama syarikat luar pesisir asing.
129. Penyata-penyata oleh syarikat luar pesisir asing.
130. Pemakaian Bahagian ini kepada syarikat-syarikat asing tertentu yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

131. Penerimaan dan penggulungan.
132. Penyampaian dokumen ke atas syarikat.
133. Pemindahan ke Labuan.
134. Kos prosiding di hadapan Mahkamah.
135. Jaminan untuk kos.
136. Pelupusan syer pemegang syer yang tidak diketahui di mana berada.
137. Kuasa untuk memberi relif.
138. Luar aturan dalam presiding.
139. Terjemahan suratcara-suratcara.
140. Dividen hanya boleh dibayar daripada keuntungan.
141. Penggunaan perkataan "corporation", dsb.
142. Penalti am.
143. Penalti-penalti ingkar.
144. Mengkompaun kesalahan-kesalahan.
145. Prosedur jika tiada diaturkan.
146. Peraturan-peraturan.

SYARIKAT LUAR PESISIR7

Fasal

147. Pelaburan dalam syarikat domestik.
148. Larangan oleh Menteri.
149. Kerahsiaan.

JADUAL.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pemerbadanan, pendaftaran dan pentadbiran syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*,

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"buku" termasuklah apa-apa daftar atau rekod maklumat lain dan apa-apa akaun atau rekod perakaunan, tidak kira bagaimana sekalipun ia disusun, direkodkan atau disimpan, dan juga termasuk apa-apa dokumen;

"debentur" termasuklah saham debentur, bon-bon, nota-nota dan apa-apa sekuriti lain sesuatu syarikat luar pesisir sama ada menjadi gadaian bagi aset-aset syarikat itu ataupun tidak;

"debentur bercagar" ertinya—

(a) apa-apa debentur yang dinyatakan pada mukanya sebagai suatu debentur bercagar; atau

10RANGUNDANG-UNDANG

- (b) apa-apa debentur yang diterbitkan atas terma-terma yang memberi pemegang debentur itu hak-hak dan kuasa-kuasa untuk mengundi dan menuntut suatu pengundian berkenaan dengan perniagaan dan perusahaan syarikat (sama ada sebagai tambahan kepada hak-hak anggota syarikat atau sebagai ganti hak-hak itu);

"dicetak" termasuklah ditaip atau dilitu atau dikeluarkan semula dengan apa-apa cara yang berbentuk mekanik;

"diperakui" ertinya diperakui mengikut cara yang ditetapkan sebagai suatu dokumen tertentu atau sebagai suatu salinan benarnya;

"diserahkan" ertinya diserahkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini;

"dokumen" termasuklah saman, perintah dan proses undang-undang lain, serta notis dan daftar;

"dolar" ertinya unit dolar mata wang Amerika Syarikat;

"gadaian" termasuklah suatu gadai-janji dan apa-apa perjanjian bagi memberi atau menyempurnakan suatu gadaian atau gadai-janji sama ada atas tuntutan atau selainnya;

"juruaudit diluluskan" ertinya seseorang yang diluluskan di bawah seksyen 10 (1);

"Labuan" ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi atau seseorang hakim Mahkamah Tinggi;

"memorandum", berhubungan dengan sesuatu syarikat, luar pesisir, ertinya memorandum persatuan syarikat itu yang sedang berkuatkuasa; dan, berhubungan dengan sesuatu syarikat luar pesisir asing, ertinya carter, statut, memorandum persatuan atau suratcara yang menjadi atau menentukan perlembagaan syarikat itu;

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dan perindustrian.

"modal syer terbitan", berhubungan dengan syer nilai tara, ertinya, pada bila-bila masa tertentu, jumlah nilai tara kesemua syer sesuatu syarikat luar pesisir yang telah diterbitkan;

"orang" termasuklah suatu perbadanan, perkongsian, suatu kumpulan orang dan suatu perbadanan seorang;

"pakar" termasuklah jurutera, penilai, akauntan, juruaudit dan mana-mana orang lain yang profesion atau reputasinya memberi autoriti kepada sesuatu pernyataan yang dibuat olehnya;

"pegawai", berhubungan dengan sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, termasuklah—

- (a) mana-mana pengarah, setiausaha atau pekerja syarikat itu;
- (b) mana-mana penerima dan pengurus mana-mana bahagian pengusahaan syarikat itu yang dilantik di bawah suatu kuasa yang terkandung dalam mana-mana suratcara; dan
- (c) mana-mana pelikuidasi syarikat itu yang dilantik dalam suatu penggulungan sukarela;

tetapi tidaklah termasuk—

- (d) mana-mana penerima yang juga bukannya seorang pengurus;
- (e) mana-mana penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah; atau
- (f) mana-mana pelikuidasi yang dilantik oleh Mahkamah atau oleh pemiutang-pemiutang;

"pelikuidasi diluluskan" ertinya seseorang yang diluluskan di bawah seksyen 12;

"pemastautin" ertinya—

- (a) berhubungan dengan orang sebenar, seseorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; atau

- (b) berhubungan dengan mana-mana orang lain, seseorang yang telah menubuhkan suatu tempat perniagaan, dan beroperasi, di Malaysia,

Akta 17. dan termasuklah seseorang yang diisytiharkan sebagai pemastautin menurut seksyen 43 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953;

"penaja", berhubungan dengan sesuatu prospektus yang dikeluarkan oleh atau berkaitan dengan sesuatu syarikat luar pesisir, ertinya seorang penaja syarikat itu yang menjadi pihak dalam penyediaan prospektus atau mana-mana bahagiannya yang relevan, tetapi tidaklah termasuk mana-mana orang yang semata-mata bertindak atas sifat profesionalnya atau atas sifatnya sebagai penasihat;

"pencarum", berhubungan dengan sesuatu syarikat luar pesisir, ertinya seseorang yang bertanggung mencarum kepada aset-aset syarikat sekiranya ia digulungkan, dan termasuklah pemegang syer-syer berbayar penuh dalam syarikat itu dan, sebelum penentuan muktamad orang-orang yang menjadi pencarum, termasuklah mana-mana orang yang dikatakan sebagai seorang pencarum;

Akta 125. "Pendaftar" ertinya Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, dan termasuklah mana-mana Pendaftar Rantau, Timbalan Pendaftar, atau Penolong Pendaftar, Syarikat;

"pengarah" ertinya mana-mana orang, tidak kira dengan apa jua namanya disebut, yang memegang jawatan pengarah sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, dan termasuklah seseorang yang mengikut arahan-arahan atau petunjuk-petunjuknya pengarah-pengarah syarikat itu lazimnya bertindak dan seorang pengarah gilir atau ganti;

"penyata tahunan" ertinya penyata yang dikehendaki supaya dibuat oleh sesuatu syarikat luar pesisir di bawah seksyen 109 dan termasuklah apa-apa dokumen yang disertakan dengan penyata itu;

"peraturan-peraturan" ertinya peraturan-peraturan di bawah Akta ini;

"perbadanan" ertinya sesuatu syarikat domestik, syarikat luar pesisir, syarikat asing atau syarikat luar pesisir asing;

"pos" termasuklah komunikasi melalui mel, kurier, tambang-muatan, teleks atau facsimile;

"prospektus" ertinya apa-apa prospektus, notis, pekeliling, iklan atau pelawaan yang mempelawa permohonan-permohonan atau tawaran-tawaran daripada awam untuk memohon beli atau membeli, atau yang menawarkan kepada awam untuk dipohon beli atau dibeli, mana-mana syer dalam atau debentur bagi, atau apa-apa unit syer dalam atau unit debentur bagi, sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir yang dicadangkan;

"syarikat amanah" ertinya sesuatu syarikat domestik atau syarikat asing yang diperbadankan bagi maksud mengusahakan atau menawar untuk mengusahakan, sebagai keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaannya, kesemua atau mana-mana kewajipan seseorang pemegang amanah, dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah Labuan 1990;

Akta

"syarikat asing" ertinya—

- (a) sesuatu syarikat, pertubuhan, persatuan atau badan lain yang diperbadankan di luar Malaysia; atau
- (b) sesuatu pertubuhan, persatuan atau badan lain yang tak diperbadankan yang di bawah undang-undang tempat asalnya boleh mendakwa atau didakwa, atau memegang harta atas nama setiausaha atau pegawai lain pertubuhan, persatuan atau badan itu yang dilantik dengan sempurnanya bagi maksud itu, dan yang tidak mempunyai ibu pejabat atau tempat utama perniagaannya di Malaysia;

"syarikat domestik" ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;

"syarikat luar pesisir" ertinya suatu syarikat yang diperbadankan, atau disifatkan diperbadankan, di bawah Akta ini;

"syarikat luarpesisir asing" ertinya suatu syarikat asing yang didaftarkan di bawah Bahagian VIII;

"syer", berhubungan dengan sesuatu. syarikat luar pesisir, ertinya suatu syer dalam modal syer syarikat itu, dan termasuklah saham;

"umpuk" termasuklah menjual, menerbit, menyerahkan dan memindahhak; dan "pengumpulan" mempunyai erti yang bersamaan.

(2) Bagi maksud-maksud Akta ini, seseorang hendaklah disifatkan memegang suatu kepentingan benefisial dalam suatu syer—

- (a) jika orang itu, sama ada berseorangan atau bersama-sama dengan orang-orang lain, berhak (selain daripada sebagai seorang pemegang amanah bagi, bagi pihak, atau untuk, seseorang lain) menerima, secara langsung atau tak langsung, apa-apa dividen berkenaan dengan syer itu atau menjalankan, atau mengawal perjalanan, apa-apa hak yang berkembar dengan syer-syer itu; atau
- (b) jika orang itu, iaitu suatu perbadanan, memegang apa-apa kepentingan benefisial dalam syer perbadanan yang lain yang memegang, atau yang subsidiarinya memegang, apa-apa kepentingan benefisial dalam syer yang mula-mula disebut itu,

(3) Bilamasa dalam Akta ini sebutan atau rujukan dibuat kepada mana-mana orang yang memegang atau menduduki sesuatu jawatan atau kedudukan tertentu, sebutan atau rujukan itu hendaklah, melainkan jika didapati tujuan yang bertentangan, dikira termasuk kesemua orang yang pada bila-bila masa selepas itu sedang menduduki jawatan atau kedudukan tersebut.

(4) Mana-mana peruntukan Akta ini yang mengatasi atau mentafsirkan perkara-perjcara sesuatu perbadanan hendaklah, kecuali jika diperuntukkan selainnya oleh Akta ini, terpakai berhubungan dengan perkara-perkara yang berkuatkuasa apabila Akta ini mula berkuatkuasa, dan juga berhubungan dengan perkara-perkara yang mula

berkuatkuasa selepas itu, dan hendaklah juga terpakai berhubungan dengan memorandum sesuatu perbadanan sebagaimana ia terpakai berhubungan dengan perkara-perkara perbadanan itu.

3. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, suatu perbadanan hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (3), disifatkan sebagai suatu subsidiari perbadanan yang lain jika—

Takrif
subsidiari
dan
syarikat
pemegang.

(a) perbadanan yang satu lagi itu—

- (i) mengawal keanggotaan lembaga pengarah perbadanan yang mula-mula disebut itu;
- (ii) mengawal lebih daripada setengah kuasa pengundian perbadanan yang mula-mula disebut itu; atau
- (iii) memegang lebih daripada setengah modal syer terbitan perbadanan yang mula-mula disebut itu (tidak termasuk mana-mana bahagiannya yang tidak mempunyai apa-apa hak untuk mendapat bahagian yang melebihi sesuatu amaun tertentu dalam pembahagian sama ada keuntungan atau modal); atau

(b) perbadanan yang mula-mula disebut itu adalah suatu subsidiari mana-mana perbadanan yang menjadi subsidiari perbadanan yang satu lagi itu.

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), keanggotaan lembaga pengarah sesuatu perbadanan hendaklah disifatkan dikawal oleh perbadanan yang lain jika perbadanan yang satu lagi itu, melalui penjalanan kuasa-kuasa yang boleh dijalankannya tanpa keizinan atau persetujuan mana-mana orang lain, boleh melantik atau memberhentikan kesemua atau majoriti pengarah itu, dan bagi maksud-maksud peruntukan ini perbadanan yang satu lagi itu hendaklah disifatkan mempunyai kuasa untuk membuat perlantikan sedemikian jika—

(a) seseorang tidak boleh dilantik sebagai seorang pengarah tanpa penjalanan kuasa sedemikian

bagi faedahnya oleh perbadanan yang satu lagi itu; atau

- (b) perlantikan seseorang sebagai seorang pengarah semestinya berikutan daripada kedudukannya sebagai pengarah atau pegawai perbadanan yang satu lagi itu.

(3) Pada menentukan sama ada sesuatu perbadanan adalah suatu subsidiari perbadanan yang lain—

- (a) apa-apa syer yang dipegang atau kuasa yang boleh dijalankan oleh perbadanan yang satu lagi itu atas sifat pemegang amanah atau fidusiari hendaklah dikira sebagai tidak dipegang atau tidak boleh dijalankan olehnya;
- (b) tertakluk kepada perenggan (c) dan (d), apa-apa syer yang dipegang atau kuasa yang boleh dijalankan—
 - (i) oleh mana-mana orang sebagai penama bagi perbadanan yang satu lagi itu (kecuali jika perbadanan yang satu lagi itu hanya bersangkutan-paut atas sifat pemegang amanah atau fidusiari); atau
 - (ii) oleh, atau oleh penama bagi, sesuatu subsidiari perbadanan yang satu lagi itu, yang bukannya suatu subsidiari yang hanya bersangkutan-paut atas sifat pemegang amanah atau fidusiari,

hendaklah dikira sebagai dipegang atau boleh dijalankan oleh perbadanan yang satu lagi itu;

- (c) apa-apa syer yang dipegang atau kuasa yang boleh dijalankan oleh mana-mana orang menurut kuasa peruntukan mana-mana debentur perbadanan yang mula-mula disebut itu atau menurut suatu suratikatan amanah bagi mendapatkan apa-apa penerbitan debentur-debentur itu tidaklah boleh diambil kira; dan
- (d) apa-apa syer yang dipegang atau kuasa yang boleh dijalankan oleh, atau oleh penama bagi, perbadanan yang satu lagi itu atau subsidiarinya

(yang tidak dipegang atau tidak boleh dijalankan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (c)) hendaklah dikira sebagai tidak dipegang atau tidak boleh dijalankan oleh perbadanan yang satu lagi itu jika perniagaan biasa perbadanan yang satu lagi itu atau subsidiarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, termasuk pemberian pinjaman wang dan syer-syer itu adalah dipegang atau kuasa itu boleh dijalankan sebagaimana yang disebut terdahulu hanya sebagai cagaran bagi maksud-maksud sesuatu transaksi yang dibuat dalam penjalanan biasa perniagaan itu.

(4) Sesuatu sebutan dalam Akta ini mengenai syarikat pemegang sesuatu perbadanan hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai suatu perbadanan yang perbadanan yang terakhir disebut itu menjadi subsidiarinya.

4. Jika sesuatu perbadanan—

- (a) adalah syarikat pemegang suatu perbadanan yang lain;
- (b) adalah subsidiari suatu perbadanan yang lain; atau
- (c) adalah subsidiari bagi syarikat pemegang suatu perbadanan yang lain,

Syarikat-syarikat berkaitan.

perbadanan yang mula-mula disebut itu dan perbadanan yang satu lagi itu hendaklah bagi maksud-maksud Akta ini disifatkan berkaitan di antara satu sama lain.

5. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam Akta ini, peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 tidaklah terpakai bagi sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta ini.

Tak terpakainya Akta Syarikat 1965.

6. Tiada seorang pun pemastautin, selain daripada suatu syarikat amanah, boleh memegang syer, sama ada secara individu atau dengan seseorang lain, dalam suatu syarikat luar pesisir, tetapi sesuatu syarikat amanah yang

Larangan ke atas pemegang syer dalam syarikat luar pesisir.

merupakan syarikat domestik hanya boleh memegang syer-syer itu sebagai pemegang amanah atau penama:

Akta
Akta Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 boleh, jika dibenarkan oleh Akta Bank Luar Pesisir 1990 atau Akta Insurans Luar Pesisir 1990 untuk menubuhkan subsidiari di Labuan, memegang syer-syer dalam subsidiari itu.

Maksud yang
dibenarkan
bagi
pemerbadanan.

7. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), sesuatu syarikat luar pesisir boleh diperbadankan bagi apa-apa maksud yang sah, dan boleh menjalankan dalam, dari atau melalui Labuan apa-apa perniagaan yang boleh dijalankan dengan sahnyanya di Malaysia, tetapi ia tidak boleh menjalankan perniagaan bank atau insurans atau apa-apa perniagaan yang serupa melainkan jika ia dilesenkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia.

(2) Sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah hanya menjalankan perniagaan dalam, dari atau melalui Labuan.

(3) Tiada syarikat luar pesisir boleh—

- (a) menjalankan perniagaan dengan seseorang pemastautin Malaysia kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta Bank Luar Pesisir 1990;
- (b) menjalankan perniagaan bank kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta Bank Luar Pesisir 1990;
- (c) menjalankan perniagaan dalam mata wang Malaysia kecuali bagi menanggung perbelanjaan-perbelanjaan pentadbiran dan statutorinya;
- (d) menjalankan perniagaan sebagai syarikat insurans atau syarikat insurans semula kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta Insurans Luar Pesisir 1990;
- (e) menjalankan pengendalian perkapalan atau petrolium di Malaysia; dan

(f) menjalankan apa-apa perniagaan sesuatu syarikat amanah.

(4) Bagi maksud-maksud perenggan (a) subseksyen (3), sesuatu syarikat luar pesisir tidaklah boleh dikira sebagai menjalankan perniagaan dengan orang-orang yang bermastautin di Malaysia semata-mata oleh sebab—

- (a) ia membuat atau menyenggarakan deposit-deposit dengan seseorang yang menjalankan perniagaan dalam Malaysia;
- (b) ia membuat atau mengadakan perhubungan profesional dengan mana-mana peguam dan wakil, akauntan, penyimpan buku, syarikat amanah, syarikat pengurusan, penasihat pelaburan atau orang lain yang serupa yang menjalankan perniagaan dalam Malaysia;
- (c) ia menyedia atau menyenggarakan buku-buku dan rekod-rekod dalam Malaysia;
- (d) ia mengadakan, dalam Malaysia, mesyuarat pengarah-pengarah atau anggota-anggotanya;
- (e) ia memperolehi atau memegang apa-apa pajakan apa-apa harta bagi maksud-maksud pengendaliannya atau sebagai tempat tinggal bagi pegawai-pegawai atau pekerja-pekerjanya; atau
- (f) ia memegang syer-syer, obligasi hutang atau sekuriti-sekuriti lain dalam sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ini atau dalam sesuatu syarikat domestik, atau ia memegang syer-syer, obligasi hutang atau sekuriti-sekuriti lain bagi maksud-maksud sesuatu transaksi yang dibuat dalam perjalanan biasa perniagaan yang berkaitan dengan pemberian pinjaman wang.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN AKTA

8. (1) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Pendaftar dan kepada sekatan-sekatan dan batasan-

Pendaftar
Syarikat.

batasan yang ditetapkan, apa-apa jua yang ditetapkan atau dibenarkan atau dikehendaki oleh Akta ini supaya dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar bolehlah dilakukan atau ditandatangani oleh mana-mana Pendaftar Rantau, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar dan hendaklah sama sah dan berkesannya seolah-olah dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar.

(2) Tiada seorang pun yang berurusan dengan mana-mana Pendaftar Rantau, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar boleh bersangkut-paut untuk melihat atau bertanya sama ada apa-apa sekatan atau batasan telah ditetapkan, dan tiap-tiap perbuatan atau peninggalan seseorang Pendaftar Rantau, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar, setakat yang perbuatan atau peninggalan itu menyentuh mana-mana orang itu, hendaklah sama sah dan berkesannya seolah-olah dilakukan atau ditinggalkan oleh Pendaftar.

(3) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman akan meterai dan tandatangan Pendaftar dan mana-mana Pendaftar Rantau, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar.

(4) Bagi maksud menentukan sama ada sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing mematuhi peruntukan-peruntukan Akta ini, Pendaftar atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya boleh memeriksa apa-apa buku, buku minit, daftar atau rekod yang dikehendaki disimpan oleh syarikat itu oleh atau di bawah Akta ini.

(5) Sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau mana-mana pegawainya hendaklah, apabila dikehendaki oleh Pendaftar atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya, mengemukakan mana-mana buku, daftar atau rekod tersebut.

(6) Sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau mana-mana pegawainya tidak boleh menghalang atau menghalang Pendaftar atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya semasa menjalankan mana-mana kuasa yang tersebut dalam subseksyen (4).

(7) Mana-mana orang yang, kecuali bagi maksud-maksud Akta ini atau dalam perjalanan apa-apa presiding jenayah, membuat sesuatu rekod mengenai, atau membuka atau menyampaikan kepada mana-mana orang lain, apa-apa maklumat yang diperolehinya oleh sebab pemeriksaan di bawah subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(8) Maka hendaklah dibayar kepada Pendaftar apa-apa fee yang ditetapkan.

9. (1) Tiap-tiap dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diserahkan kepada atau difailkan dengan Pendaftar di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah diserahkan atau difailkan melalui suatu syarikat amanah.

Penyerahan
dokumen.

(2) Tiap-tiap permohonan kepada Pendaftar bagi apa-apa perakuan yang akan dikeluarkan di bawah Akta ini atau bagi apa-apa cabutan atau salinan apa-apa perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau apa-apa dokumen yang diserahkan kepada atau difailkan dengan Pendaftar hendaklah dibuat melalui suatu syarikat amanah:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai jika sesuatu permohonan dibuat berkenaan dengan suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing oleh seseorang anggota syarikat itu dan dokumen, perakuan, cabutan atau salinan itu adalah bagi kegunaannya sendiri.

10. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, Pendaftar boleh meluluskan mana-mana orang menjadi juruaudit diluluskan bagi maksud-maksud Akta ini.

Juruaudit
diluluskan.

(2) Tiada seorang pun boleh melaksanakan tugas-tugas juruaudit sesuatu syarikat luar pesisir melainkan jika dia adalah seorang juruaudit diluluskan.

(3) Pendaftar boleh membatalkan mana-mana kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(4) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu daftar bagi juruaudit-juruaudit diluluskan.

(5) Seseorang juruaudit diluluskan hendaklah membayar kepada Pendaftar apa-apa fee tahunan sebagaimana yang ditetapkan.

Juruaudit-
juruaudit
syarikat.

11. (1) Seseorang tidak boleh dengan disedarinya bersetuju untuk dilantik, dan tidak boleh dengan disedarinya bertindak, sebagai juruaudit bagi mana-mana syarikat luar pesisir di bawah Akta ini dan tidak boleh menyediakan untuk atau bagi pihak syarikat itu apa-apa laporan yang dikehendaki oleh Akta ini supaya disediakan oleh seseorang juruaudit diluluskan—

- (a) jika dia bukannya seorang juruaudit diluluskan;
- (b) jika dia berhutang dengan syarikat itu atau dengan sesuatu syarikat yang disifatkan berkaitan dengan syarikat itu menurut seksyen 4 sebanyak amaun yang melebihi lima ribu dolar atau suatu amaun yang setara dalam apa-apa mata wang yang lain;
- (c) jika dia adalah—
 - (i) seorang pegawai syarikat itu;
 - (ii) seorang pekongsi, majikan atau pekerja seseorang pegawai syarikat itu;
 - (iii) seorang pekongsi, atau pekerja bagi seorang pekerja seseorang pegawai syarikat itu;
 - (iv) seorang suami atau isteri seseorang pegawai syarikat itu;
 - (v) seorang suami atau isteri kepada seorang " pekerja seseorang pegawai syarikat itu; atau
 - (vi) seorang pemegang syer, atau seorang suami atau isteri seseorang pemegang syer, sesuatu perbadanan yang pekerjaannya adalah , , . , seorang pegawai syarikat itu; atau
- (d) jika dia bertanggungjawab bagi, atau jika dia adalah pekongsi, majikan atau pekerja seseorang yang bertanggungjawab bagi, menyimpan daftar anggota-anggota- atau daftar pemegang-pemegang debentur syarikat itu.

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), seseorang hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai sesuatu syarikat luar pesisir jika dia adalah seorang pegawai sesuatu syarikat yang disifatkan berkaitan dengan syarikat luar pesisir itu menurut seksyen 4 atau dia telah, pada bila-bila masa dalam tempoh dua belas bulan yang terdahulu, menjadi seorang pegawai atau penaja syarikat luar pesisir itu atau syarikat yang satu lagi itu.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, seseorang tidaklah boleh disifatkan menjadi seorang pegawai semata-mata oleh sebab dia dilantik sebagai juruaudit sesuatu syarikat.

(4) Tiada seorang pun boleh melantik seseorang sebagai juruaudit suatu syarikat luar pesisir melainkan jika orang yang hendak dilantik sebagai juruaudit telah, sebelum perlantikan itu, bersetuju secara bertulis untuk bertindak sebagai juruaudit itu.

(5) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan menghendaki juruaudit-juruaudit diluluskan mengambil insurans terhadap liabiliti-liabiliti mereka sebagai juruaudit syarikat-syarikat luar pesisir.

12. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, Pendaftar boleh meluluskan mana-mana orang menjadi pelikuidasi diluluskan.

Pelikuidasi
diluluskan.

(2) Pendaftar boleh membatalkan mana-mana kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(3) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu daftar bagi pelikuidasi-pelikuidasi diluluskan.

(4) Tiada seorang pun boleh dilantik atau bertindak sebagai pelikuidasi sesuatu syarikat luar pesisir—

(a) jika dia bukannya seorang pelikuidasi diluluskan; atau

(b) jika dia terhutang dengan syarikat yang dilikuidasikan itu atau dengan sesuatu syarikat yang disifatkan berkaitan dengan syarikat yang likuidasikan itu menurut seksyen. 4 sebanyak

amaun yang melebihi lima ribu dolar atau suatu amaun yang setara dalam apa-apa mata wang lain; atau

- (c) jika dia tidak memberi persetujuannya secara bertulis bagi perlantikan itu.

(5) Jika seorang pelikuidasi diluluskan dilantik sebagai pelikuidasi sesuatu syarikat luar pesisir, sama ada oleh Mahkamah atau dalam suatu penggulungan sukarela, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pendaftar secara bertulis mengenai apa-apa kepentingan yang dipunyainya dalam syarikat luar pesisir itu sebagai pegawai, majikan atau pekerja syarikat luar pesisir itu atau sebagai pekongsi, majikan atau pekerja seseorang pegawai syarikat luar pesisir itu, dan apa-apa kepentingan yang dipunyai oleh syarikat yang berkaitan dengannya dalam syarikat luar pesisir itu.

Daftar-
daftar.

13. (1) Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, menyimpan apa-apa daftar yang difikirkannya perlu mengikut apa-apa bentuk yang difikirkannya patut.

(2) Mana-mana pegawai, anggota, pemegang debentur, pengarah atau pelikuidasi sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau mana-mana orang lain yang mempunyai kebenaran bertulis pegawai, anggota, pemegang debentur, pengarah atau pelikuidasi tersebut atau yang dapat menunjukkan kepada Pendaftar bahawa dia mempunyai sebab yang baik. Untuk berbuat demikian, boleh, tertakluk kepada Akta ini dan apabila dibayar fee yang ditetapkan—

- (a) memeriksa apa-apa dokumen yang difailkan dengan atau diserahkan kepada Pendaftar berkenaan dengan syarikat itu; atau
- (b) menghendaki apa-apa perakuan yang akan dikeluarkan di bawah Akta ini atau suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen berkenaan dengan syarikat itu supaya diberikan atau diberikan dan diperakui oleh Pendaftar.

(3) Suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen yang difailkan atau diserahkan di pejabat

Pendaftar, yang diperakui sebagai suatu salinan atau cabutan benar di bawah tandatangan dan meterai Pendaftar, boleh, dalam mana-mana presiding, diterima sebagai keterangan yang sama sahnyanya dengan dokumen asal itu.

(4) Dalam mana-mana presiding undang-undang—

- (a) suatu perakuan di bawah tandatangan dan meterai Pendaftar bahawa, pada tarikh atau semasa tempoh yang dinyatakan dalam perakuan itu, tiada syarikat didaftarkan di bawah Akta ini dengan suatu nama yang dinyatakan dalam perakuan itu hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* bahawa pada tarikh atau semasa tempoh itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tiada syarikat telah didaftarkan dengan nama itu di bawah Akta ini; dan
- (b) suatu perakuan di bawah tandatangan dan meterai Pendaftar bahawa kehendak Akta ini yang dinyatakan dalam perakuan itu—
 - (i) telah atau telah tidak dipatuhi pada tarikh atau dalam tempoh yang dinyatakan dalam perakuan itu, atau
 - (ii) telah dipatuhi pada tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu tetapi tidak sebelum tarikh itu,

hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam perakuan itu.

(5) Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu dokumen yang dikemukakan untuk diserahkan kepada Pendaftar—

- (a) mengandungi perkara yang bertentangan dengan undang-undang;
- (b) mengandungi perkara yang, dalam butir material, adalah palsu atau mengelirukan mengikut bentuk atau konteks yang ia dimasukkan;

- (c) oleh sebab suatu peninggalan atau salah perihalan, telah tidak disempurnakan dengan sewajarnya;
- (d) tidak mematuhi kehendak-kehendak Akta ini; atau
- (e) mengandungi suatu kesilapan, pengubahan atau pemadaman,

Pendaftar boleh enggan mendaftarkan atau menerima dokumen itu dan boleh meminta—

- (f) supaya dokumen itu dipinda atau disempurnakan dengan sesuai dan dikemukakan semula;
- (g) supaya suatu dokumen baru dikemukakan sebagai gantinya; atau
- (h) jika dokumen itu telah tidak disempurnakan dengan sewajarnya, supaya suatu dokumen tambahan mengikut bentuk yang ditetapkan diserahkan.

(6) Pendaftar boleh menghe'ndaki seseorang yang mengemukakan sesuatu dokumen untuk diserahkan kepada Pendaftar supaya mengemukakan kepada Pendaftar apa-apa dokumen lain, atau memberi kepada Pendaftar apa-apa maklumat, yang difikirkan perlu oleh Pendaftar bagi membuat suatu pendapat sama ada dia boleh enggan menerima atau mendaftarkan dokumen itu.

(7) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Pendaftar untuk mendaftarkan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau untuk mendaftarkan atau menerima apa-apa dokumen, atau dengan apa-apa tindakan atau keputusan Pendaftar, boleh merayu dalam masa tiga puluh hari dari keputusan Pendaftar itu kepada Menteri, yang boleh mengesahkan keengganan, tindakan atau keputusan itu atau memberi apa-apa arahan mengenai perkara itu sebagaimana yang difikirkannya sesuai atau selainnya memutuskan perkara itu tetapi subseksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa tindakan atau keputusan Pendaftar—

- (a) yang berkenaan dengannya apa-apa peruntukan yang berupa rayuan atau kajian semula

diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini;
atau

- (b) yang ditetapkan oleh Akta ini sebagai konklusif atau muktamad atau yang termaktub dalam mana-mana dokumen yang ditetapkan oleh Akta ini sebagai keterangan konklusif bagi apa-apa tindakan, perkara atau benda.

(8) Jika sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau seseorang, setelah melakukan keingkaran pada mematuhi—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini atau peruntukan mana-mana undang-undang yang menghendaki supaya diserahkan kepada atau difailkan dengan Pendaftar, mengikut apa-apa cara, apa-apa penyata, akaun atau dokumen lain atau supaya diberikan kepadanya notis mengenai apa-apa perkara; atau
- (b) apa-apa permintaan oleh Pendaftar supaya dipinda atau disempurnakan dan dikemukakan semula apa-apa dokumen atau dikemukakan suatu dokumen baru,

tidak membaiki keingkaran itu dalam masa tiga puluh hari selepas disampaikan kepada syarikat, atau orang itu suatu notis yang menghendakinya dilakukan, Pendaftar boleh memerintahkan syarikat itu dan mana-mana pegawainya atau orang itu supaya membaiki keingkaran itu dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

(9) Pendaftar boleh, jika pada pendapa'tnya tidak lagi perlu atau dikehendaki untuk menyimpannya, memusnahkan atau memberikan kepada Arkib Negara—

- (a) dalam hal sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing—
 - (i) apa-apa penyata mengenai pengumpulan, syer bagi wang tunai yang telah diserahkan atau difailkan selama tidak kurang daripada enam tahun;
 - (ii) apa-apa penyata atau kunci kira-kira tahunan yang telah diserahkan atau

difailkan selama tidak kurang daripada tujuh tahun atau apa-apa dokumen yang mewujudkan atau membuktikan sesuatu gadaian atau penyelesaian penuh atau sebahagian sesuatu gadaian jika memorandum penyelesaian gadaian itu telah didaftarkan selama tidak kurang daripada tujuh tahun; atau

- (iii) apa-apa dokumen lain (selain daripada memorandum dan perkara-perkara atau apa-apa dokumen lain yang menentukannya) yang telah diserahkan, difailkan atau didaftarkan selama tidak kurang daripada lima belas tahun;
- (b) dalam hal sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang telah dibubarkan atau tidak lagi didaftarkan selama tidak kurang daripada lima belas tahun, apa-apa dokumen yang diserahkan, difailkan atau didaftarkan; atau
- (c) apa-apa dokumen yang transparensinya telah dimasukkan ke dalam daftar yang disimpan oleh Pendaftar.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN SYARIKAT

PENGGALI

PEMERBADANAN

Pembemukan syarikat.

14. (1) Tertakluk kepada Akta ini, sesuatu syarikat amanah atau mana-mana orang lain boleh, dengan menurunkan tandatangannya pada suatu memorandum dan mematuhi kehendak-kehendak mengenai pendaftaran, membentuk suatu syarikat luar pesisir bagi apa-apa maksud yang sah.

(2) Jika penandatanganan sesuatu memorandum adalah suatu perbadanan atau syarikat amanah, memorandum itu boleh ditandatangani oleh perbadanan atau syarikat amanah itu, mengikut mana yang berkenaan, di bawah meterainya atau oleh seseorang yang telah diberikuasa dengan sempurnanya bagi pihaknya.

(3) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah suatu syarikat yang terhad mengikut syer.

15. (1) Seseorang yang berhasrat hendak mem-
perbadankan sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar memorandum dan perkara-perkara syarikat yang dicadangkan itu dan dokumen-dokumen lain yang dikehendaki supaya diserahkan oleh atau di bawah Akta ini, dan Pendaftar, apabila dibayar fee yang ditetapkan hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, mendaftarkan syarikat itu dengan mendaftarkan memorandum dan perkara-perkara. pendaftaran dan pemerbadanan.

(2) Pendaftar boleh menghendaki suatu akuan berkanun yang dibuat oleh seseorang pegawai supaya diserahkan dengan menyatakan bahawa kesemua atau mana-mana kehendak Akta ini telah dipatuhi, dan Pendaftar boleh menerima akuan sedemikian sebagai keterangan yang mencukupi bagi pematuhan.

(3) Apabila memorandum itu didaftarkan, Pendaftar hendaklah memperakui di bawah tandatangan dan meterainya bahawa syarikat itu adalah diperbadankan pada dan mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu, dan bahawa syarikat itu adalah suatu syarikat yang terhad mengikut syer.

(4) Pada dan mulai dari tarikh pemerbadanan yang dinyatakan dalam perakuan pemerbadanan itu, tetapi tertakluk kepada Akta ini, penandatanganan-penandatanganan memorandum bersama-sama dengan mana-mana orang lain yang akan, dari semasa ke semasa, menjadi anggota syarikat itu hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama yang terkandung dalam memorandum itu, yang boleh dengan serta-merta menjalankan segala fungsi sesuatu syarikat yang diperbadankan, dan yang boleh mendakwa dan didakwa, dan yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa, dengan kuasa untuk memegangmilik tanah tetapi dengan apa-apa liabiliti di pihak anggota-anggota itu untuk menyumbang kepada aset-aset syarikat sekiranya ia digulung sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini.

(5) Suatu perakuan pemerbadanan sesuatu syarikat yang dikeluarkan oleh Pendaftar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pematuhan kesemua kehendak Akta ini berkenaan dengan pemerbadanan.

(6) Sesuatu syarikat luar pesisir yang diperbadankan hendaklah membayar apa-apa fee tahunan sebagaimana yang ditetapkan, tidak lewat daripada tiga puluh hari dari setiap ulangtahun tarikh pemerbadanannya.

(7) Tiap-tiap penandatanganan memorandum hendaklah disifatkan telah bersetuju menjadi anggota sesuatu syarikat luar pesisir dan, apabila syarikat itu diperbadankan, hendaklah dicatatkan sebagai seorang anggota di dalam daftar anggota-anggotanya berkenaan dengan syer-syer yang dipohon beli untuk atau olehnya dalam memorandum itu, dan semua orang lain yang bersetuju menjadi anggota sesuatu syarikat dan yang namanya dicatatkan di dalam daftar anggota-anggota hendaklah menjadi anggota syarikat itu.

Permohonan bagi pendaftaran syarikat asing sebagai terus wujud di Labuan.

16. (1) Tertakluk kepada seksyen 7, sesuatu syarikat asing yang diperbadankan di bawah undang-undang mana-mana negara selain daripada Malaysia, atau mana-mana bidang kuasa dalam negara tersebut, boleh, jika dibenarkan demikian oleh undang-undang negara atau bidang kuasa itu, memohon kepada Pendaftar untuk didaftarkan sebagai terus wujud di Labuan seolah-olah ia telah diperbadankan di bawah Akta ini.

(2) Apabila permohonan dibuat di bawah subseksyen (1), disokong oleh apa-apa material yang didapatinya cukup dan memuaskan, Pendaftar boleh, jika dia berpuas hati bahawa persetujuan apa-apa bilangan atau perkadaran pemegang-pemegang syer, pemegang-pemegang debentur dan pemiutang-pemiutang syarikat asing itu sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang negara atau bidang kuasa itu, dan persetujuan pegawai yang hak bagi negara atau bidang kuasa itu, terhadap pendaftaran demikian telah didap'atkan oleh syarikat itu, mendaftarkan syarikat itu sebagai terus wujud sedemikian dan, jika didaftarkan demikian, syarikat itu hendaklah selepas itu disifatkan sebagai suatu syarikat luar pesisir

yang diperbadankan di bawah Akta ini dan berdomisil di Labuan.

Dengan syarat bahawa tiada syarikat asing boleh didaftarkan di bawah seksyen ini jika—

- (a) ia adalah dalam proses penggulungan atau likuidasi;
- (b) penerima bagi hartanya telah dilantik; atau
- (c) terdapat apa-apa skim atau perintah yang berkuatkuasa berhubungan dengan syarikat itu yang menurutnya hak pemiutang-pemiutang adalah digantung atau dihadkan.

(3) Pendaftaran sesuatu syarikat asing di bawah seksyen ini tidaklah boleh berkuatkuasa—

- (a) mewujudkan sesuatu entiti undang-undang yang baru;
- (b) menjejaskan atau menyentuh keberterusan syarikat itu;
- (c) menyentuh harta syarikat itu;
- (d) mencatatkan apa-apa prosiding undang-undang atau lain-lain prosiding yang dimulakan, atau akan dimulakan, oleh atau terhadap syarikat itu atau mana-mana orang lain; atau
- (e) menyentuh apa-apa hak, kuasa, autoriti, kewajipan, fungsi, liabiliti atau obligasi syarikat itu atau mana-mana orang lain.

(4) Apabila sesuatu syarikat asing didaftarkan di bawah seksyen ini—

- (a) sekian banyak daripada perlembagaannya yang, jika ia telah diperbadankan di bawah Akta ini, dikehendaki oleh Akta ini supaya dimasukkan ke dalam memorandum persatuannya, hendaklah disifatkan sebagai memorandum persatuan syarikat itu; dan
- (b) sekian banyak daripada perlembagaannya yang tidak, mengikut perenggan (a), menjadi

memorandum persatuannya, hendaklah disifatkan sebagai perkara-perkara persatuan syarikat itu,

dan memorandum dan perkara-perkara yang disifatkan itu hendaklah mengikat syarikat itu dan anggota-anggotanya dengan sewajarnya.

Kelulusan terdahulu pada prinsipnya.

17. (1) Sesuatu syarikat asing boleh, sebelum memohon untuk didaftarkan di bawah seksyen 16, meminta supaya pendaftaran itu diluluskan pada prinsipnya dan apabila permintaan itu dibuat dan dibayar fee yang ditetapkan, Pendaftar boleh, jika dia berpuas hati bahawa syarikat itu layak untuk didaftarkan di bawah seksyen 16, mengeluarkan suatu perakuan mengesahkan kelulusannya bagi syarikat itu didaftarkan demikian tertakluk kepada suatu permohonan di bawah seksyen 16 dibuat dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh perakuan itu.

(2) Perakuan kelulusan yang diberi oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1) tidaklah melepaskan syarikat asing yang dikeluarkan perakuan itu daripada mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen 16 dalam permohonan pendaftaran yang berikutnya.

Kehendak-kehendak mengenai memorandum.

18. (1) Memorandum tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah bercetak dan dibahagikan menjadi perenggan-perenggan bernombor dan bertarikh dan hendaklah menyatakan yang berikut:

- (a) nama syarikat itu;
- (b) tujuan-tujuan syarikat itu;
- (c) amaun modal syer yang dengannya syarikat itu dicadang hendak didaftarkan dan pembagiannya kepada syer-syer amaun tetap;
- (d) nama penuh dan alamat tiap-tiap penandatanganannya; dan
- (e) bahawa penandatangan atau penandatangan-penandatangan memorandum itu berhasrat supaya dibentuk menjadi suatu syarikat luar pesisir menurut memorandum dan masing-masing bersetuju mengambil bilangan syer-syer

dalam modal syarikat itu yang dinyatakan ber-setentangan dengan nama mereka masing-masing.

(2) Anggota-anggota syarikat luar pesisir hendaklah bertanggung kepada syarikat itu sebanyak amaun yang tak berbayar bagi syer-syer mereka tetapi liabiliti mereka sebagai anggota-anggota adalah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, terhad kepada amaun, jika ada, yang tak berbayar bagi syer-syer yang dipegang oleh mereka.

PENGGAL2

STATUS DAN NAMA

19. Kuasa-kuasa sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah termasuk, melainkan jika dikecualikan atau diubahsuaikan dengan nyata oleh perkara-perkaranya, kuasa-kuasa yang dinyatakan dalam Jadual, yang boleh dijalankan di Labuan dan di tempat-tempat lain, dan apa-apa kuasa lain yang dinyatakan dalam perkara-perkaranya atau diberikan kepadanya secara am atau khusus oleh peraturan-peraturan.

Kuasa-kuasa syarikat.

20. (1) Tiada perbuatan atau perbuatan yang dikatakan sesuatu syarikat luar pesisir (termasuk pembuatan suatu perjanjian oleh syarikat itu dan termasuk apa-apa perbuatan yang dilakukan bagi pihak syarikat itu oleh seorang pegawai atau ejen syarikat itu di bawah mana-mana kuasa yang dikatakan, sama ada nyata atau tersirat, bagi syarikat itu) dan tiada pemindahhakan atau pemindahmilikan harta, sama ada harta tanah atau harta alih, kepada atau oleh suatu syarikat luar pesisir boleh menjadi tak sah semata-mata oleh sebab fakta bahawa syarikat itu adalah tak berkeupayaan atau tak berkuasa untuk melakukan perbuatan itu atau untuk menyempurnakan atau mengambil pemindahhakan atau pemindahmilikan itu.

Transaksi-transaksi *ultra-vires*.

(2) Apa-apa ketiadaan keupayaan atau kuasa boleh ditegaskan atau disandarkan hanya dalam—

(a) prosiding-prosiding terhadap syarikat luar pesisir itu oleh mana-mana anggota syarikat itu

atau, jika syarikat itu telah menerbitkan debentur-debentur bercagarkan gadaian terapung atas kesemua atau mana-mana harta syarikat itu, oleh pemegang mana-mana debentur itu, atau oleh suatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur itu, untuk menahan perlakuan apa-apa perbuatan atau pemindahhakan atau pemindahmilikan apa-apa harta kepada atau oleh syarikat itu;

- (b) apa-apa prosiding oleh syarikat itu atau oleh mana-mana anggota syarikat itu terhadap pegawai-pegawai sekarang atau dahulu syarikat itu; atau
- (c) apa-apa petisyen oleh Menteri untuk mengulung syarikat itu.

(3) Jika perbuatan, pemindahhakan atau pemindahmilikan tak dibenarkan yang hendak ditahan dalam mana-mana presiding di bawah subseksyen (2) (a) sedang dilaksanakan atau dibuat atau hendak dilaksanakan atau dibuat menurut apa-apa kontrak yang syarikat luar pesisir itu menjadi pihak, Mahkamah boleh, jika kesemua pihak dalam kontrak itu adalah pihak-pihak dalam presiding itu dan jika disifatkan adil dan saksama oleh Mahkamah, mengetepikan dan menahan pelaksanaan kontrak itu dan boleh memberikan kepada syarikat itu atau kepada pihak-pihak lain dalam kontrak itu, mengikut kehendak keadaan, pampasan bagi kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana daripada mereka yang berbangkit daripada pengetepian dan penahanan pelaksanaan kontrak itu, tetapi keuntungan-keuntungan dijangkakan yang akan terbit daripada pelaksanaan kontrak itu tidak boleh diawardkan oleh Mahkamah sebagai suatu kerugian atau kerosakan yang ditanggung.

Nama-nama syarikat luar pesisir.

21. (1) Kecuali dengan persetujuan Menteri, sesuatu syarikat luar pesisir tidak boleh didaftarkan dengan suatu nama yang, pada pendapat Pendaftar, adalah tak diingini atau adalah nama, atau termasuk nama, daripada jenis yang Pendaftar selainnya enggan menerima bagi pendaftaran.

(2) Sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah mempunyai perkataan "(L)" sebagai sebahagian daripada namanya dan hendaklah juga mempunyai—

- (a) perkataan "Berhad" atau singkatan "Bhd.";
- (b) perkataan "Corporation" atau perkataan "Incorporated" atau singkatan "Corp." atau "Inc.";
- (c) perkataan "Limited" atau singkatan "Ltd.";
- (d) perkataan-perkataan "Public Limited Company" atau singkatan "P.L.C.";
- (e) perkataan-perkataan "Societe Anonyme" atau "Sociedad Anonima" atau singkatan "S.A."; atau
- (f) dalam huruf rumi, apa-apa perkataan atau perkataan-perkataan dalam bahasa kebangsaan mana-mana negara yang bermaksud suatu syarikat saham bersama yang terhad mengikut syer atau apa-apa singkatannya,

sebagai sebahagian daripada, dan di akhir, namanya.

(3) Tiada perihalan mengenai sesuatu syarikat luar pesisir boleh disifatkan tidak mencukupi atau tidak betul oleh sebab penggunaan suatu singkatan atau singkatan-singkatan sebagai ganti apa-apa perkataan atau perkataan-perkataan yang tersebut dalam subseksyen (2) dan sebaliknya.

(4) Seseorang boleh menyerahkan kepada Pendaftar suatu permohonan mengikut bentuk yang ditetapkan bagi perizaban suatu nama yang dinyatakan dalam permohonan sebagai—

- (a) nama suatu syarikat luar pesisir yang dicadangkan; atau
- (b) nama yang kepadanya suatu syarikat luar pesisir bercadang hendak menukarkan namanya.

(5) Jika Pendaftar berpendapat bahawa permohonan itu dibuat secara *bonafide* dan berpuas hati bahawa nama yang dicadangkan itu adalah suatu nama yang dengannya syarikat luar pesisir yang dicadangkan itu atau syarikat

luar pesisir itu boleh didaftarkan tanpa melanggar subseksyen (1), dia hendaklah merizabkan nama yang dicadangkan itu selama tempoh tiga bulan mulai dari tarikh permohonan itu diserahkan.

(6) Semasa tempoh yang suatu nama dirizabkan, tiada seorang pun (selain daripada syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir yang dicadangkan yang berkenaan dengannya nama itu dirizabkan) boleh didaftarkan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain, sama ada pada asalnya atau atas pertukaran nama, dengan nama yang dirizabkan itu atau dengan apa-apa nama lain yang pada pendapat Pendaftar adalah begitu hampir menyerupai nama yang dirizabkan itu hingga mungkin menimbulkan kekeliruan dengan nama itu,

(7) Perizaban sesuatu nama di bawah seksyen ini berkenaan dengan suatu syarikat luar pesisir yang dicadangkan atau syarikat luar pesisir tidaklah dengan sendirinya memberikan kepada syarikat yang dicadangkan atau syarikat itu hak untuk didaftarkan dengan nama itu, sama ada pada asalnya atau atas pertukaran nama.

Pertukaran
nama.

22. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir boleh, melalui ketetapan khas, membuat ketetapan bahawa namanya patut ditukar kepada suatu nama yang dengannya syarikat itu boleh didaftarkan tanpa melanggar seksyen 21 (1).

(2) Jika Pendaftar meluluskan nama yang syarikat itu telah membuat ketetapan sebagai patut menjadi nama barunya, dia hendaklah, apabila dibayar fee yang ditetapkan, mengeluarkan suatu perakuan pemerbadanan syarikat itu di bawah nama barunya dan apabila dikeluarkan perakuan pemerbadanan itu, pertukaran nama itu hendaklah berkuatkuasa.

(3) Jika nama sesuatu syarikat luar pesisir (sama ada dengan, tidak sengaja atau selainnya dan sama ada pada asalnya atau melalui pertukaran nama) adalah suatu nama yang dengannya syarikat itu tidak boleh didaftarkan tanpa melanggar seksyen 21(1), syarikat itu boleh, melalui ketetapan khas, menukar namanya kepada suatu nama yang dengannya syarikat itu boleh didaftarkan tanpa melanggar subseksyen itu dan, jika diarahkan demikian oleh

Pendaftar, hendaklah menukarkannya dalam masa enam minggu selepas tarikh arahan itu atau dalam tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Pendaftar, melainkan jika Menteri, melalui notis bertulis, mengunghkaikan arahan itu, dan jika syarikat itu tidak mematuhi arahan itu ia adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit.

(4) Suatu pertukaran nama menurut Akta ini tidaklah menyentuh identiti syarikat luar pesisir itu atau apa-apa hak atau obligasi syarikat itu atau mencatatkan apa-apa presiding oleh atau terhadap syarikat itu; dan apa-apa presiding undang-undang yang mungkin telah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya melalui nama dahulunya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya dengan nama barunya.

23. (1) Maka hendaklah diserahkan bersama-sama dengan memorandum suatu syarikat luar pesisir, perkara-perkara persatuan yang ditandatangani oleh penandatanganan-memorandum yang menetapkan peraturan-peraturan bagi syarikat itu.

Perkara-
perkara
persatuan.

(2) Perkara-perkara hendaklah—

- (a) bercetak;
- (b) dibahagikan menjadi perenggan-perenggan bernombor; dan
- (c) ditandatangani oleh setiap penandatanganan memorandum atau, jika mana-mana penandatanganan adalah suatu syarikat, dimeteraikan dengan meterai syarikatnya atau ditandatangani bagi pihaknya.

24. (1) Tertakluk kepada Akta ini, suatu syarikat luar pesisir boleh, melalui ketetapan khas, mengubah atau menambah memorandum atau perkara-perkara.

Pengubahan
memorandum
atau
perkara-
perkara.

(2) Apa-apa perubahan atau tambahan yang dibuat dalam memorandum atau perkara-perkara hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh notis ketetapan yang relevan diserahkan kepada Pendaftar dan sama sahnyanya seolah-olah pada mulanya lagi ia terkandung di dalam

memorandum atau perkara-perakara itu dan hendaklah tertakluk, mengikut cara yang sama, kepada perubahan melalui ketetapan khas.

Salinan-salinan memorandum dan perkara-perkara.

25. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah, apabila dikehendaki oleh mana-mana anggota, member! kepadanya suatu salinan memorandum dan perkara-perkara (jika ada) apabila anggota itu membayar suatu amaun yang ditentukan oleh pengarah-pengarah sebagai semunasabahnya perlu bagi menanggung kos penyediaan dan pemberian itu.

(2) Jika suatu perubahan dibuat dalam memorandum atau perkara-perkara sesuatu syarikat luar pesisir, suatu salinan memorandum atau perkara-perkara itu tidaklah boleh dikeluarkan oleh syarikat itu selepas tarikh perubahan melainkan jika—

- (a) salinan itu adalah mengikut perubahan itu; atau
- (b) suatu salinan bercetak perintah atau ketetapan yang membuat perubahan itu dilampirkan kepada salinan memorandum atau perkara-perkara dan fasal-fasal atau perkara-perkara tertentu yang tersentuh ditunjukkan dengan dakwat.

(3) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, syarikat luar pesisir itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit.

Transaksi dan penubuhan cawangan.

26. (1) Kontrak-kontrak bagi pihak sesuatu syarikat luar pesisir boleh dibuat seperti berikut:

- (a) suatu kontrak yang, jika dibuat di antara orang-orang persendirian, adalah dikehendaki oleh undang.-undang dibuat secara bertulis di bawah meterai, boleh dibuat bagi pihak syarikat itu secara bertulis di bawah meterai biasa syarikat itu;
- (b) suatu kontrak yang, jika dibuat di antara orang-orang persendirian, adalah dikehendaki oleh

undang-undang dibuat secara bertulis dengan ditandatangani oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan dengannya, boleh dibuat bagi pihak syarikat itu secara bertulis dan ditandatangani oleh mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya yang nyata atau tersirat; dan

- (c) suatu kontrak yang, jika dibuat di antara orang; orang persendirian, adalah sah di sisi undang-undang walaupun dibuat secara lisan sahaja, dan tidak diubah ke dalam bentuk tulisan, boleh dibuat secara lisan bagi pihak syarikat itu oleh mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya, yang nyata atau tersirat,

dan apa-apa kontrak yang dibuat sedemikian hendaklah berkesan di sisi undang-undang dan hendaklah mengikat syarikat itu dan pengganti-penggantinya dan semua pihak lain kepadanya dan bolehlah diubah atau dilaksanakan mengikut cara yang ia dibenarkan dibuat.

(2) Sesuatu dokumen atau prosiding yang menghendaki pengesahan oleh sesuatu syarikat luar pesisir bolehlah ditandatangani oleh seorang pegawai berkuasa syarikat itu dan tidak perlu dibuat di bawah metera biasanya.

(3) Sesuatu syarikat luar pesisir boleh, secara bertulis di bawah meterai biasanya, memberikuasa kepada mana-mana orang, sama ada secara am atau berkenaan dengan apa-apa perkara tertentu sebagai ejennya atau wakilnya bagi menyempurnakan suratikatan bagi pihaknya, dan suratikatan yang ditandatangani oleh ejen atau wakil itu bagi pihak syarikat itu di bawah meterainya atau di bawah meterai yang sesuai bagi syarikat itu, hendaklah mengikat syarikat itu; dan semua orang yang berurusan dengan suci hati hendaklah berhak menganggap penyempurnaan suratikatan itu adalah mengikut aturan dan sempurna, dan bertindak sewajarnya.

(4) Sesuatu syarikat luar pesisir boleh, jika dibenarkan oleh perkara-perkaranya, menubuhkan suatu cawangan di mana-mana bahagian dunia tetapi ia tidak boleh

menubuhkan suatu cawangan di mana-mana bahagian Malaysia di luar Labuan.

(5) Sesuatu syarikat luar pesisir dan mana-mana cawangannya boleh mempunyai untuk kegunaan di mana-mana tempat di luar Labuan suatu meterai biasa pendua yang hendaklah menjadi suatu facsimile meterai biasa syarikat itu dengan menambah pada mukanya nama cawangan itu; meterai itu hendaklah dikenali sebagai meterai cawangan.

(6) Jika sesuatu syarikat luar pesisir telah menubuhkan suatu cawangan ia boleh, dalam suratcara yang menubuhkan cawangan itu atau dalam suatu suratcara yang kemudiannya yang ditandatangani atau dimeteraikan oleh setiausaha pemastautin atau di bawah meterainya sendiri, melantik seorang atau lebih untuk menjadi pengarah-pengarah cawangan dan untuk menubuhkan suatu lembaga tempatan dan membuat peruntukan bagi suatu meterai cawangan dan bagi penjagaannya dan menetapkan orang yang boleh mengecapkan meterai itu; dan tertakluk kepada apa-apa arahan atau sekatan yang dikenakan dari semasa ke semasa oleh pengarah-pengarah syarikat itu, sesuatu cawangan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengikat syarikat itu dan mengeluarkan syer-syer atau debentur-debentur syarikat itu.

(7) Sesuatu cawangan boleh mengadakan transaksi mengikut cara yang sama sebagaimana syarikat luar pesisir boleh mengadakan transaksi.

(8) Suratcara-suratcara yang dibuat atau disahkan di bawah atau dengan menggunakan mana-mana meterai cawangan sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah sama berkesannya seolah-olah meterai biasa syarikat itu telah dicapkan padanya; dan tarikh bila dan tempat di mana meterai cawangan itu dicapkan pada mana-mana suratcara hendaklah ditunjukkan pada suratcara itu.

Larangan terhadap perjalanan perniagaan apabila syarikat luar pesisir tiada anggota.

27. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika pada bila-bila masa sesuatu syarikat luar pesisir tiada anggota dan menjalankan perniagaan selama lebih daripada enam bulan semasa ia tiada anggota itu, tiap-tiap pegawai, penghkhidmat, pekerja atau ejen syarikat itu pada tempoh yang ia menjalankan perniagaan selepas enam bulan itu

yang tahu bahawa syarikat itu tiada anggota adalah bertanggung, dan jika lebih daripada seorang, bersesama dan berasingan, untuk membayar keseluruhan hutang syarikat yang diadakan pada tempoh yang ia menjalankan perniagaan selepas enam bulan tersebut, dan pegawai, pengkhidmat, pekerja atau ejen itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini jika syarikat itu menjalankan perniagaan demikian selepas enam bulan itu.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai berkenaan dengan seseorang pegawai, pengkhidmat, pekerja, atau ejen sesuatu syarikat luar pesisir yang tiada anggota yang menjalankan perniagaan syarikat itu selepas enam bulan tersebut jika pegawai, pengkhidmat, pekerja atau ejen itu berbuat demikian menurut suatu arahan Mahkamah atau di bawah arahan seorang pelikuidasi diluluskan yang dilantik berkenaan dengan syarikat itu.

BAHAGIAN IV

SYER, DEBENTUR DAN GADAIAN

PENGGAL I

PROSPEKTUS

28. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) mengeluarkan suatu pelawaan kepada awam untuk mendepositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing; atau
- (b) mengeluarkan suatu pelawaan, atau membahagi-bahagikan borang permohonan, kepada awam untuk memohon beli syer-syer atau debentur-debentur dalam sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing,

Sekatan ke atas pelawaan pelaburan daripada awam.

melainkan mengikut Bahagian ini.

(2) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai suatu pelawaan atau tawaran kepada awam hendaklah diertikan sebagai termasuk suatu pelawaan atau tawaran yang tidak ditujukan khusus kepada suatu golongan orang yang terhad.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (2), suatu pelawaan atau tawaran kepada awam tidaklah boleh dianggap sebagai ditujukan kepada suatu golongan orang yang terhad melainkan jika—

- (a) pelawaan atau tawaran itu ditujukan kepada suatu golongan orang yang boleh dikenalpasti yang kepadanya pelawaan atau tawaran itu disampaikan secara terus oleh orang yang membuat pelawaan atau tawaran itu atau oleh ejen yang dilantik olehnya; atau
- (b) hanya anggota-anggota golongan itu sahaja yang boleh menerima tawaran itu dan mereka mempunyai maklumat yang cukup untuk membolehkan suatu penilaian yang munasabah dibuat terhadap pelawaan atau tawaran itu,

dan jumlah bilangan orang yang disampaikan pelawaan atau tawaran itu tidak melebihi dua puluh.

Pelawaan
kepada
awam.

29. (1) Mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, atau mana-mana pegawai, pengarah, ejen atau mana-mana orang yang lain bagi pihak syarikat itu yang—

- (a) mengeluarkan suatu pelawaan atau membahagi-bahagikan borang permohonan kepada awam atau kepada orang raniai untuk memohon beli syer-syer atau debentur-debentur dalam syarikat itu; atau
- (b) mengeluarkan suatu pelawaan kepada awam atau kepada orang ramai untuk mendepositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada syarikat itu,

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini, melainkan jika—

- (c) Pendaftar telah terlebih dahulu memberikan keizinan bertulisnya bagi pengeluaran pelawaan itu atau pembahagian borang-borang permohonan itu kepada awam; dan
- (d) pelawaan itu atau pembahagian boang-borang permohonan itu kepada awam dibuat mengikut Bahagian ini.

Penalti: Penjara selama lima tahun atau tiga puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Tiada pelawaan untuk memohon beli syer-syer atau debentur-debentur, atau untuk mendepositkan wang dengan, atau member! pinjaman wang kepada, sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, boleh dibuat kepada pemastautin-pemastautin Malaysia, dan mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Penjara selama tiga tahun atau sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

30. (1) Tertakluk kepada seksyen 32 (1) dan subseksyen (2) seksyen ini, seseorang tidak boleh mengeluarkan, mengedarkan atau membahagi-bahagikan apa-apa borang permohonan bagi syer-syer dalam atau debentur-debentur bagi sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing melainkan jika borang itu dikeluarkan, diedarkan atau dibahagi-bahagikan bersama-sama dengan suatu prospektus yang suatu salinannya telah didaftarkan oleh Pendaftar.

Kehendak mengeluarkan borang permohonan bagi syer atau debentur bersama-sama prospektus.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai jika borang permohonan itu dikeluarkan, diedarkan atau dibahagi-bahagikan berkaitan dengan syer-syer atau debentur-debentur yang tidak ditawarkan kepada awam.

(3) Sesuatu syarikat luar pesisir tidak boleh, tanpa kelulusan suatu ketetapan khas, mengubah terma-terma sesuatu kontrak yang tersebut di dalam prospektus, melainkan jika perubahan itu dibuat tertakluk kepada kelulusan suatu ketetapan khas.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Penjara selama lima tahun atau tiga puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Pelawaan kepada awam untuk memberi pinjaman wang kepada atau men-depositkan wang dengan suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing.

31. (1) Suatu pelawaan kepada awam untuk men-depositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing tidak boleh dikeluarkan, diedarkan atau dibahagi-bahagikan oleh syarikat itu atau oleh mana-mana orang lain melainkan jika—

- (a) suatu prospektus yang berhubungan dengan pelawaan itu telah didaftarkan oleh Pendaftar;
- (b) prospektus itu mengandungi suatu akujanji oleh syarikat itu bahawa ia akan, dalam masa dua bulan selepas penerimaan apa-apa wang sebagai suatu deposit atau pinjaman daripada mana-mana orang sebagai sambutan kepada pelawaan itu, mengeluarkan kepada orang itu suatu dokumen yang mengakuterima, membuktikan atau merupakan suatu pengakuan keterhutangan syarikat itu berkenaan dengan deposit atau pinjaman itu; dan
- (c) dokumen itu diperihalkan atau disebutkan dalam prospektus dan dalam mana-mana dokumen lain, sama ada yang merupakan atau berhubungan dengan pelawaan itu, sebagai—
 - (i) suatu nota tak bercagar atau suatu nota deposit tak bercagar;
 - (ii) suatu debentur gadai-jarigi atau perakuan saham debentur gadai-jarigi; atau
 - (iii) suatu debentur atau perakuan saham debentur,

mengikut seksyen ini.

(2) Bagi maksud-maksud Penggal ini, mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang menerima atau bersetuju menerima daripada mana-mana orang apa-apa wang sebagai deposit atau pinjaman hendaklah disifatkan membuat suatu pelawaan kepada awam supaya men-depositkan wang dengan atau memberi pinjaman wang kepada syarikat atau syarikat yang dicadangkan itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing adalah tidak

dikehendaki mengeluarkan suatu prospektus jika ia tidak, pada bila-bila masa, berada di bawah suatu liabiliti (sama ada atau tidak liabiliti itu pada masa sekarang atau masa hadapan) untuk membayar balik apa-apa wang yang diterimanya sebagai deposit atau pinjaman dari lebih daripada dua puluh orang.

(4) Jika, menurut suatu pelawaan yang tersebut dalam subseksyen (1), sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing telah menerima daripada mana-mana orang apa-apa wang sebagai suatu deposit atau pinjaman, syarikat itu hendaklah, dalam masa dua bulan selepas penerimaan wang itu, mengeluarkan kepada orang itu suatu dokumen yang—

- (a) mengakuterima, membuktikan atau merupakan suatu pengakuan keterhutangan syarikat itu berkenaan dengan deposit atau pinjaman itu; dan
- (b) mematuhi perihalan yang terkandung dalam prospektus dan peraturan-peraturan dan mengandungi pada permukaannya suatu pernyataan bahawa ia adalah suatu dokumen seperti yang diperihalkan itu.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini terpakai bagi sesuatu syarikat ditetapkan dan tiada apa-apa dalam Akta ini boleh menghendaki suatu prospektus dikeluarkan berkaitan dengan apa-apa pelawaan kepada awam supaya mendepositkan wang dengan sesuatu syarikat ditetapkan.

(6) Menteri boleh, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau syarikat amanah sebagai suatu syarikat ditetapkan bagi maksud-maksud seksyen ini.

(7) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi apa-apa peruntukan seksyen ini dan mana-mana pegawai sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang ingkar, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Penjara selama lima tahun atau tiga puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(8) Bagi maksud-maksud seksyen ini, suatu dokumen yang dikeluarkan oleh suatu syarikat peminjam yang memperakui bahawa seseorang yang dinamakan dalamnya adalah, berkenaan dengan apa-apa deposit dengan atau pinjaman kepada syarikat itu, pemegang berdaftar suatu bilangan atau nilai tertentu—

- (a) nota tak bercagar atau nota deposit tak bercagar;
- (b) debentur gadai-janji atau perakuan saham debentur gadai-janji; atau
- (c) debentur atau perakuan saham debentur,

yang diterbitkan oleh syarikat itu atas atau tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam suatu suratikatan amanah yang disebutkan atau dikenalpasti dalam perakuan itu, hendaklah disifatkan sebagai suatu dokumen yang membuktikan keterhutangan syarikat itu berkenaan dengan deposit atau pinjaman itu.

Kelulusan
Pendaftar,
atau
pematuhan
peraturan-
peraturan,
berkenaan
dengan
pengeluaran
prospektus.

32. (1) Sehingga peraturan-peraturan berkenaan dengan pengeluaran prospektus-prospektus dibuat, tiada prospektus boleh dikeluarkan melainkan jika ia telah diluluskan tentang bentuk dan kandungannya oleh Pendaftar.

(2) Apabila peraturan-peraturan yang berhubungan dengan pengeluaran prospektus dibuat, sesuatu prospektus hendaklah hanya dikeluarkan mengikut peruntukan peraturan-peraturan itu.

Iklan.

33. (1) Tiada iklan yang menawarkan atau meminta perhatian terhadap suatu tawaran atau tawaran yang dicadangkan bagi, syer-syer dalam atau debentur-debentur bagi sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau syarikat luar pesisir yang dicadangkan kepada awam untuk dipohon beli atau dibeli boleh disiarkan di Labuan atau di tempat-tempat lain melainkan jika ia telah diluluskan oleh Pendaftar; dan tiap-tiap iklan itu mesti mengandungi maklumat bahawa pemastautin-pemastautin Malaysia adalah tidak layak menerima tawaran itu.

(2) Permohonan bagi kelulusan sesuatu iklan hendaklah diserahkan kepada Pendaftar bersama-sama

dengan suatu salinan iklan yang ditentusahkan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Pendaftar.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen (1) dengan menyiarkan atau menyebabkan disiarkan di Labuan atau di tempat-tempat lain suatu iklan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Pendaftar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Sepuluh ribu ringgit.

34. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir tidak boleh menerima atau menyimpan mohon beli bagi sesuatu terbitan debentur yang melebihi amaun terbitan itu sebagaimana yang dizahirkan dalam prospektus melainkan jika syarikat itu telah menyatakan dalam prospektus itu—

Penyimpanan
mohon beli
berlebihan
terbitan
debentur.

- (a) bahawa ia dengan nyata berhak menerima atau menyimpan mohon beli berlebihan; dan
- (b) had ke atas amaun mohon beli berlebihan yang boleh diterima atau disimpan.

(2) Tertakluk kepada apa-apa peraturan, jika sesuatu syarikat luar pesisir menyatakan dalam prospektus yang berhubungan dengan terbitan debentur bahawa ia merizabkan hak untuk menerima atau menyimpan mohon beli berlebihan—

- (a) syarikat itu tidak boleh membuat, membenarkan atau mengizinkan apa-apa pernyataan atau sebutan mengenai sandaran aset bagi terbitan dibuat atau terkandung dalam mana-mana prospektus yang berhubungan dengan terbitan itu, selain daripada suatu pernyataan atau sebutan mengenai jumlah aset dan jumlah liabiliti syarikat dan syarikat penggerentinya (jika ada); dan
- (b) prospektus itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan atau sebutan mengenai apa yang akan menjadi jumlah aset dan jumlah liabiliti syarikat itu jika mohon beli berlebihan setakat had yang dinyatakan dalam prospektus itu diterima atau disimpan.

Pendaftaran prospektus.

35. (1) Sesuatu prospektus tidak boleh dikeluarkan, diedarkan atau dibahagi-bahagikan oleh mana-mana orang melainkan jika suatu salinan prospektus itu telah terlebih dahulu didaftarkan oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar tidak boleh mendaftarkan suatu salinan mana-mana prospektus jika ia mengandungi apa-apa pernyataan atau perkara yang pada pendapatnya adalah mengelirukan dari segi bentuk dan konteks ianya dimasukkan dan melainkan jika—

- (a) suatu salinan, yang ditandatangani oleh tiap-tiap pengarah dan oleh tiap-tiap orang yang dinamakan di dalamnya sebagai seorang pengarah dicadangkan bagi syarikat itu atau oleh ejennya yang diberikuasa secara bertulis, telah diserahkan kepada Pendaftar pada atau sebelum tarikh pengeluaran prospektus itu;
- (b) prospektus itu ternyata mematuhi kehendak-kehendak Akta ini dan peraturan-peraturan atau Pendaftar berpuas hati bahawa apa-apa penyelewengan daripada kehendak-kehendak Akta ini atau peraturan-peraturan oleh prospektus itu adalah berjustifikasi dan tidak mungkin mengelirukan orang yang melabur atas kepercayaannya pada kandungan prospektus itu; dan
- (c) ada diserahkan kepada Pendaftar, suatu salinan yang telah ditentu-sahkan sebagaimana yang ditetapkan, apa-apa persetujuan yang dikehendaki oleh seksyen 37 pada pengeluaran prospektus itu dan apa-apa kontrak material yang disebut dalam prospektus itu atau, dalam hal suatu kontrak sedemikian yang tidak diubah ke dalam bentuk bertulis, suatu memorandum yang memberi butir-butir lengkap mengenainya yang telah ditentu-sahkan sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Jika sesuatu prospektus dikeluarkan tanpa suatu salinannya didaftarkan, syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu dan tiap-tiap orang yang dengan

disedarinya menjadi pihak kepada pengeluaran prospektus itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Penjara selama tiga tahun atau sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

36. (1) Jika suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing mengumpukkan atau bersetuju untuk mengumpukkan kepada mana-mana orang apa-apa syer atau debentur syarikat itu dengan tujuan menawarkan kesemua atau mana-mana daripadanya untuk jualan kepada awam, tawaran kepada awam itu hendaklah dibuat melalui suatu syarikat amanah dan apa-apa dokumen yang melaluinya tawaran untuk jualan kepada awam dibuat hendaklah bagi semua maksud disifatkan sebagai suatu prospektus yang dikeluarkan oleh syarikat itu, dan semua undang-undang bertulis dan rukun undang-undang mengenai kandungan-kandungan prospektus dan mengenai liabiliti berkenaan dengan iklan-iklan dan pernyataan dan ketakzahiran dalam prospektus-prospektus, atau selainnya yang berhubungan dengan prospektus-prospektus, hendaklah terpakai dan mempunyai kuatkuasa sewajarnya seolah-olah syer-syer atau debentur-debentur itu telah ditawarkan kepada awam dan seolah-olah orang-orang yang menerima tawaran berkenaan dengan apa-apa syer atau debentur adalah pemohon-pemohon belinya tetapi tanpa menjejaskan liabiliti (jika ada) orang-orang yang membuat tawaran itu, berkenaan dengan pernyataan atau ketakzahiran dalam dokumen itu atau selainnya.

Dokumen yang mengandungi tawaran syer-syer disifatkan sebagai suatu prospektus.

(2) Bagi maksud-maksud Akta ini, melainkan jika sebaliknya dibuktikan maka, hendaklah menjadi keterangan bahawa suatu pengumpulan, atau suatu perjanjian untuk mengumpukkan, syer-syer atau debentur-debentur telah dibuat oleh suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing dengan tujuan menawarkan syer-syer atau debentur-debentur untuk jualan kepada awam jika ditunjukkan—

(a) bahawa suatu tawaran syer-syer atau debentur-debentur atau mana-mana daripadanya untuk

jualan kepada awam telah dibuat dalam masa enam bulan selepas pengumpulan atau perjanjian untuk mengumpukkan itu; atau

- (b) bahawa pada tarikh tawaran syer-syer atau debentur-debentur atau mana-mana daripadanya untuk jualan kepada awam dibuat, keseluruhan balasan yang hendaklah diterima oleh syarikat itu berkenaan dengan syer-syer atau debentur-debentur itu telah tidak diterima.

(3) Kehendak-kehendak Penggal ini mengenai prospektus hendaklah mempunyai kuatkuasa seolah-olah orang-orang yang membuat suatu tawaran yang dimaksudkan oleh seksyen ini adalah orang-orang yang dinamakan dalam suatu prospektus sebagai pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing.

(4) Sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak lain untuk mematuhi Penggal ini, dokumen yang membuat tawaran hendaklah menyatakan—

- (a) amaun bersih balasan yang diterima atau yang akan diterima oleh syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang membuat tawaran berkenaan dengan syer-syer atau debentur-debentur yang dimaksudkan oleh tawaran itu; dan
- (b) tempat dan masa bagi kontrak yang di bawahnya syer-syer dan debentur-debentur telah atau akan diumpukkan boleh diperiksa.

(5) Jika suatu tawaran yang dimaksudkan oleh seksyen ini dibuat oleh suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, maka adalah mencukupi jika dokumen yang disebutkan dalam subseksyen (1) ditandatangani bagi pihak syarikat itu oleh dua orang pengarah syarikat itu dan mana-mana pengarah itu boleh menandatangani melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis.

37. (1) Sesuatu prospektus yang mempelawa mohon beli atau pembelian syer-syer dalam atau debentur-debentur bagi sesuatu syarikat luar pesisir atau sesuatu syarikat luar pesisir asing dan termasuk suatu pernyataan yang dikatakan dibuat oleh seorang pakar tidak boleh dikeluarkan. melainkan jika—

Persetujuan pakar kepada pengeluaran prospektus yang mengandungi pernyataan olehnya.

- (a) pakar itu telah memberi persetujuannya dan telah tidak, sebelum suatu salinan prospektus dihantarserah untuk pendaftaran, menarik balik persetujuan bertulisnya kepada pengeluaran prospektus itu berserta pernyataan yang dimasukkan mengikut bentuk dan konteks yang ianya dimasukkan; dan
- (b) nyata terdapat dalam prospektus itu suatu pernyataan bahawa pakar itu telah memberi dan telah tidak menarik balik persetujuannya itu.

(2) Jika mana-mana prospektus dikeluarkan oleh sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing melanggar dengan seksyen ini, syarikat itu dan tiap-tiap orang yang dengan disedarinya menjadi suatu pihak kepada pengeluaran prospektus itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

- Penalti: Penjara selama tiga tahun atau sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

38. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, setiap daripada orang-orang berikut hendaklah bertanggungjawab membayar pampasan kepada semua orang yang memohon beli atau membeli apa-apa syer atau debentur dalam suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atas kepercayaanriya pada suatu prospektus bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung yang disebabkan oleh suatu pernyataan tidak benar di dalamnya atau disebabkan oleh ketakzahiran sengaja di dalamnya mengenai apa-apa perkara yang dalam pengetahuannya dan yang dia tahu adalah material, iaitu tiap-tiap orang yang—

Liabiliti sivil kerana pernyataan silap dalam prospektus.

- (a) adalah seorang pengarah syarikat itu pada masa pengeluaran prospektus;

- (b) membenarkan atau menyebabkan dirinya dinamakan dan adalah dinamakan dalam prospektus sebagai seorang pengarah atau sebagai telah bersetuju menjadi seorang pengarah sama ada dengan serta-merta atau selepas suatu lat tempoh;
- (c) adalah seorang penaja syarikat itu; atau
- (d) membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus itu.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam subseksyen (1), jika persetujuan seorang pakar dikehendaki bagi pengeluaran sesuatu prospektus dan dia telah memberi persetujuan itu, dia tidak boleh semata-mata oleh sebab persetujuan itu menjadi bertanggung .sebagai seorang yang membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus itu kecuali berkenaan dengan pernyataan yang tidak benar yang dikatakan dibuat olehnya sebagai seorang pakar, dan kemasukan dalam prospektus itu nama seseorang sebagai seorang pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur, juruaudit, jurubank, barrister, peguambela, peguamcara atau broker saham atau broker syer tidaklah boleh semata-mata kerana sebab itu sahaja ditafsirkan sebagai suatu kebenaran orang itu bagi pengeluaran prospektus itu.

(3) Tiada seorang pun akan menjadi bertanggung sedemikian melainkan jika dia membuktikan—

- (a) bahawa, setelah bersetuju menjadi pengarah syarikat itu, dia telah menarik balik persetujuannya sebelum pengeluaran prospektus itu, dan bahawa prospektus itu telah dikeluarkan tanpa kebenaran atau persetujuannya;
- (b) bahawa prospektus itu telah dikeluarkan tanpa pengetahuan atau persetujuannya dan dia telah dengan serta-merta memberi notis awam yang munasabah mengenainya setelah dia menyedari akan pengeluarannya;
- (c) bahawa selepas pengeluaran prospektus itu dan sebelum pengumpulan atau jualan di bawahnya dia, setelah menyedari akan apa-apa pernyataan

tidak benar di dalam pernyataan itu, telah menarik balik persetujuannya dan telah memberi notis awam yang munasabah mengenai penarikan balik itu dan mengenai sebabnya; atau

(d) bahawa—

- (i) berkenaan dengan tiap-tiap pernyataan tidak benar yang tidak dikatakan dibuat atas kebenaran seorang pakar atau suatu dokumen atau pernyataan rasmi awam, dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai," dan telah mempercayai sehingga masa pengumpulan atau penjualan syer-syer atau debentur-debentur itu bahawa pernyataan itu adalah benar;
- (ii) berkenaan dengan tiap-tiap pernyataan tidak benar yang dikatakan suatu pernyataan yang dibuat oleh seorang pakar atau yang berasaskan suatu pernyataan yang dibuat oleh seorang pakar atau terkandung dalam apa yang berupa suatu salinan atau cabutan daripada suatu laporan atau penilaian seorang pakar, ia benar-benar menggambarkan pernyataan itu, atau adalah suatu salinan benar dan bersih suatu cabutan daripada laporan atau penilaian itu, dan dia ada alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai sehingga ke masa pengeluaran prospektus itu, bahawa pakar yang membuat pernyataan itu adalah kompeten untuk membuatnya dan bahawa pakar itu telah memberi persetujuan yang dikehendaki oleh seksyen 37 kepada pengeluaran prospektus itu dan telah tidak menarik balik persetujuan itu sebelum suatu salinan prospektus dihantarserah untuk pendaftaran atau, pada pengetahuan orang itu, sebelum apa-apa pengumpulan atau penjualan di bawah prospektus itu; dan

(iii) berkenaan dengan tiap-tiap pernyataan tidak benar yang dikatakan suatu pernyataan yang dibuat oleh seorang pegawai rasmi atau terkandung dalam apa yang berupa suatu salinan atau cabutan daripada dokumen rasmi awam, ia adalah suatu gambaran yang betul dan tepat mengenai pernyataan atau salinan atau cabutan daripada dokumen itu.

(4) Subseksyen (3) tidaklah terpakai dalam hal seseorang yang bertanggung, disebabkan dia telah memberi persetujuan yang dikehendaki daripadanya oleh seksyen 37, sebagai seorang yang telah membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus berkenaan dengan suatu pernyataan tidak benar yang dikatakan telah dibuat olehnya sebagai seorang pakar.

(5) Seseorang yang, selain daripada subseksyen ini, akan juga menjadi bertanggung di bawah subseksyen (1), disebabkan dia telah memberi persetujuan yang dikehendaki daripadanya oleh seksyen 37, sebagai seorang yang telah membenarkan pengeluaran sesuatu prospektus berkenaan dengan suatu pernyataan yang tidak benar yang dikatakan telah dibuat olehnya sebagai seorang pakar tidak akan menjadi bertanggung sedemikian jika dia membuktikan—

- (a) bahawa, setelah memberikan persetujuannya di bawah seksyen 37 kepada pengeluaran prospektus itu, dia telah secara bertulis menarik balik persetujuan itu sebelum suatu salinan prospektus itu diserahkan kepada Pendaftar;
- (b) bahawa, setelah suatu salinan prospektus itu diserahkan kepada Pendaftar dan sebelum pengumpulan atau penjualan di bawahnya, dia, setelah menyedari mengenai pernyataan tidak benar itu, menarik balik secara bertulis persetujuannya dan memberi notis awam yang munasabah mengenai penarikan balik itu dan sebab-sebabnya; atau

(c) bahawa dia adalah kompeten untuk membuat pernyataan itu dan bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai sehingga masa pengumpulan atau penjualan syer-syer atau debentur-debentur itu bahawa pernyataan itu adalah benar.

(6) Jika—

(a) sesuatu prospektus mengandungi nama seseorang sebagai pengarah suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, atau sebagai telah bersetuju menjadi pengarah, dan dia tidak memberi persetujuannya untuk menjadi pengarah atau dia telah menarik balik persetujuannya itu sebelum pengeluaran prospektus itu, dan telah tidak membenarkan atau bersetuju dengan pengeluaran prospektus itu; atau

(h) persetujuan seseorang adalah dikehendaki di bawah seksyen 37 mengenai pengeluaran prospektus dan dia sama ada telah tidak memberi persetujuan itu atau telah menarik balik persetujuan itu sebelum pengeluaran prospektus itu,

pengarah-pengarah syarikat itu, kecuali mana-mana pengarah yang dengan tiada pengetahuan atau persetujuannya prospektus itu dikeluarkan, dan mana-mana orang lain yang membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus itu hendaklah menanggung rugi orang yang dinamakan itu atau yang persetujuannya adalah dikehendaki bagi keseluruhan gantirugi, kos dan perbelanjaan yang dia bertanggungjawab disebabkan namanya telah dimasukkan ke dalam prospektus itu atau kemasukan ke dalam prospektus itu suatu pernyataan yang dikatakan dibuat olehnya sebagai seorang pakar, atau dalam membela dirinya terhadap apa-apa tindakan atau presiding undang-undang yang dibawa terhadapnya berkenaan dengannya.

Liabiliti jenayah kerana pernyataan silap dalam prospektus.

39. (1) Jika dalam mana-mana prospektus, atau dalam mana-mana iklan daripada jenis yang tersebut dalam seksyen 33 (1), terdapat suatu pernyataan yang tidak benar atau ketakzahiran sengaja, mana-mana orang yang membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus atau iklan itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini melainkan jika dia membuktikan bahawa pernyataan atau ketakzahiran itu adalah tidak material atau bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mernpercayai, sehingga ke masa pengeluaran prospektus itu, bahawa pernyataan itu adalah benar atau ketakzahiran itu adalah tak material.

Penalti: Penjara selama lima tahun atau tiga puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Seseorang tidak boleh disifatkan sebagai telah membenarkan atau menyebabkan pengeluaran sesuatu prospektus semata-mata disebabkan dia memberikan persetujuan yang dikehendaki oleh Penggal ini kepada kemasukan ke dalam prospektus itu sesuatu pernyataan yang dikatakan dibuat olehnya sebagai seorang pakar.

PENGGAL 2

SEKATAN-SEKATAN KE ATAS PENGUMPUKAN

Syarikat amanah sebagai ejen dalam tawaran awam.

40. (1) Tiada pengumpulan boleh dibuat mengenai mana-mana syer sesuatu syarikat luar pesisir yang ditawarkan kepada awam melainkan jika syer-syer itu telah ditawarkan kepada awam melalui sesuatu syarikat amanah.

(2) Sesuatu syarikat amanah hendaklah menjadi ejen kepada syarikat luar pesisir yang menawarkan syer-syer kepada awam melalui syarikat amanah itu untuk menerima permohonan-permohonan bagi pengumpulan syer-syer dan hendaklah diperihalkan seperti itu dalam prospektus.

(3) Semua wang yang boleh dibayar atas permohonan syer-syer dalam sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah dibayar kepada syarikat amanah yang bertindak sebagai ejen untuk syarikat luar pesisir itu, dan sementara menanti penerimaan amaun bayaran minimum oleh syarikat amanah itu, ia hendaklah memegang semua wang yang

diterima olehnya atas amanah bagi pemohon itu dan jika amaun bayaran minimum itu tidak diterima oleh syarikat amanah dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus, syarikat amanah itu hendaklah, tertakluk kepada apa-apa hak di bawah terma-terma prospektus untuk memotong apa-apa kos dan bayaran yang terhutang kepadanya atau kepada Pendaftar berkaitan dengan prospektus atau tawaran itu atau tindakannya sebagai broker dalam perkara ini, mengembalikan wang permohonan atau sebahagian daripada yang tinggal selepas membuat pemotongan-pemotongan, (jika ada) mengikut terma-terma prospektus kepada pemohon-pemohon *pro rata* berasaskan amaun-amaun yang dibayar oleh mereka masing-masing.

(4) Apabila syarikat amanah yang bertindak sebagai ejen suatu syarikat luar pesisir menerima amaun bayaran minimum bagi pihak syarikat itu, syarikat amanah itu hendaklah, tertakluk kepada haknya untuk memotong daripada wang itu saraan dan perbelanjaan yang sepatutnya, memegang wang itu dan apa-apa wang permohonan selanjutnya sebagai ejen syarikat itu.

41. (1) Tiada pengumpulan boleh dibuat mengenai apa-apa syer sesuatu syarikat luar pesisir yang ditawarkan kepada awam melainkan jika—

Larangan pengumpulan melainkan jika bayaran minimum diterima.

(a) bayaran minimum telah dibayar; dan .

(b) jumlah wang yang kena dibayar atas permohonan bagi syer-syer yang dimohon beli itu telah diterima oleh syarikat itu,

tetapi jika suatu cek bagi jumlah wang yang kena dibayar itu telah diterima oleh syarikat itu, jumlah wang itu hendaklah disifatkan tidak diterima oleh syarikat itu sehingga cek itu dibayar oleh bank yang mengeluarkannya.

(2) Bayaran minimum itu hendaklah —

(a) dikira mengikut nilai nominal setiap syer, dan jika syer-syer itu diterbitkan dengan harga premium, mengikut nilai nominalnya, dan amaun premium yang kena dibayar ke atas setiap syer; dan

(b) dihitung tanpa mengira apa-apa amaun yang kena dibayar selain daripada dengan wang tunai.

(3) Amaun yang kena dibayar atas permohonan setiap syer yang ditawarkan kepada awam hendaklah tidak kurang daripada lima peratus daripada amaun nominal syer itu atau harga terbitannya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Apa-apa syarat yang menghendaki atau yang mengikat mana-mana pemohon syer supaya menepikan pematuhan apa-apa kehendak seksyen ini adalah tak sah.

(5) Tiada syarikat luar pesisir boleh mengumpukkan dan tiada pegawai atau penaja sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir yang dicadangkan boleh membenarkan atau mengizinkan syer-syer atau debentur-debentur diumpukkan kepada awam berasaskan suatu prospektus selepas tamatnya tempoh empat bulan daripada pengeluaran prospektus itu.

Penalti: Penjara selama tiga tahun atau sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Wang permohonan hendaklah dipegang atas amanah sehingga pengumpulan dibuat.

42. (1) Tertakluk kepada seksyen 40 (3) dan (4) dan seksyen 41 (1), semua wang permohonan dan wang lain yang dibayar sebelum pengumpulan oleh mana-mana pemohon bagi tawaran syer-syer atau debentur-debentur kepada awam oleh sesuatu syarikat luar pesisir, hendaklah, sehingga pengumpulan syer-syer atau debentur-debentur itu dibuat, dipegang atas amanah bagi pemohon itu dan wang itu hendaklah dibayar ke dalam dan disimpan dalam suatu akaun amanah yang berasingan, sementara menunggu pengumpulan, di suatu bank perdagangan yang diluluskan oleh Pendaftar secara bertulis.

(2) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini tiap-tiap pegawai yang ingkar yang dengan disedarinya dan dengan sengaja membenarkan atau mengizinkan keingkaran itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Penjara selama tiga tahun atau sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

PENGGAL3

SYER

43. (1) Jika sesuatu syarikat luar pesisir membuat apa-apa pengumpulan syer-syernya, syarikat itu hendaklah, dalam masa satu bulan selepas itu, menyerahkan kepada Pendaftar suatu penyata mengenai pengumpulan-pengumpulan itu yang menyatakan—

Penyata mengenai pengumpulan.

- (a) bilangan syer-syer yang terkandung dalam pengumpulan itu dan amaun yang dibayar bagi syer-syer tersebut;
- (b) tarikh pengumpulan itu;
- (c) amaun (jika ada) yang disifatkan dibayar, atau yang genap masa dan kena dibayar, bagi pengumpulan setiap syer;
- (d) jika modal syarikat itu terbahagi kepada syer daripada kelas-kelas yang berlainan, kelas syer-syer yang setiap syer dalam pengumpulan itu tergolong; dan
- (e) nama penuh dan alamat setiap penerima umpukan itu dan bilangan serta kelas syer yang diumpukkan kepada setiap seorang daripada mereka.

(2) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, tiap-tiap pegawai syarikat luar pesisir itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar.

44. Sesuatu syarikat luar pesisir boleh—

Panggilan.

- (a) membuat perkiraan, mengenai penerbitan syer, bagi mengubah amaun dan masa pembayaran panggilan-panggilan di antara pemegang-pemegang syer;
- (b) menerima daripada mana-mana anggota keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada amaun yang masih tak berbayar atas mana-mana syer walaupun tiada bahagian amaun itu yang telah dipanggil; dan

- (c) membayar dividen-dividen mengikut kadar amaun yang dibayar atas setiap syer jika suatu amaun yang lebih besar dibayar atas beberapa syer daripada syer-syer yang lain.

Liabiliti rizab.

45. Sesuatu syarikat luar pesisir boleh, melalui ketetapan khas, menentukan bahawa mana-mana bahagian modal syer tak dipanggil bagi syarikat itu tidak boleh dipanggil kecuali sekiranya syarikat itu digulung, tetapi tiada ketetapan sedemikian boleh menjejaskan hak-hak yang diperolehi oleh mana-mana orang sebelum ketetapan itu diluluskan.

Akaun premium syer.

46. (1) Jika sesuatu syarikat luar pesisir yang tidak dilesenkan menurut peruntukan-peruntukan Akta Bank Luar Pesisir 1990 menerbitkan syer dengan harga premium, sama ada bagi wang tunai atau selainnya, suatu jumlah wang yang sama banyak dengan amaun atau nilai agregat bagi premium atas syer-syer tersebut hendaklah dipindahkan ke dalam suatu akaun yang dinamakan "akaun premium syer", dan peruntukan-peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pengurangan modal syer sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, terpakai seolah-olah akaun premium syer itu adalah modal syer berbayar syarikat itu.

(2) Jika aset-aset diperolehi melalui penerbitan syer-syer sesuatu syarikat luar pesisir dan tiada balasan direkodkan, aset-aset yang diperolehi demikian hendaklah dinilai, dan jika nilai aset-aset itu melebihi nilai tara syer-syer tersebut, perbezaan di antara nilai tara syer itu dengan nilai aset-aset yang diperolehi, demikian hendaklah dipindahkan ke dalam akaun premium syer.

(3) Akaun premium syer boleh, walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam subseksyen (1), digunakan oleh syarikat luar pesisir itu—

- (a) bagi membayar syer-syer tak diterbitkan yang hendak diterbitkan kepada anggota-anggota syarikat sebagai syer bonus berbayar penuh;

(b) bagi menghapuskan—

- (i) perbelanjaan awal syarikat itu; atau

- (ii) perbelanjaan bagi, atau komisen yang dibayar atau diskaun yang dibenarkan atas, apa-apa penerbitan syer dalam, atau debentur bagi, syarikat itu; atau
 - (c) bagi mengadakan premium yang kena dibayar atas penebusan debentur atau syer keutamaan boleh tebus.
- (4) Jika syer-syer diterbitkan bagi sesuatu balasan selain daripada wang tunai di bawah subseksyen (2), syer-syer itu tidak boleh diumpukkan sehingga—
- (a) akujanji yang menjadi balasan itu telah dilaksanakan; atau
 - (b) aset yang menjadi balasan itu telah dipindahkan kepada syarikat; dan aset-aset hendaklah dianggap dipindahkan kepada sesuatu syarikat—
 - (i) dalam hal barang-barang, apabila pemunyaan atau hak kepunyaan barang-barang itu berpindah kepada syarikat itu atau apabila ia dihantARSERAH kepadanya;
 - (ii) dalam hal suratcara boleh niaga, apabila syarikat itu menjadi berhak untuk menguatkuasakan segala hak yang termaktub di dalamnya atas namanya sendiri tanpa persetujuan mana-mana orang lain; dan
 - (iii) dalam mana-mana hal lain, apabila pemunyaan atau hak yang kurang yang dipersetujui untuk diletakhakkan kepada syarikat itu telah diletakhakkan dengan sahnya kepada syarikat itu.

47. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah mempunyai kuasa untuk menerbitkan bilangan syer-syer yang dinyatakan dalam memorandumnya, yang boleh dibahagikan kepada satu kelas atau lebih, dengan apa-apa nama, keutamaan, batasan dan hak-hak relatif sebagaimana yang dinyatakan atau diperuntukkan dalam perkara-perkara, dan semua harga dan nilai yang diberikan berkenaan dengan syer-syer hendaklah dinyatakan dalam mata wang selain daripada mata wang Malaysia.

Kuasa menerbitkan syer, dan hak pengundian.

(2) Perkara-perkara boleh membataskan atau meniadakan hak-hak pengundian, atau memperuntukkan hak-hak pengundian khas, bagi syer-syer daripada apa-apa kelas atau syer-syer dalam apa-apa kelas setakat yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan.

Syarikat
luar pesisir
mengurus-
niagakan
syer-syernya
sendiri, dll

48. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir boleh memberi bantuan kewangan, sama ada secara langsung atau tak langsung, bagi maksud atau berkaitan dengan pembelian syer-syernya sendiri atau syer mana-mana subsidiarinya atau syarikat pemegang—

- (a) dalam penjalanan biasa perniagaannya, jika pemberian pinjaman wang adalah sebahagian daripada perniagaan biasa syarikat luar pesisir itu;
- (b) jika transaksi itu telah diluluskan melalui suatu ketetapan khas syarikat itu, dan pengarah-pengarah telah memperakukan kepada mesyuarat itu, secara bertulis, yang bermaksud bahawa tiada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa—
 - (i) syarikat itu adalah, atau selepas memberi bantuan kewangan itu akan menjadi, tak solven; atau
 - (ii) nilai boleh hasil aset syarikat itu, tidak termasuk amaun apa-apa bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman dan dalam bentuk aset yang disandarkan atau dibebankan bagi menjamin sesuatu gerenti, akan, selepas memberi bantuan kewangan atau pinjaman itu, menjadi kurang daripada agregat liabiliti dan modal dinyatakan bagi syarikat itu; atau
- (c) kepada pekerja-pekerja (selain daripada pekerja yang juga menjadi pengarah) syarikat itu atau mana-mana subsidiarinya atau syarikat pemegangnya.

(2) Sesuatu syarikat luar pesisir boleh membeli, mengambil, menerima atau selainnya memperolehi, memegang, memiliki, menyandarkan, memindahkan atau selainnya melupuskan syer-syernya sendiri, atau syer mana-mana subsidiarinya atau syarikat pemegangnya, tetapi pembelian syer-syer itu, sama ada secara langsung atau tak langsung, boleh dibuat hanya setakat lebihan perolehan yang tak dirizabkan dan tak terbatas yang ada bagi pembelian itu; dan jika perkara-perkara memperuntukkan demikian, atau dengan undi pengesahan pemegang sekurang-kurangnya tiga perempat daripada kesemua syer yang berhak mengundi mengenainya, setakat lebihan modal yang tak dirizabkan dan tak terbatas yang ada bagi pembelian itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), dengan syarat bahawa tiada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa syarikat itu adalah, atau selepas pembayaran itu akan menjadi, tak solven atau bahawa nilai boleh hasil aset syarikat itu akan, selepas pembayaran itu, menjadi kurang daripada agregat liabiliti dan modal dinyatakan bagi syarikat itu, sesuatu syarikat luar pesisir boleh membeli atau selainnya memperolehi syer-syernya sendiri bagi maksud—

- (a) menghapuskan syer-syer pecahan;
- (b) membayar pemegang-pemegang syer yang menentang yang berhak mendapat bayaran bagi syer-syer mereka di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan; atau
- (c) melaksanakan, tertakluk kepada Akta ini, penarikan balik syer-syer boleh tebus syarikat itu melalui penebusan atau pembelian dengan harga yang tidak melebihi harga penebusan.

49. Sesuatu syarikat luar pesisir boleh pada bila-bila masa, melalui ketetapan pengarah-pengarahnya, mengkenselkan kesemua atau mana-mana bahagian syer syarikat itu daripada apa-apa kelas yang diperolehinya semula, selain daripada syer boleh tebus yang telah ditebus atau dibeli, dan dalam hal sedemikian suatu pernyataan mengenai peng

Pengkenselkan syer-syer perolehan semula oleh syarikat luar pesisir.

Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pengkensenan itu.

Menerbitkan syer-syer dengan diskaun.

50. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, sesuatu syarikat luar pesisir boleh menerbitkan dengan diskaun syer-syer syarikat itu daripada kelas yang telah pun diterbitkan.

(2) Tiada syer boleh diterbitkan dengan diskaun tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Pendaftar.

(3) Sesuatu permohonan bagi menerbitkan syer-syer dengan diskaun hendaklah dibuat kepada suatu syarikat amanah, dan hendaklah disertakan dengan nama dan alamat semua anggota bersama-sama dengan notis yang dialamatkan kepada anggota-anggota tersebut memberitahu mereka tentang penerbitan yang dicadangkan itu dan menyatakan kadar diskaun maksimum yang syer-syer itu akan diterbitkan.

(4) Syarikat amanah yang kepadanya permohonan dibuat hendaklah, apabila menerima permohonan dan notis itu, menghantarkan notis itu dan memberitahu semua anggota yang kepadanya ia dialamatkan bahawa apa-apa bantahan hendaklah disampaikan supaya dapat diterima oleh syarikat amanah itu dalam masa empat puluh dua hari dari tarikh notis itu.

(5) Apabila habisnya tempoh enam puluh hari dari tarikh penghantaran notis yang tersebut dalam subseksyen (3), syarikat amanah itu hendaklah menyerahkan permohonan itu, bersama-sama dengan bantahan-bantahan yang diterimanya, kepada Pendaftar.

(6) Jika sesuatu permohonan sedemikian dibuat, Pendaftar boleh, jika, memandangkan kepada hal keadaan kes itu dan apa-apa bantahan, difikirkannya patut berbuat demikian, meluluskan penerbitan itu atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

Pengubahan modal syer.

51. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir boleh, melalui ketetapan khas, mengubah syarat-syarat memorandum

dan perkara-perkaranya mengikut mana-mana satu atau lebih daripada cara-cara yang berikut:

- (a) menambahkan modal syernya dengan mewujudkan syer-syer baru sebanyak amaun yang difikirkannya suaimanfaat;
- (b) menyatukan dan membahagi-bahagikan kesemua atau mana-mana modal syernya kepada syer-syer yang lebih besar amaunnya daripada syer-syernya yang ada;
- (c) memecahbahagikan syer-syernya atau mana-mana daripada syer-syer itu kepada syer-syer yang lebih kecil amaunnya daripada yang ditetapkan oleh memorandum atau perkara-perkara, dengan sedemikian cara supaya dalam pecah bahagian itu kadar di antara amaun berbayar dengan amaun (jika ada) tak berbayar atas setiap syer yang dikurangkan hendaklah sama seperti dalam hal syer yang daripadanya syer yang dikurangkan itu diperolehi;
- (d) menukarkan kesemua atau mana-mana syer berbayarnya kepada saham dan menukarkan semula saham itu kepada syer-syer berbayar daripada apa-apa peringkat nilai;
- (e) mengkenselkan syer-syer yang, pada tarikh ketetapan diluluskan bagi maksud itu, belum diambil atau belum dipersetujui untuk diambil oleh mana-mana orang, dan mengurangkan amaun modal syer itu sebanyak amaun syer-syer yang telah dikenselkan itu.

(2) Sesuatu pengkenselan syer-syer di bawah subseksyen (1) (e) tidak boleh disifatkan suatu pengurangan modal syer mengikut pengertian Akta ini.

(3) Jika, di bawah subseksyen (1), sesuatu syarikat luar pesisir telah menambah modal syernya dengan melebihi modal yang dinyatakan dalam memorandumnya dengan syer daripada amaun yang ditetapkan, ia hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas ketetapan yang membenarkan penambahan itu diluluskan, menyebabkan diserahkan kepada Pendaftar notis mengikut bentuk yang ditetapkan mengenai penambahan itu.

(4) Jika mana-mana syarikat luar pesisir tidak mematuhi subseksyen (3), syarikat itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar.

Pengesahan syer-syer yang diterbitkan dengan tak sepatutnya.

52. Jika sesuatu syarikat luar pesisir telah berupa menerbitkan atau mengumpukkan syer-syer, dan penerbitan atau pengumpulan syer-syer itu adalah tak sah disebabkan oleh mana-mana peruntukan Akta ini atau oleh memorandum atau perkara-perkara syarikat itu atau selainnya, atau terma-terma penerbitan atau pengumpulan itu adalah tak konsisten dengan atau tak dibenarkan oleh mana-mana peruntukan itu, Mahkamah boleh, atas permohonan yang diserahkan kepadanya oleh syarikat itu atau oleh seseorang pemegang atau pemegang gadai-janji mana-mana syer itu atau oleh seseorang pemiutang syarikat itu, dan apabila berpuas hati bahawa dalam semua hal keadaan adalah adil dan saksama untuk berbuat demikian, membuat suatu perintah mengesahkan penerbitan atau pengumpulan syer-syer itu, atau mengesahkan terma-terma penerbitan atau pengumpulannya, atau kedua-duanya, tertakluk kepada apa-apa syarat, jika ada, yang dikenakannya, dan apabila perintah sedemikian dibuat dan suatu salinan pejabat perintah itu diserahkan oleh syarikat itu atau oleh pemegang, pemegang gadai-janji atau pemiutang tersebut kepada Pendaftar, syer-syer itu hendaklah disifatkan telah diterbitkan atau diumpukkan secara sah atas terma-terma penerbitan atau pengumpulannya sebagaimana yang diubahsuai oleh syarat-syarat, jika ada, yang dikenakan oleh Mahkamah.

Ketetapan khas bagi pengurangan modal syer.

53. (1) Tertakluk kepada pengesahan Mahkamah, sesuatu syarikat luar pesisir boleh, jika dibenarkan demikian oleh perkara-perkaranya, melalui ketetapan khas mengurangkan modal syernya mengikut apa-apa cara dan khususnya, tanpa menghadkan keluasan makna yang disebut di atas, boleh—

- (a) menghapuskan atau mengurangkan liabiliti ke atas mana-mana syernya berkenaan dengan modal syer yang tak berbayar;

- (b) mengkenselkan mana-mana modal berbayar yang hilang atau yang tak diwakili oleh aset-aset yang ada; atau
- (c) membayar mana-mana modal syer berbayar yang melebihi keperluan syarikat, atau yang selainnya adalah bagi kepentingan syarikat itu keseluruhannya untuk dibayar,

dan boleh, setakat yang perlu, mengubah memorandumnya dengan mengurangkan amaun modal syernya dan amaun syer-syernya dengan sewajarnya.

(2) Jika pengurangan modal syer yang dicadangkan itu melibatkan pengurangan liabiliti berkenaan dengan modal syer tak berbayar atau pembayaran kepada mana-mana pemegang syer bagi mana-mana modal syer berbayar, dan dalam mana-mana hal lain jika Mahkamah mengarahkan demikian—

- (a) tiap-tiap pemiutang syarikat luar pesisir yang, pada tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah, berhak terhadap mana-mana hutang atau tuntutan yang, jika tarikh tersebut adalah permulaan bagi penggulungan syarikat itu, boleh diterima sebagai bukti terhadap syarikat itu, adalah berhak membantah pengurangan itu;
- (b) Mahkamah, melainkan jika berpuas hati dengan akuan berkanun oleh pengarah-pengarah bahawa tidak terdapat pemiutang-pemiutang sedemikian, hendaklah menetapkan suatu senarai pemiutang-pemiutang yang berhak membantah, dan bagi maksud itu hendaklah menentukan, seboleh-bolehnya tanpa menghendaki suatu permohonan daripada mana-mana pemiutang, nama pemiutang-pemiutang itu dan jenis serta amaun hutang-hutang atau tuntutan-tuntutan mereka, dan boleh menyiarkan notis-notis yang menetapkan had terakhir yang atau yang sebelumnya pemiutang-pemiutang yang tidak dicatatkan di senarai itu boleh menuntut untuk dicatatkan demikian; dan
- (c) jika seseorang pemiutang yang dicatatkan di senarai yang hutang atau tuntutannya tidak

dijelaskan atau belum diputuskan tidak bersetuju dengan pengurangan itu, Mahkamah boleh menyetujui persetujuan pemiutang itu apabila syarikat luar pesisir itu menjamin pembayaran hutang atau tuntutan dengan mengasingkan, sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah—

- (i) jika syarikat itu mengakui amaun penuh hutang atau tuntutan itu, atau walaupun tidak mengakuinya, bersetuju mengadanya, amaun penuh hutang atau tuntutan itu; atau
- (ii) jika syarikat itu tidak mengakui, dan tidak bersedia mengadakan, amaun penuh hutang atau tuntutan itu, atau jika amaun itu adalah kontinjen atau belum diputuskan, suatu amaun yang ditetapkan oleh Mahkamah selepas siasatan dan penghukuman yang seumpamanya seolah-olah syarikat itu digulung oleh Mahkamah.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), Mahkamah boleh, memandangkan kepada hal keadaan sesuatu kes, mengarahkan bahawa segala atau mana-mana peruntukan subseksyen itu tidak terpakai berkenaan dengan mana-mana kelas pemiutang.

(4) Mahkamah, jika berpuas hati mengenai tiap-tiap pemiutang yang berhak membantah di bawah subseksyen (2), bahawa sama ada persetujuannya terhadap pengurangan itu telah diperolehi, atau hutang atau tuntutan telah dijelaskan atau telah diputuskan atau telah dijamin, boleh membuat suatu perintah yang mengesahkan pengurangan itu atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut, dan boleh menghendaki syarikat luar pesisir itu menyiarkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah sebab-sebab bagi pengurangan itu atau apa-apa maklumat lain yang difikirkan suaimanfaat oleh Mahkamah, dan, jika Mahkamah memikirkan patut, sebab-sebab yang membawa kepada pengurangan itu.

(5) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah menunjukkan amaun modal syer syarikat luar pesisir itu sebagaimana yang diubah oleh perintah itu, bilangan syer yang syer-syer itu hendak dibahagi-bahagikan dan amaun setiap syer dan amaun, jika ada, pada tarikh perintah itu, yang disifatkan berbayar atas setiap syer.

(6) Apabila salinan pejabat perintah itu diserahkan kepada Pendaftar, ketetapan bagi pengurangan modal syer sebagaimana yang disahkan oleh perintah yang diserahkan demikian hendaklah berkuatkuasa.

(7) Perakuan Pendaftar hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa segala kehendak Akta ini mengenai pengurangan modal syer telah dipatuhi dan bahawa modal syer sesuatu syarikat luar pesisir adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(8) Apabila salinan perintah itu diserahkan, butir-butir yang ditunjukkan dalam perintah itu menurut subseksyen (5) hendaklah disifatkan menggantikan butir-butir yang bersamaan dalam memorandum, dan penggantian sedemikian dan apa-apa penambahan yang diperintahkan oleh Mahkamah supaya dibuat pada nama syarikat luar pesisir itu hendaklah (dalam hal apa-apa penambahan kepada nama, selama tempoh yang dinyatakan dalam perintah Mahkamah itu) disifatkan sebagai perubahan memorandum bagi maksud-maksud Akta ini.

(9) Seseorang anggota, yang dahulu atau yang ada sekarang, tidaklah bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana syer terhadap apa-apa panggilan atau caruman yang amaunnya melebihi perbezaan di antara amaun syer yang ditetapkan oleh perintah itu dengan amaun yang dibayar, atau amaun yang dikurangkan yang disifatkan telah dibayar atas syer itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi jika mana-mana pemiutang yang berhak membantah pengurangan itu, disebabkan kejahilannya tentang prosiding bagi pengurangan itu, atau tentang jenis dan kesan prosiding itu terhadap tuntutan, tidak dicatatkan di senarai pemiutang-pemiutang, dan selepas pengurangan itu syarikat luar pesisir itu tidak dapat, mengikut pengertian peruntukan-peruntukan Akta ini

mengenai penggulangan oleh Mahkamah, membayar amaun hutang atau tuntutan—

- (a) tiap-tiap orang yang menjadi anggota syarikat luar pesisir itu pada tarikh penyerahan salinan perintah Mahkamah bagi pengurangan itu adalah bertanggung untuk menyumbang bagi pembayaran hutang atau tuntutan itu sebanyak amaun yang tidak melebihi amaun yang dia sepatutnya bertanggung menyumbang jika syarikat itu telah mula digulung pada hari sebelum tarikh tersebut; dan
- (b) jika syarikat luar pesisir itu digulung, Mahkamah, atas permohonan mana-mana pemiutang itu dan apabila terbukti kejahilannya mengenai prosiding bagi pengurangan atau mengenai jenis dan kesan prosiding itu terhadap tuntutan, boleh menetapkan suatu senarai orang yang bertanggung menyumbang, dan membuat serta, menguatkuasakan panggilan-panggilan dan perintah-perintah ke atas pencarum yang ditetapkan di senarai itu, seolah-olah mereka adalah pencarum biasa dalam sesuatu penggulangan,

tetapi tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menyentuh hak pencarum-pencarum itu sesama mereka sendiri.

(10) Mana-mana pegawai syarikat luar pesisir yang—

- (a) bersengaja menyembunyikan nama mana-mana pemiutang yang berhak membantah pengurangan itu;
- (b) bersengaja menyalahnyatakan jenis atau amaun hutang atau tuntutan mana-mana pemiutang; atau
- (c) membantu, menyubahati atau menjadi pihak kepada mana-mana penyembunyian atau salah nyataan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Penjara selama tiga tahun atau sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

54. (1) Tiada syarikat luar pesisir boleh mengumpukan syer keutamaan, atau menukarkan syer terbitan menjadi syer keutamaan, melainkan jika ada dinyatakan dalam perkara-perkaranya akan hak pemegang syer itu mengenai pembayaran balik modal, penyertaan dalam aset lebihan dan keuntungan, dividen kumulatif atau tak kumulatif, pengundian dan keutamaan pembayaran modal dan dividen berhubungan dengan syer-syer lain atau kelas-kelas syer keutamaan yang lain.

Hak pemegang-pemegang syer keutamaan hendaklah dinyatakan dalam perkara-perkara.

(2) Penerbitan oleh sesuatu syarikat luar pesisir akan syer-syer keutamaan yang *berperingkat pari passu* dengan syer-syer keutamaan yang ada yang dikeluarkan oleh syarikat itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pengubahan hak-hak yang terkembar dengan syer-syer keutamaan yang ada itu melainkan jika penerbitan syer-syer yang mula-mula disebut itu dibenarkan oleh terma-terma penerbitan syer-syer keutamaan yang ada atau oleh perkara-perkara yang berkuatkuasa pada masa syer-syer keutamaan yang ada itu diterbitkan.

(3) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, syarikat luar pesisir itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

55. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, sesuatu syarikat luar pesisir yang mempunyai modal syer boleh, jika dibenarkan demikian oleh perkara-perkaranya, menerbitkan syer-syer keutamaan yang boleh, atau atas opsyen syarikat itu akan boleh, ditebus dan penebusan itu hendaklah dibuat hanya atas apa-apa terma dan mengikut apa-apa cara yang diperuntukkan oleh perkara-perkara itu.

Syer keutamaan boleh tebus.

(2) Penebusan itu tidaklah boleh dikira sebagai mengurangkan amaun modal syer dibenarkan bagi syarikat itu.

(3) Syer-syer itu tidak boleh ditebus—

(a) kecuali dengan keuntungan-keuntungan yang sepatutnya boleh didapatkan untuk dividen, atau daripada hasil penerbitan baru syer-syer yang dibuat bagi maksud-maksud penebusan itu; dan

(b) melainkan jika syer-syer itu berbayar penuh.

(4) Premium, jika ada, yang kena dibayar atas penebusan hendaklah diperuntukkan daripada keuntungan atau akaun premium syer sebelum syer-syer itu ditebus.

(5) Jika mana-mana syer itu ditebus selain daripada dengan hasil sesuatu penerbitan baru, maka hendaklah, daripada keuntungan-keuntungan yang sepatutnya boleh didapatkan untuk dividen, dipindahkan kepada suatu rizab yang dinamakan "rizab penebusan modal" suatu jumlah wang yang sama banyak dengan amaun nominal syer-syer yang ditebus, dan peruntukan-peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pengurangan modal syer sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, terpakai seolah-olah rizab penebusan modal itu adalah modal syer berbayar syarikat itu.

(6) Jika, menurut seksyen ini, sesuatu syarikat luar pesisir telah menebus, atau hampir hendak menebus, mana-mana syer keutamaan, ia boleh menerbitkan syer-syer hingga setakat amaun nominal syer-syer yang ditebus atau yang hendak ditebus seolah-olah syer-syer itu tidak pernah diterbitkan, dan dengan demikian itu modal syer syarikat itu tidak boleh, bagi maksud-maksud apa-apa fee di bawah Akta ini, disifatkan telah ditambah dengan penerbitan itu, tetapi jika syer-syer baru diterbitkan sebelum penebusan syer-syer lama, syer-syer baru itu tidak boleh, setakat yang berhubungan dengan apa-apa fee di bawah Akta ini, disifatkan telah diterbitkan menurut subseksyen ini melainkan jika syer-syer lama itu telah ditebus dalam masa satu bulan selepas penerbitan syer-syer baru itu.

(7) Rizab penebusan modal boleh digunakan bagi membayar syer-syer tak diterbitkan bagi syarikat itu yang hendak diterbitkan kepada anggota-anggota syarikat sebagai syer bonus berbayar penuh.

(8) Jika sesuatu syarikat luar pesisir menebus mana-mana syer keutamaan boleh tebus, ia hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas berbuat demikian, memberi

notis mengenainya kepada Pendaftar menyatakan syer-syer yang telah ditebus itu.

PENGGAL 4

DEBENTUR

56. Dalam Penggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"syarikat peminjam" ertinya suatu syarikat luar pesisir yang berada atau akan berada di bawah suatu liabiliti, sama ada atau tidak liabiliti itu pada masa sekarang atau masa hadapan, untuk membayar semula apa-apa wang yang diterima atau akan diterima olehnya sebagai sambutan kepada suatu pelawaan kepada awam untuk memohon beli atau membeli debentur-debentur syarikat itu;

"syarikat penggerenti", berhubungan dengan syarikat peminjam, ertinya suatu syarikat luar pesisir yang telah menggerenti, atau telah bersetuju untuk menggerenti, pembayaran semula apa-apa wang yang diterima atau akan diterima oleh syarikat peminjam sebagai sambutan kepada suatu pelawaan kepada awam untuk memohon beli atau membeli debentur-debentur syarikat peminjam itu.

57. (1) Tertakluk kepada Penggal ini dan kepada terma-terma dan syarat-syarat memorandum atau perkara-perkaraanya, sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah mempunyai kuasa untuk menerbitkan debentur-debentur kepada bukan pemastautin Malaysia atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dan khususnya, tetapi tanpa menghadkan keluasan makna yang disebut di atas, boleh mengeluarkan debentur-debentur—

Kuasa menerbitkan debentur.

- (a) yang menjadi gadaian bagi mana-mana atau kesemua aset syarikat itu;
- (b) yang boleh ditukar daripada debentur kepada syer dalam syarikat itu; atau
- (c) sebagai debentur bercagar.

(2) Hutang yang kena dibayar di bawah mana-mana debentur, sama ada dimeterai atau ditandatangani bagi pihak syarikat, hendaklah menjadi suatu hutang istimewa

syarikat itu, dan jika debentur itu diterbitkan oleh cawangan sesuatu syarikat, hendaklah terletak di cawangan tersebut.

(3) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan—

- (a) menyekat hak sesuatu syarikat luar pesisir atau mana-mana kelas syarikat luar pesisir tertentu untuk menerbitkan debentur yang boleh ditukarkan kepada syer; dan
- (b) menetapkan terma-terma dan syarat-syarat atau kejadian atau kejadian-kejadian atas mana penukaran hendak atau boleh dilakukan.

Syarikat
luar pesisir
hendaklah
menyenggara
daftar
pemegang
debentur.

58. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, tiap-tiap syarikat luar pesisir yang menerbitkan debentur-debentur hendaklah menyimpan dan menyenggarakan di pejabat berdaftarnya di Labuan—

- (a) suatu daftar pemegang-pemegang debentur itu; dan
- (b) suatu salinan kesemua terma bagi debentur-debentur yang diterbitkan demikian.

(2) Tiap-tiap daftar pemegang-pemegang debentur sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah, kecuali apabila ditutup dengan sempurnanya, dibuka untuk pemeriksaan pemegang berdaftar mana-mana debentur tersebut dan mana-mana pemegang syer dalam syarikat itu, dan hendaklah mengandungi, dalam hal debentur-debentur biasa, butir-butir mengenai nama dan alamat pemegang-pemegang debentur dan jumlah debentur yang dipegang oleh tiap-tiap seorang daripada mereka.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, sesuatu daftar pemegang-pemegang debentur hendaklah disifatkan ditutup dengan sempurnanya jika ditutup mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam perkara-perkara, atau dalam debentur-debentur atau perakuan-perakuan saham debentur, atau dalam suratikatan amanah atau dokumen lain yang berhubungan dengan atau yang mendapatkan debentur-debentur itu, dalam tempoh atau tempoh-tempoh, yang pada agregatnya tidak melebihi tiga

puluh hari dalam mana-mana tahun kalendar, sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya.

(4) Mana-mana pemegang berdaftar debentur yang diterbitkan oleh, dan mana-mana pemegang syer dalam, sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah, atas permintaannya, dibekalkan oleh syarikat itu dengan suatu salinan daftar pemegang-pemegang debentur syarikat itu atau mana-mana bahagiannya, apabila dibayar sesuatu amaun, tidak melebihi lima dolar, sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat itu, tetapi salinan itu tidak perlu meliputi apa-apa butir mengenai mana-mana pemegang debentur selain daripada nama dan alamatnya dan debentur-debentur yang dipegang olehnya.

(5) Suatu salinan mana-mana suratikatan amanah yang berhubungan dengan atau bagi mendapatkan apa-apa penerbitan debentur oleh sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah dikemukakan oleh syarikat itu kepada pemegang debentur-debentur itu atas permintaannya, apabila dibayar sesuatu amaun, tidak melebihi lima dolar, sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat itu.

(6) Jika pemeriksaan tidak dibenarkan, atau suatu salinan tidak diberikan atau tidak dikemukakan, dalam masa yang munasabah (tetapi tidak lebih daripada satu bulan) selepas suatu permintaan dibuat menurut seksyen ini, syarikat luar pesisir itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar.

(7) Tiap-tiap syarikat luar pesisir yang menerbitkan debentur-debentur hendaklah, sehingga tiap-tiap debentur itu telah ditebus dan dikenselkan, menyerahkan kepada Pendaftar, sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun kalendar, suatu penyata debentur yang menyatakan butir-butir yang ditetapkan.

59. Suatu syarat yang terkandung dalam sesuatu debentur, atau dalam suratikatan bagi mendapatkan sesuatu debentur, tidaklah menjadi tak sah semata-mata oleh sebab debentur itu dijadikan tak boleh tebus atau boleh tebus

Debentur-
debentur
berkekalan.

hanya apabila berlakunya sesuatu kontingensi, walau bagaimana remot sekalipun, atau apabila habisnya sesuatu tempoh, walau bagaimana panjang sekalipun, walau apa pun rukun undang-undang atau ekuiti yang berlawananan.

Penerbitan semula debentur-debentur telah ditebus.

60. (1) Jika sesuatu syarikat luar pesisir telah menebus mana-mana debentur—

- (a) melainkan jika apa-apa peruntukan yang berlawananan, sama ada nyata atau tersirat, terkandung dalam apa-apa kontrak yang dibuat oleh syarikat itu; atau
- (b) melainkan jika syarikat itu telah, dengan meluluskan suatu ketetapan bagi maksud itu atau dengan apa-apa perbuatan lain, menyatakan niatnya supaya debentur-debentur itu dikenselkan,

syarikat itu hendaklah mempunyai kuasa untuk menerbitkan semula debentur-debentur itu, sama ada dengan menerbitkan semula debentur-debentur yang sama atau dengan menerbitkan debentur-debentur lain bagi menggantikannya, tetapi penerbitan semula sesuatu debentur atau penerbitan sesuatu debentur bagi menggantikan yang lain di bawah subseksyen ini tidaklah boleh diambil kira sebagai penerbitan sesuatu debentur baru bagi maksud apa-apa peruntukan yang membataskan amaun atau bilangan debentur-debentur yang boleh diterbitkan oleh syarikat itu.

(2) Apabila debentur telah ditebus diterbitkan semula, orang yang berhak terhadap debentur itu hendaklah mempunyai, dan hendaklah disifatkan sentiasa telah mempunyai, prioriti-prioriti yang sama seolah-olah debentur itu tidak pernah ditebus.

(3) Jika sesuatu syarikat luar pesisir telah men-depositkan mana-mana debenturnya bagi mendapatkan pendahuluan bagi akaun semasa atau selainnya, debentur-debentur itu tidaklah boleh disifatkan telah ditebus semata-mata oleh sebab akaun syarikat itu telah tidak lagi dalam debit semasa debentur-debentur itu masih didepositkan demikian.

61. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir yang menawarkan debentur-debentur kepada awam untuk dipohon beli atau dibeli di bawah Akta ini hendaklah membuat peruntukan dalam debentur-debentur itu, atau dalam suratikatan amanah yang berhubungan dengan debentur-debentur itu, bagi perlantikan suatu syarikat amanah sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur.

Pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur.

(2) Sesuatu syarikat peminjam tidak boleh mengumpulkan mana-mana debentur sehingga suatu syarikat amanah telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur itu.

(3) Jika berlaku keingkaran oleh sesuatu syarikat peminjam pada mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini, syarikat itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Tiada seorang pun, selain daripada suatu syarikat amanah, boleh bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur.

62. (1) Sesuatu syarikat amanah apabila bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur—

Kewajipan-kewajipan pemegang amanah.

- (a) hendaklah menjalankan usaha yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak aset-aset syarikat peminjam dan setiap syarikat penggerentinya, yang ada atau mungkin ada sama ada sebagai cagaran atau selainnya, adalah mencukupi, atau mungkin akan atau akan menjadi mencukupi, untuk menjelaskan hutang utama jika dan apabila ia kena dibayar;
- (b) hendaklah memuaskan hatinya bahawa setiap prospektus yang berhubungan dengan debentur itu tidak mengandungi apa-apa perkara yang tak konsisten dengan terma-terma debentur itu atau dengan suratikatan amanah yang relevan;
- (c) hendaklah menjalankan usaha yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak syarikat peminjam dan setiap syarikat penggerentinya

telah melakukan apa-apa pelanggaran waad-waad, terma-terma dan peruntukan-peruntukan debentur atau suratikatan amanah;

- (d) kecuali jika ia berpuas hati bahawa pelanggaran waad-waad, terma-terma dan peruntukan-peruntukan debentur atau suratikatan amanah itu tidak akan memudaratkan secara material cagaran (jika ada) bagi debentur-debentur atau kepentingan-kepentingan pemegang-pemegang debentur, hendaklah mengambil segala langkah dan melakukan semua perkara yang ia diberikuasa untuk melakukan bagi menyebabkan syarikat peminjam itu dan mana-mana syarikat penggerentinya meremedikan apa-apa pelanggaran waad-waad, terma-terma dan peruntukan-peruntukan tersebut;
- (e) jika syarikat peminjam atau mana-mana syarikat penggerentinya gagal, apabila dikehendaki oleh syarikat amanah itu, meremedikan apa-apa pelanggaran waad-waad, terma-terma dan peruntukan-peruntukan debentur atau suratikatan amanah itu, hendaklah membentangkan perkara itu di mesyuarat pemegang-pemegang debentur, mengemukakan apa-apa cadangan bagi melindungi pelaburan mereka sebagaimana yang difikirkan perlu dan sesuai oleh syarikat amanah itu dan mendapatkan arahan pemegang-pemegang berhubung dengannya; dan
- (f) jika syarikat peminjam mengemukakan kepada pemegang-pemegang itu suatu kompromi atau perkiraan, hendaklah memberikan kepada pemegang-pemegang itu suatu pernyataan yang menerangkan kesan kompromi atau perkiraan itu dan, jika difikirkannya patut, mengesyorkan kepada mereka suatu penjalanan tindakan yang sesuai untuk diambil oleh mereka berhubung dengannya.

(2) Jika, selepas siasatan wajar, syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur pada bila-bila masa berpendapat bahawa aset-aset syarikat peminjam dan aset-aset mana-

mana syarikat penggerentinya yang ada atau sepatutnya ada, sama ada sebagai cagaran atau selainnya, adalah tidak mencukupi atau mungkin tidak akan mencukupi untuk menjelaskan hutang utama jika dan apabila ia kena dibayar, pemegang amanah boleh menyerahkan suatu permohonan mengikut bentuk yang ditetapkan kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu arahan di bawah subseksyen ini dan Pendaftar boleh, atas permohonan itu, selepas memberi syarikat peminjam suatu peluang membuat representasi berhubungan dengan permohonan itu, melalui arahan bertulis yang disampaikan kepada syarikat itu di pejabat berdaftarnya di Labuan, mengenakan apa-apa sekatan ke atas aktiviti-aktiviti syarikat itu, termasuk sekatan-sekatan mengenai pengiklanan bagi mendapatkan deposit atau pinjaman dan mengenai peminjaman oleh syarikat itu, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pendaftar bagi melindungi kepentingan pemegang-pemegang debentur, atau Pendaftar boleh, dan jika syarikat peminjam menghendaki demikian hendaklah, mengarahkan syarikat amanah supaya menyerahkan suatu permohonan kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen (4) dan syarikat amanah itu hendaklah memohon dengan sewajarnya.

(3) Jika—

- (a) selepas siasatan wajar, syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur pada bila-bila masa berpendapat bahawa aset-aset syarikat peminjam dan aset-aset mana-mana syarikat penggerentinya yang ada atau sepatutnya ada adalah tidak mencukupi, atau mungkin tidak akan mencukupi, bagi menjelaskan hutang utama jika dan apabila ia kena dibayar; atau
- (b) syarikat itu telah melanggar atau tidak mematuhi sesuatu arahan yang dibuat oleh Pendaftar di bawah subseksyen (2),

syarikat amanah itu boleh, dan jika syarikat peminjam telah meminta syarikat amanah berbuat demikian, syarikat amanah itu hendaklah, memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen (4).

(4) Jika suatu permohonan diserahkan oleh syarikat amanah kepada Mahkamah di bawah subseksyen (2) atau (3), Mahkamah, selepas memberi syarikat peminjam suatu peluang untuk didengari, boleh, dengan perintah, melakukan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut, iaitu—

- (a) mengarahkan syarikat amanah itu supaya memanggil suatu mesyuarat pemegang-pemegang debentur bagi maksud membentangkan di hadapan mereka apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kepentingan-kepentingan mereka sebagaimana yang difikirkan perlu atau sesuai oleh syarikat amanah itu dan bagi maksud mendapatkan arahan-arahan mereka berhubungan dengannya, dan memberi apa-apa arahan berhubungan dengan perjalanan mesyuarat itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah;
- (b) menengguhkan kesemua atau apa-apa tindakan atau presiding di hadapan mana-mana Mahkamah oleh atau terhadap syarikat peminjam;
- (c) menghalang pembayaran apa-apa wang oleh syarikat peminjam kepada pemegang-pemegang debentur syarikat itu atau kepada mana-mana kelas pemegang debentur itu;
- (d) melantik seorang penerima bagi mana-mana harta yang menjadi cagaran (jika ada) bagi debentur-debentur itu atau mana-mana bahagiannya; dan
- (e) memberi apa-apa arahan selanjutnya dari semasa ke semasa sebagaimana yang perlu untuk melindungi kepentingan pemegang-pemegang debentur, anggota-anggota syarikat peminjam atau mana-mana syarikat penggerentinya atau awam,

tetapi pada membuat apa-apa perintah sedemikian Mahkamah hendaklah mengambil perhatian akan hak-hak kesemua pemiutang syarikat peminjam.

(5) Mahkamah boleh mengubah atau membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) sebagaimana yang difikirkannya patut.

(6) Sesuatu syarikat amanah, pada membuat apa-apa permohonan kepada Pendaftar atau Mahkamah, hendaklah mengambil perhatian akan bentuk dan jenis cagaran yang diberi semasa debentur-debentur itu ditawarkan kepada awam, dan, jika tiada cagaran diberikan, hendaklah mengambil perhatian akan kedudukan pemegang-pemegang debentur sebagai pemiutang-pemiutang tak bercagar bagi syarikat peminjam itu.

(7) Sesuatu syarikat amanah boleh bergantung kepada apa-apa perakuan atau laporan yang diberikan atau pernyataan yang dibuat oleh mana-mana penguambela, juruaudit atau pegawai syarikat peminjam atau syarikat penggerenti jika ia mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa penguambela, juruaudit atau pegawai itu adalah kompeten untuk memberi atau membuat perakuan, laporan atau pernyataan itu.

63. (1) Jika sesuatu syarikat amanah bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang mana-mana debentur sesuatu syarikat peminjam, pengarah-pengarah syarikat peminjam itu hendaklah—

Obligasi-obligasi pengarah syarikat peminjam.

- (a) di akhir sesuatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan yang tamat pada hari yang syarikat amanah itu dengan ini dikehendaki memberitahu syarikat peminjam secara bertulis; dan
- (b) di akhir setiap tempoh berikutnya selepas itu, iaitu suatu tempoh selama tiga bulan atau apa-apa masa yang lebih singkat yang dibenarkan oleh syarikat amanah itu dalam mana-mana hal keadaan yang khas,

menyediakan suatu laporan yang berhubungan dengan tempoh itu dan mematuhi kehendak-kehendak subseksyen (2) dan, dalam masa tiga puluh hari selepas berakhirnya setiap tempoh itu, menyerahkan suatu salinan laporan yang berhubungan dengan tempoh itu kepada Pendaftar dan kepada syarikat amanah itu.

Penalti: Sepuluh ribu ringgit. Penalti ingkar.

(2) Laporan yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah ditandatangani oleh tidak kurang daripada dua orang pengarah bagi pihak kesemua pengarah dan hendaklah menyatakan secara terperinci apa-apa perkara yang memudaratkan cagaran atau kepentingan pemegang-pemegang debentur dan, tanpa menyentuh keluasan makna yang disebut di atas, hendaklah menyatakan—

- (a) sama ada atau tidak batasan amaun yang syarikat itu boleh meminjam telah dilebihi;
- (b) sama ada atau tidak syarikat peminjam dan setiap syarikat penggerentinya telah menuruti dan melaksanakan kesemua wad dan peruntukan yang mengikat syarikat peminjam dan syarikat penggerenti itu masing-masingnya melalui atau menurut debentur-debentur atau apa-apa suratikatan amanah;
- (c) sama ada atau tidak apa-apa kejadian telah berlaku yang telah menyebabkan atau boleh menyebabkan debentur-debentur atau apa-apa peruntukan suratikatan amanah yang relevan boleh dikuatkuasakan dan, jika demikian, butir-butir mengenai kejadian itu;
- (d) sama ada atau tidak apa-apa hal keadaan yang menyentuh syarikat peminjam, subsidiari-subsidiarinya atau syarikat-syarikat penggerentinya atau mana-mana daripadanya telah berlaku yang secara material menyentuh apa-apa cagaran atau gadaian yang diwujudkan oleh debentur-debentur atau apa-apa suratikatan amanah dan, jika demikian, butir-butir mengenai hal-hal keadaan itu;
- (e) sama ada atau tidak telah terdapat apa-apa perubahan substantial pada jenis perniagaan syarikat peminjam atau mana-mana subsidiarinya atau mana-mana syarikat penggerentinya sejak debentur-debentur itu mula diterbitkan kepada awam yang dahulunya telah tidak dilaporkan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen ini dan, jika demikian, butir-butir mengenai perubahan itu; dan

- (f) jika syarikat peminjam telah mendepositkan wang dengan, atau meminjamkan wang kepada, atau mengambil alih apa-apa liabiliti, sesuatu syarikat yang menurut seksyen 4 disifatkan berkaitan dengan syarikat peminjam itu, butir-butir mengenai—
- (i) jumlah amaun yang telah didepositkan atau dipinjamkan demikian dan takat apa-apa liabiliti yang telah diambil alih dalam tempoh yang diliputi oleh laporan itu;
 - (ii) jumlah amaun yang terhutang kepada syarikat peminjam itu berkenaan dengan wang yang telah didepositkan atau dipinjamkan demikian dan takat apa-apa liabiliti yang telah diambil alih itu sebagaimana di akhir tempoh yang diliputi oleh laporan itu,

dengan membezakan di antara deposit, pinjaman dan pengambilalihan liabiliti yang bercagar dengan yang tak bercagar, tetapi tidak termasuk apa-apa deposit dengan atau pinjaman kepada atau apa-apa liabiliti yang diambil alih bagi pihak sesuatu syarikat jika syarikat itu telah menggerenti pembayaran balik debentur-debentur syarikat peminjam dan telah menjamin gerenti itu dengan suatu gadaian ke atas aset-asetnya bagi faedah syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur syarikat peminjam itu.

(3) Jika sesuatu syarikat amanah bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang mana-mana debentur yang diterbitkan oleh sesuatu syarikat peminjam, syarikat peminjam itu dan setiap syarikat penggerenti yang telah menggerentikan pembayaran balik wang yang telah diperdapatkan melalui penerbitan debentur-debentur itu hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari selepas pewujudan gadaian itu, memberikan kepada syarikat amanah bagi pihak pemegang-pemegang debentur itu, sama ada atau tidak apa-apa tuntutan mengenainya telah

dibuat, butir-butir mengenai apa-apa gadaian yang diwujudkan oleh syarikat itu atau syarikat penggerenti itu, mengikut kehendak keadaan, dan jika amaun yang hendak didahulukan atas jaminan gadaian itu tak tertentu (dalam masa tujuh hari selepas pendahuluan itu) butir-butir mengenai amaun itu amaun-amaun yang sebenarnya didahulukan, tetapi jika apa-apa pendahuluan itu disatukan dalam suatu akaun semasa dengan jurubank-jurubank atau pemiutang-pemiutang perdagangan, adalah mencukupi bagi butir-butir mengenai amaun bersih yang belum jelas berkenaan dengan apa-apa pendahuluan itu diberikan tiap-tiap tiga bulan.

(4) Pengarah tiap-tiap syarikat peminjam yang telah menerbitkan debentur-debentur kepada awam dan pengarah tiap-tiap syarikat penggerenti yang telah menggerenti pembayaran semula wang yang diperdapatkan melalui penerbitan debentur-debentur kepada awam hendaklah, pada sesuatu tarikh yang tidak lewat daripada sembilan bulan, atau dalam hal sesuatu syarikat tertentu, tidak lewat daripada apa-apa tempoh lain yang pada masa ini ditetapkan oleh Pendaftar dengan persetujuan syarikat amanah yang bertindak bagi pihak pemegang-pemegang debentur syarikat itu, selepas habisnya tempoh setiap tahun kewangan syarikat itu, menyebabkan dibuat dan diserahkan kepada Pendaftar dan kepada syarikat amanah itu suatu akaun keuntungan dan kerugian bersama-sama dengan pernyataan terperinci mengenai liabiliti belum bayar di bawah debentur itu bagi tempoh mulai dari akhir tahun kewangan itu hingga habisnya tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu dan suatu kunci kira-kira sebagaimana pada akhir tempoh yang dimaksudkan oleh akaun keuntungan dan kerugian itu.

(5) Jika sesuatu syarikat penggerenti, iaitu syarikat yang diperbadankan di mana-mana negeri atau wilayah yang dinamakan bagi maksud seksyen ini oleh Menteri, telah menyerahkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan di mana-mana negeri atau wilayah yang dinamakan itu suatu akaun keuntungan dan kerugian dan kunci kira-kira bagi tempoh yang relevan itu, maka ia hendaklah menjadi pematuhan yang mencukupi dengan kehendak-kehendak

subseksyen (4) jika, dengan persetujuan syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur syarikat peminjam itu, telah diserahkan kepada Pendaftar dan syarikat amanah itu salinan-salinan diperakui bagi akaun keuntungan dan kerugian dan kunci kira-kira yang diserahkan demikian.

(6) Jika pengarah-pengarah sesuatu syarikat peminjam tidak menyerahkan kepada syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur syarikat itu suatu laporan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (1), atau jika pengarah-pengarah sesuatu syarikat peminjam atau pengarah-pengarah sesuatu syarikat penggerenti tidak menyerahkan kepada Pendaftar dan syarikat amanah akaun keuntungan dan kerugian, pernyataan terperinci dan kunci kira-kira sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (4) dalam masa yang ditetapkan itu, syarikat amanah itu hendaklah, dengan seberapa cepat mungkin, menyerahkan notis mengenai fakta itu kepada Pendaftar.

64. (1) Bagi maksud penyediaan sesuatu laporan yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditandatangani oleh atau bagi pihak pengarah-pengarah sesuatu syarikat peminjam atau mana-mana daripada mereka, syarikat itu boleh, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana syarikat penggerentinya supaya memberi kepadanya apa-apa maklumat yang berhubungan dengan syarikat penggerenti itu yang dikehendaki oleh Akta ini supaya terkandung dalam laporan itu, dan syarikat penggerenti itu hendaklah memberi maklumat itu kepada syarikat peminjam itu sebelum sesuatu tarikh, iaitu suatu tarikh yang tidak lewat daripada empat belas hari selepas notis itu diberikan, sebagaimana yang dinyatakan bagi maksud itu dalam notis itu.

Obligasi syarikat penggerenti untuk memberi maklumat.

(2) Sesuatu syarikat penggerenti yang tidak mematuhi kehendak yang terkandung dalam notis yang diberi menurut subseksyen (1) dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Sepuluh ribu ringgit. Penalti ingkar.

Pinjaman dan deposit-deposit hendaklah dibayar balik dengan serta-merta atas kejadian-kejadian tertentu.

65. (I) Jika dalam mana-mana prospektus yang dikeluarkan berkaitan dengan suatu pelawaan kepada awam supaya memohon beli atau membeli debentur-debentur sesuatu syarikat luar pesisir terdapat suatu pernyataan mengenai apa-apa maksud atau projek tertentu yang baginya wang yang diterima oleh syarikat itu sebagai sambutan kepada pelawaan itu akan digunakan, syarikat itu hendaklah dari semasa ke semasa membuat laporan-laporan kepada syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur syarikat itu mengenai kemajuan yang telah dibuat bagi mencapai maksud itu atau menyempurnakan projek itu.

(2) Setiap laporan itu hendaklah dimasukkan ke dalam laporan yang dikehendaki diberi kepada syarikat amanah di bawah seksyen 63 (1).

(3) Jika ternyata kepada syarikat amanah yang kepadanya suatu laporan dikemukakan oleh syarikat peminjam bahawa maksud atau projek itu telah tidak tercapai atau disempurnakan dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus dalam mana maksud atau projek itu hendak dicapai atau disempurnakan atau, jika tiada sesuatu masa dinyatakan, maka dalam sesuatu masa yang munasabah, syarikat amanah itu boleh, dan, jika pada pendapatnya adalah perlu untuk melindungi kepentingan pemegang-pemegang debentur itu, syarikat amanah itu hendaklah, memberi notis bertulis kepada syarikat itu yang menghendaknya membayar balik wang yang telah diterima oleh syarikat itu dan, dalam masa satu bulan selepas notis itu diberikan, menyerahkan suatu salinan notis itu kepada Pendaftar.

(4) Sesuatu syarikat amanah tidak boleh memberi notis menurut subseksyen (3) jika ia berpuas hati—

- (a) bahawa maksud atau projek itu telah sebahagian besarnya tercapai atau disempurnakan;
- (b) bahawa kepentingan pemegang-pemegang debentur itu telah tidak termudarat oleh kegagalan mencapai atau menyempurnakan

maksud atau projek itu dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus atau dalam sesuatu masa yang munasabah; atau

- (c) bahawa kegagalan mencapai atau menyempurnakan maksud atau projek itu adalah disebabkan oleh hal-hal keadaan, selain daripada kekurangan wang, di luar kawalan syarikat itu yang tidak dapat diramal secara munasabah oleh syarikat itu pada masa prospektus dikeluarkan.

PENGGAL 5

KEPENTINGAN-KEPENTINGAN SELAIN DARIPADA SYER,
DEBENTUR, DSB.

66. (1) Dalam Penggal ini, melainkan jika konteksnya Tafsiran. menghendaki makna yang lain—

"kepentingan" ertinya apa-apa hak untuk mendapat atau mengambil bahagian, atau apa-apa kepentingan, sama ada boleh dikuatkuasakan atau tidak, dan sama ada sebenar, prospektif atau kontingen—

- (a) dalam apa-apa keuntungan, aset atau penghasilan apa-apa perusahaan atau skim kewangan atau perniagaan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain;
- (b) dalam apa-apa perusahaan bersama, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, di mana pemegang hak atau kepentingan itu terpengaruh untuk menjangkakan keuntungan, sewa atau faedah daripada usaha-usaha penaja perusahaan bersama itu atau pihak ketiga; atau
- (c) dalam apa-apa kontrak pelaburan,

sama ada atau tidak hak atau kepentingan itu terbukti dengan suatu dokumen formal, dan sama ada atau tidak hak atau kepentingan itu berhubungan dengan suatu aset fizikal, tetapi tidaklah termasuk—

- (d) apa-apa syer dalam, atau debentur bagi, sesuatu perbadanan;
- (e) apa-apa kepentingan dalam, atau yang terbit daripada, sesuatu polisi insurans nyawa;

- (f) apa-apa kepentingan dalam sesuatu perjanjian perkongsian melainkan jika perjanjian itu—
- (i) berhubungan dengan sesuatu pengusahaan, skim, perusahaan atau kontrak pelaburan yang ditaja oleh, atau bagi pihak, seseorang yang perniagaan biasanya adalah atau termasuk penajaan pengusahaan, skim, perusahaan atau kontrak pelaburan yang serupa; atau
 - (ii) adalah suatu perjanjian, atau termasuk dalam suatu kelas perjanjian, yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan bagi maksud-maksud perenggan ini;

"kontrak pelaburan" ertinya apa-apa kontrak, skim atau perkiraan yang pada matannya dan tanpa mengambil kira bentuknya melibatkan pelaburan wang dalam atau di bawah apa-apa hal keadaan di mana pelabur memperoleh atau boleh memperoleh suatu kepentingan mengenai, atau hak berkenaan dengan, harta yang, di bawah atau mengikut terma-terma pelaburan, akan atau boleh, mengikut opsyen pelabur itu, digunakan atau dipergunakan bersama-sama dengan mana-mana kepentingan lain mengenai, atau hak lain berkenaan dengan, harta yang diperolehi dalam atau di bawah hal-hal keadaan yang serupa;

"syarikat pengurusan", berhubungan dengan apa-apa kepentingan yang diterbitkan atau apa-apa suratikatan yang berhubungan dengan apa-apa kepentingan yang diterbitkan atau dicadang hendak diterbitkan, ertinya sesuatu syarikat yang olehnya atau bagi pihaknya kepentingan-kepentingan itu telah diterbitkan atau dicadang hendak diterbitkan, dan termasuklah mana-mana orang yang pada masa ini menjalankan fungsi-fungsi syarikat pengurusan itu.

Suratikatan-
suratikatan
diluluskan.

67. Bagi maksud-maksud Penggal ini, sesuatu suratikatan hendaklah menjadi suatu suratikatan diluluskan jika—

- (a) Pendaftar telah memberikan kelulusannya bagi suratikatan itu di bawah Penggal ini; dan

- (b) Pendaftar telah memberikan kelulusannya di bawah Penggal ini bagi syarikat amanah yang telah dilantik bagi maksud-maksud suratikatan itu yang bertindak sebagai pemegang amanah atau wakil, dan kelulusan itu belum dibatalkan dan pemegang amanah atau wakil itu belum terhenti memegang jawatan.

68. (1) Jika sesuatu suratikatan membuat peruntukan bagi perlantikan sesuatu syarikat amanah sebagai pemegang amanah atau wakil bagi pemegang-pemegang kepentingan yang diterbitkan atau dicadang hendak diterbitkan oleh sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, Pendaftar boleh, tertakluk kepada seksyen ini, memberi kelulusannya bagi suratikatan itu.

Kelulusan suratikatan-suratikatan.

(2) Pendaftar tidak boleh memberi kelulusannya bagi sesuatu suratikatan melainkan jika suratikatan itu—

- (a) memperuntukkan bahawa tiada bahagian kepentingan yang dimaksudkan oleh suratikatan itu boleh ditawarkan kepada pemastautin Malaysia;
- (b) mematuhi kehendak-kehendak Penggal ini; dan
- (c) membuat peruntukan bagi apa-apa perkara dan benda lain yang dikehendaki oleh atau di bawah peraturan-peraturan supaya dimasukkan dalam suratikatan itu, dan jika peraturan-peraturan telah dibuat menetapkan caj-caj yang boleh dikenakan oleh sesuatu syarikat pengurusan, melainkan jika suratikatan itu memperuntukkan—
- (i) bahawa caj-caj yang hendak dikenakan oleh syarikat pengurusan itu tidak melebihi apa-apa peratusan atau amaun yang ditetapkan; dan
- (ii) bahawa harga yang baginya kepentingan-kepentingan yang dimaksudkan oleh suratikatan itu hendak dijual atau dibeli oleh syarikat pengurusan itu adalah konsisten dengan peraturan-peraturan yang berhubungan dengan harga-harga itu.

Kepentingan-kepentingan hendaklah diterbitkan oleh syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing sahaja.

69. Tiada seorang pun, kecuali suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau ejen sesuatu syarikat sedemikian yang diberikuasa bagi maksud itu di bawah meterai syarikat itu, boleh menerbitkan atau menawarkan kepada awam untuk dipohon beli atau dibeli, atau boleh mempelawa orang ramai memohon beli atau membeli, apa-apa kepentingan.

Pernyataan hendaklah dikeluarkan.

70. Sebelum sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau ejen sesuatu syarikat sedemikian menerbitkan atau menawarkan kepada awam untuk dipohon beli atau dibeli, atau mempelawa orang ramai memohon beli atau membeli, apa-apa kepentingan, syarikat itu hendaklah mengeluarkan, atau menyebabkan dikeluarkan, suatu pernyataan bertulis berkaitan dengannya, yang mana pernyataan itu hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai suatu prospektus yang dikeluarkan oleh sesuatu syarikat, dan kesemua peruntukan Akta ini dan rukun undang-undang yang berhubungan dengan prospektus atau dengan tawaran atau cadangan tawaran kepada awam akan syer-syer untuk dipohon beli atau dibeli hendaklah, dengan apa-apa penyesuaian yang perlu, terpakai dan mempunyai kuatkuasa sewajarnya seolah-olah kepentingan itu adalah syer-syer yang ditawarkan atau dicadang hendak ditawarkan kepada awam untuk dipohon beli atau dibeli, dan seolah-olah orang-orang yang menerima apa-apa tawaran atau pelawaan berkenaan dengan atau yang memohon beli atau membeli apa-apa kepentingan sedemikian adalah pemohon beli syer-syer.

Tiada penerbitan tanpa suratikatan diluluskan.

71. (1) Tiada seorang pun boleh menerbitkan atau menawarkan kepada awam untuk dipohon beli atau dibeli, atau mempelawa orang ramai memohon beli atau membeli, apa-apa kepentingan melainkan jika, pada masa penerbitan, tawaran atau pelawaan itu, ada berkuatkuasa, berhubungan dengan kepentingan itu, suatu suratikatan yang adalah suratikatan diluluskan.

(2) Seseorang tidak boleh, dalam mana-mana suratikatan, prospektus, pernyataan, iklan atau dokumen lain yang berhubungan dengan apa-apa kepentingan, membuat apa-apa sebutan mengenai kelulusan sesuatu suratikatan atau seseorang pemegang amanah atau wakil yang diberikan di bawah Penggal ini.

72. (1) Syarikat pengurusan hendaklah, berkenaan dengan setiap suratikatan yang bersangkutan-paut dengan syarikat itu, menyimpan suatu daftar pemegang-pemegang kepentingan di bawah suratikatan itu dan mencatatkan di dalamnya—

Daftar pemegang-pemegang kepentingan.

- (a) nama dan alamat pemegang-pemegang itu;
- (b) takat pegangan setiap pemegang dan, jika kepentingannya terdiri daripada suatu kepentingan tertentu mengenai apa-apa harta, suatu perihal mengenai harta itu serta tempat letaknya yang cukup bagi mengenalpasti harta itu;
- (c) tarikh nama setiap orang dicatatkan di dalam daftar itu sebagai seorang pemegang; dan
- (d) tarikh mana-mana orang terhenti menjadi seorang pemegang.

(2) Penggal 4 Bahagian V hendaklah, setakat yang berkenaan dan dengan apa-apa penyesuaian yang perlu, terpakai bagi dan berhubungan dengan daftar itu.

73. (1) Seseorang tidak boleh—

Penalti kerana pelanggaran Penggal, dsb.

- (a) melanggar atau gagal mematuhi Penggal ini; atau
- (b) gagal mematuhi sesuatu waad yang terkandung, atau yang disifatkan terkandung, dalam apa-apa suratikatan yang adalah atau pada bila-bila masa telah menjadi suatu suratikatan diluluskan.

Penalti: Penjara selama tiga tahun atau sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Tiada seorang pun boleh dilepaskan daripada apa-apa liabiliti terhadap mana-mana pemegang sesuatu kepentingan disebabkan oleh apa-apa pelanggaran, atau kegagalan mematuhi, Penggal ini.

74. (1) Jika syarikat pengurusan di bawah suatu suratikatan dilikuidasikan atau jika, pada pendapat pemegang amanah atau wakil, syarikat pengurusan itu

Penggulungan skim-skim, dsb.

tidak lagi menjalankan perniagaan atau telah, dengan menjejaskan pemegang-pemegang kepentingan yang dimaksudkan oleh suratikatan itu, tidak mematuhi suratikatan itu, pemegang amanah atau wakil itu hendaklah memanggil suatu mesyuarat pemegang-pemegang itu.

(2) Sesuatu mesyuarat di bawah subseksyen (1) hendaklah dipanggil—

- (a) dengan menghantarkan melalui pos, notis mengenai mesyuarat yang dicadangkan, sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum mesyuarat yang dicadang itu, kepada setiap pemegang di alamatnya yang terakhir diketahui, atau, dalam hal pemegang bersama, kepada pemegang bersama yang namanya didapati terdahulu dalam rekod-rekod syarikat; dan
- (b) dengan menyiarkan, sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum mesyuarat yang dicadangkan, suatu iklan yang memberi notis mengenai mesyuarat itu dalam suatu akhbar yang diedarkan di Labuan.

(3) Jika di mana-mana mesyuarat sedemikian suatu ketetapan diluluskan oleh sebilangan majoriti yang mewakili tiga perempat mengikut nilai daripada pemegang-pemegang kepentingan yang hadir dan yang mengundi, sama ada dengan sendiri atau melalui proksi, di mesyuarat itu bahawa pengusahaan, skim, perusahaan, kontrak atau perkiraan yang dimaksudkan oleh suratikatan itu digulung, pemegang amanah atau wakil hendaklah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah mengesahkan ketetapan itu.

(4) Apabila permohonan dibuat oleh pemegang amanah atau wakil, Mahkamah boleh, jika ia berpuas hati bahawa adalah bagi kepentingan pemegang-pemegang kepentingan itu, mengesahkan ketetapan itu dan boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat bagi penggulangan berkesan akan pengusahaan, skim, perusahaan, kontrak atau perkiraan itu.

75. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, apa-apa peruntukan yang terkandung dalam sesuatu suratikatan, atau dalam apa-apa kontrak dengan pemegang-pemegang kepentingan yang dimaksudkan oleh sesuatu suratikatan sedemikian, hendaklah tak sah setakat yang ia mempunyai kesa'n mengecualikan seseorang pemegang amanah atau wakil di bawah suratikatan itu daripada, atau untuk menanggung rugi seseorang pemegang amanah atau wakil terhadap, liabiliti kerana pecah amanah jika pemegang amanah atau wakil itu gagal menunjukkan ukuran berhati-hati dan usaha yang dikehendaki daripada seseorang pemegang amanah atau wakil.

Liabiliti pemegang-pemegang amanah.

(2) Subseksyen (1) tidak boleh mentaksahkan—

- (a) apa pelepasan yang selainnya diberi dengan sah berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan, atau yang tidak dilakukan, oleh seorang pemegang amanah atau wakil sebelum pelepasan itu diberi; atau
- (b) apa-apa peruntukan yang membolehkan sesuatu pelepasan sedemikian diberi—
 - (i) atas persetujuan suatu majoriti tidak kurang daripada tiga perempat daripada pemegang-pemegang kepentingan yang mengundi dengan sendiri atau melalui proksi di suatu mesyuarat yang dipanggil bagi maksud itu; dan
 - (ii) sama ada mengenai perbuatan-;perbuatan atau peninggalan-peninggalan tertentu, atau apabila pemegang amanah atau wakil itu tidak lagi bertindak.

PENGGAL 6

HAKMILIK DAN PEMINDAHAN

76. Syer atau kepentingan lain mana-mana anggota dalam sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah harta alih, yang boleh dipindahkan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perkara-perkara, dan tidak boleh daripada jenis harta tak alih.

Jenis syer.

Menomborkan syer-syer.

77. (1) Setiap syer dalam sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah dikenali dengan nombornya yang tersendiri.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) jika pada bila-bila masa kesemua syer terbitan dalam sesuatu syarikat luar pesisir, atau kesemua syer terbitan daripada sesuatu kelas tertentu dalam syarikat itu, telah membayar penuh dan berperingkat *part passu* bagi segala maksud, tiada mana-mana syer tersebut perlu selepas itu mempunyai suatu nombor pengenalan selagi ia masih membayar penuh dan berperingkat *pari passu* bagi segala maksud dengan semua syer yang sama kelasnya yang pada masa ini diterbitkan dan membayar penuh; atau
- (b) jika kesemua syer terbitan dalam sesuatu syarikat luar pesisir adalah terbukti dengan perakuan-perakuan mengikut seksyen 78 dan setiap perakuan itu dikenali dengan nombornya yang tersendiri dan nombor itu direkodkan dalam daftar anggota-anggota, tiada mana-mana syer itu perlu mempunyai suatu nombor pengenalan.

Perakuan hendaklah menjadi keterangan mengenai hakmilik.

78. (1) Sesuatu perakuan, di bawah meterai suatu syarikat luar pesisir atau mana-mana cawangannya, yang menyatakan apa-apa syer yang dipegang oleh seseorang anggota hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai hakmiliknya terhadap syer-syer itu.

(2) Tiap-tiap perakuan syer hendaklah di bawah meterai syarikat luar pesisir itu atau cawangannya dan hendaklah menyatakan—

- (a) nama syarikat itu dan kuasa yang di bawahnya syarikat itu ditubuhkan;
- (b) alamat pejabat berdaftar syarikat itu di Labuan atau, jika perakuan itu dikeluarkan oleh suatu cawangan syarikat itu, alamat cawangan itu;
- (c) nilai nominal dan takat yang syer-syer itu telah membayar; dan
- (d) kelas syer-syer.

(3) Kegagalan mematuhi seksyen ini tidak boleh menyentuh hak mana-mana pemegang syer.

(4) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, syarikat luar pesisir itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

79. Sesuatu syarikat luar pesisir boleh, jika dibenarkan oleh perkara-perkaranya, mempunyai suatu meterai yang pada mukanya hendaklah terdapat nama syarikat itu dan perkataan-perkataan "Meterai Syer", dan sesuatu perakuan syer di bawah meterai itu hendaklah disifatkan telah dimeterai dengan meterai am syarikat itu bagi maksud-maksud Akta ini.

Syarikat luar pesisir boleh mempunyai meterai syer.

80. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir tidak boleh mendaftarkan sesuatu pemindahan syer atau debentur melainkan jika suatu suratcara pemindahan yang sempurna telah dihantARSERAH kepada syarikat itu, tetapi subseksyen ini tidaklah menjejaskan apa-apa kuasa untuk mendaftarkan sebagai seorang pemegang syer atau pemegang debentur mana-mana orang yang kepadanya hak terhadap mana-mana syer dalam, atau debentur bagi, syarikat itu telah berpindah dengan kuatkuasa undang-undang.

Suratcara pemindahan, dan pemindahan oleh wakil diri.

(2) Sesuatu pemindahan syer, debentur atau kepentingan lain si mati yang dibuat oleh wakil dirinya hendaklah, walaupun wakil diri itu sendiri bukannya anggota syarikat itu, sama sahnyanya seolah-olah dia telah menjadi anggota sedemikian pada masa penyempurnaan suratcara pemindahan itu.

(3) Pengemukakan kepada sesuatu syarikat luar pesisir apa-apa dokumen yang menurut undang-undang adalah keterangan yang mencukupi bahawa probet wasiat, atau surat kuasa mentadbir harta pusaka, si mati telah diberikan kepada seseorang hendaklah diterima oleh syarikat itu, walau apa pun apa-apa jua dalam perkara-perkaranya, sebagai keterangan yang mencukupi mengenai pemberian itu.

(4) Dalam seksyen ini "suratcara pemindahan" termasuklah suatu permohonan bertulis bagi memindahkan

syer, debentur atau kepentingan lain kepada seorang wakil diri.

Kewajipan-kewajipan syarikat luar pesisir mengenai pengeluaran perakuan.

81. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah, dalam masa dua bulan selepas pengumpulan mana-mana syer atau debenturnya, dan dalam masa satu bulan selepas tarikh yang sesuatu pemindahan (selain daripada pemindahan yang syarikat itu, kerana apa-apa sebab, berhak menolak untuk didaftarkan dan tidak mendaftarkan) mana-mana syer atau debenturnya diserahkan kepada syarikat itu, melengkapkan dan menyediakan untuk dihantARSERAHKAN kesemua perakuan dan debentur berkenaan yang berkaitan dengan pengumpulan atau pemindahan itu, melainkan jika syarat-syarat penefbitan syer atau debentur itu memperuntukkan selainnya.

(2) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, syarikat luar pesisir itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar,

(3) Jika sesuatu syarikat luar pesisir yang telah disampaikan notis menghendaknya memperbaiki apa-apa keingkaran pada mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini tidak memperbaiki keingkaran itu dalam masa dua puluh satu hari selepas notis itu disampaikan, Mahkamah boleh, atas permohonan orang yang berhak dihantARSERAHKAN perakuan bagi syer atau debentur itu, mengarahkan syarikat dan tiap-tiap pegawai syarikat itu supaya memperbaiki keingkaran itu dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, dan arahan itu boleh memperuntukkan bahawa segala kos dan perbelanjaan bagi dan yang bersampingan dengan permohonan itu hendaklah ditanggung oleh syarikat itu dan oleh mana-mana pegawai syarikat itu yang ingkar mengikut apa-apa kadar yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

PENGGAL 7

DAFTAR GADAIAN

Tak ter-pakainya Penggal.

82. Tiada apa-apa jua dalam Penggal ini terpakai bagi gadaian yang diwujudkan oleh syarikat luar pesisir asing ke atas harta di luar Malaysia.

83. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing hendaklah menyimpan di pejabat berdaftarnya suatu daftar gadaian dan hendaklah mencatatkan di dalamnya semua gadaian yang khusus melibatkan harta syarikat itu tidak lewat daripada empat belas hari selepas pewujudan gadaian itu, dengan memberikan dalam setiap hal perihal ringkas mengenai harta yang digadaikan, amaun yang didapatkan melalui gadaian itu, nama-nama pemegang gadaian atau orang-orang yang berhak terhadap gadaian tersebut, dan butir-butir yang berhubungan dengan penyelesaian atau pelepasan daripada gadaian tersebut. Daftar gadaian.

(2) Jika mana-mana harta sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing digadaikan tanpa dibuat catatan-catatan yang dikehendaki oleh subseksyen (1), tiap-tiap pegawai syarikat itu yang dengan disedarinya dan dengan bersengaja memberikuasa atau membenarkan peninggalan pencatatan sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Sepuluh ribu ringgit.

(3) Tiap-tiap syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing hendaklah menyebabkan suatu salinan tiap-tiap suratcara yang mewujudkan apa-apa gadaian disimpan di pejabat berdaftarnya.

(4) Daftar gadaian dan salinan-salinan suratcara yang disimpan menurut seksyen ini hendaklah terbuka untuk pemeriksaan mana-mana pemiutang atau anggota syarikat pada bila-bila masa yang munasabah tanpa bayaran.

(5) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi subseksyen (3) atau (4), syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Dua ribu ringgit. Penalti ingkar.

84. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas pewujudan tiap-tiap gadaian, menyerahkan suatu pernyataan mengenai butir-butir yang ditetapkan kepada Pendaftar, dan dalam masa empat belas hari selepas Notis mengenai pewujudan dan penyelesaian gadaian.

gadaian itu diselesaikan atau dilepaskan, menyerahkan suatu notis mengikut bentuk yang ditetapkan kepada Pendaftar.

(2) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi subseksyen ini, syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Dua ribu ringgit. Penalti ingkar.

BAHAGIAN V

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGGAL 1

PEJABAT DAN NAMA

Pejabat
berdaftar
syarikat
luar pesisir

85. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah pada setiap masa mempunyai suatu pejabat berdaftar di Labuan, yang mana pejabat itu hendaklah pejabat utama suatu syarikat amanah.

(2) Notis mengenai tempat letaknya pejabat berdaftar sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah diberi mengikut bentuk yang ditetapkan kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari selepas tarikh pemerbadanan syarikat itu.

(3) Jika sesuatu syarikat luar pesisir telah menukar pejabat berdaftarnya, ia hendaklah memberi notis mengenai pertukaran itu mengikut bentuk yang ditetapkan kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari selepas pertukaran tersebut.

(4) Sesuatu syarikat amanah hendaklah mempamerkan di pejabat utamanya, di tempat yang mudah kelihatan dalam huruf rumi yang mudah dibaca, nama syarikat-syarikat luar pesisir yang mempunyai pejabat berdaftarnya di alamatnya.

(5) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, syarikat itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar.

86. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing hendaklah mengecat atau meletakkan, dan memastikan dicat atau diletakkan, namanya di tempat yang mudah kelihatan, dalam huruf rumi yang mudah dibaca, pada bahagian luar tiap-tiap pejabat atau tempat di mana perniagaannya dijalankan.

Nama hendaklah dipamerkan di semua pejabat dan terdapat pada meterai, surat, dll.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar.

(2) Nama sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing hendaklah (sama ada atau tidak ia menjalankan perniagaan di bawah suatu nama perniagaan) terdapat dalam huruf rumi yang mudah dibaca pada—

- (a) meterainya; dan
- (b) segala surat perniagaan, penyata akaun, invois, notis rasmi, penerbitan, bil pertukaran, notajANJI hutang, pengendorsan, cek, pesanan, resit dan surat kredit bagi, atau yang berupa sebagai dikeluarkan atau ditandatangani oleh atau bagi pihak, syarikat itu,

dan jika berlaku keingkaran pada mematuhi subseksyen ini, syarikat itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(3) Jika sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing telah menukar namanya, nama syarikat itu yang dahulu hendaklah juga terdapat di bawah nama sekarang pada semua dokumen, surat perniagaan, penyata akaun, invois, notis rasmi, penerbitan, bil pertukaran, nota janji hutang, pengendorsan, cek, pesanan, resit dan surat kredit bagi, atau yang berupa sebagai dikeluarkan atau ditandatangani oleh atau bagi pihak, syarikat itu selama suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh pertukaran itu.

(4) Jika seseorang pegawai syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing atau mana-mana orang bagi pihak syarikat itu—

- (a) menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa meterai yang berupa sebagai meterai syarikat itu yang padanya namanya tidak terdapat sedemikian;

- (b) mengeluarkan atau membenarkan pengeluaran apa-apa surat perniagaan, penyata akaun, invoice atau notis rasmi atau penerbitan syarikat itu yang di dalamnya namanya atau nama dahulunya (jika berkenaan) tidak disebut sedemikian; atau
- (c) menandatangani, mengeluarkan atau membenarkan ditandatangani atau dikeluarkan, bagi pihak syarikat itu, apa-apa bil pertukaran, nota janji hutang, cek atau suratcara boleh niaga lain atau apa-apa pengendorsan, pesanan, resit atau surat kredit yang di dalamnya namanya atau nama dahulunya (jika berkenaan) tidak disebut sedemikian,

dia adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan, jika dia telah menandatangani, mengeluarkan atau membenarkan ditandatangani atau dikeluarkan bagi pihak syarikat itu apa-apa bil pertukaran, nota janji hutang atau suratcara boleh niaga lain atau apa-apa pengendorsan yang padanya atau pesanan yang di dalamnya nama itu atau nama dahulunya (jika berkenaan) tidak disebutkan dia hendaklah sebagai tambahan bertanggung sendiri kepada pemegang suratcara atau pesanan itu sebanyak amaun yang kena dibayar baginya melainkan jika ia telah dibayar oleh syarikat itu.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar.

PENGGAL2

PENGARAH-PENGARAH DAN PEGAWAI-PEGAWAI

Pengarah-pengarah.

87. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah yang boleh menjadi pengarah pemastautin.

(2) Tiada seorang pun, selain daripada seorang pegawai syarikat amanah yang disediakan bagi perlantikan itu oleh syarikat amanah itu, boleh bertindak atau dilantik sebagai seorang pengarah pemastautin suatu syarikat luar pesisir.

(3) Apa-apa kekosongan luar jangka pengarah-pengarah boleh, setakat mana perkara-perkara sesuatu syarikat luar pesisir tidak memperuntukkan selainnya,

diisikan oleh seorang yang dilantik oleh pengarah atau pengarah-pengarah yang masih kekal atau, jika tiada pengarah yang masih kekal, oleh Pendaftar atas permohonan seorang anggota syarikat itu.

(4) Tertakluk kepada apa-apa peruntukan selainnya dalam perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir, seorang pengarah suatu syarikat luar pesisir bolehlah suatu perbadanan dan perbadanan itu bolehlah bertindak dengan sendirinya atau melalui seorang penama yang dilantik secara bertulis dan perbadanan itu boleh dilantik atau bertindak sebagai pengarah kepada lebih daripada satu syarikat.

(5) Pengarah pemastautin suatu syarikat luar pesisir tidaklah tertakluk kepada persaraan, tetapi dia boleh, atas persetujuan antara syarikat amanah yang menyediakannya bagi perlantikan itu dan syarikat luar pesisir yang dia dilantik pengarah pemastautin, digantikan oleh seorang pegawai lain syarikat amanah itu pada bila-bila masa.

(6) Seorang pengarah pemastautin adalah berhak mengundi di atas ketetapan lembaga pengarah tanpa menzahirkan kepentingan-kepentingannya sebagai seorang pengarah mana-mana syarikat luar pesisir lain.

(7) Notis yang diterima oleh seorang pengarah pemastautin syarikat luar pesisir tidak boleh disifatkan sebagai notis kepada syarikat itu melainkan jika notis itu secara spesifik diberikan kepada pengarah pemastautin itu sebagai notis kepada syarikat itu.

(8) Seorang pengarah atau pengarah pemastautin suatu syarikat luar pesisir tidak boleh mendedahkan kepada mana-mana orang, atau menggunakan bagi apa-apa maksud, apa-apa maklumat yang didapati oleh sebab jawatannya kecuali mengikut kewajipannya sebagai seorang pengarah syarikat itu dan setakat mana yang dia boleh dipaksa oleh undang-undang untuk berbuat demikian, tetapi seorang pengarah atau pengarah pemastautin boleh mendedahkan kepada seorang pegawai awam yang berkenaan di Malaysia, atau selainnya menggunakan dalam Malaysia, apa-apa maklumat yang ada dalam pengetahuannya yang dipercayai dengan jujurnya membayangkan suatu fraud sedang atau akan

dipraktikkan oleh syarikat itu atau oleh mana-mana anggotanya atau mana-mana pengarahnya atau ke atas syarikat itu atau mana-mana pengarahnya.

(9) Seorang pengarah atau pengarah pemastautin suatu syarikat luar pesisir yang mendedahkan, kepada mana-mana orang, atau menggunakan bagi apa-apa maksud, apa-apa maklumat yang didapati oleh sebab jawatannya melanggar dengan subseksyen (8) adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(10) Fee bagi seorang pengarah pemastautin yang kena dibayar oleh suatu syarikat luar pesisir hendaklah dibayar kepada syarikat amanah yang menyediakannya bagi perlantikan itu dalam apa-apa cara dan pada bila-bila masa sebagaimana yang dipersetujui antara syarikat amanah dan syarikat luar pesisir itu.

(11) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini atau apa-apa peraturan yang sebaliknya, dan melainkan jika yang selainnya diperuntukkan dalam perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir, seorang pengarah pemastautin tidaklah boleh dikenakan apa-apa penalti yang diperuntukkan di bawah Akta ini bagi apa-apa kerugian yang disebabkan kepada atau ditang'gung oleh mana-mana orang walau bagaimana jua pun kerugian itu berbangkit, selain daripada oleh sebab perbuatan salah-laku yang sengaja, keingkaran sengaja atau keabaiannya sengaja pengarah pemastautin itu.

Persetujuan
untuk
bertindak
sebagai
pengarah

88. Seseorang tidak boleh dilantik atau dinamakan sebagai seorang pengarah atau pengarah dicadangkan dalam perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir atau suatu prospektus, melainkan jika sebelum pendaftaran perkara-perkara atau pengeluaran prospektus itu, orang itu telah dengan sendirinya atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu, menandatangani dan menyebabkan diserahkan kepada Pendaftar, suatu persetujuan bertulis untuk bertindak sebagai seorang pengarah.

Keesahan
tindakan-
tindakan
pengarah.

89. Tindakan-tindakan seorang pengarah suatu syarikat luar pesisir adalah sah walau apa pun kecacatan yang didapati dalam perlantikan atau kelayakannya.

90. (1) Pendaftar boleh mengeluarkan suatu arahan bahawa seseorang, sama ada di Labuan atau di tempat lain—

Kuasa Pendaftar untuk menghalang orang-orang daripada menguruskan syarikat luar pesisir.

- (a) yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang berkaitan dengan penajaan, pembentukan atau pengurusan suatu perbadanan;
- (b) yang telah disabitkan atas apa-apa perbuatan yang melibatkan fraud atau kecurangan; atau
- (c) yang adalah seorang yang bankrap atau tak solven,

adalah hilang kelayakannya untuk bertindak sebagai seorang pengarah atau penaja, atau dengan apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tak langsung, untuk bersangkut-paut dengan, atau mengambil bahagian dalam, pengurusan suatu syarikat luar pesisir.

(2) Selepas suatu arahan dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1), sesuatu syarikat luar pesisir tidaklah boleh kemudian daripada itu melantik atau menyimpan seseorang yang telah hilang kelayakannya sedemikian sebagai seorang pengarah dan seseorang yang hilang kelayakannya sedemikian yang tanpa kebenaran Mahkamah bertindak melanggar dengan arahan itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Penjara selama tiga tahun atau sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

91. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, tiap-tiap pengarah suatu syarikat luar pesisir yang dengan apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tak langsung, berkepentingan dalam suatu kontrak atau kontrak dicadangkan dengan syarikat itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas fakta-fakta yang relevan telah sampai ke pengetahuannya, mengisytiharkan jenis kepentingannya itu di mesyuarat pengarah-pengarah syarikat itu atau menyebabkan diedarkan secara bertulis kepada semua pengarah lain butir-butir mengenai kepentingannya itu.

Penzahiran kepentingan-kepentingan dalam kontrak, harta, jawatan dll.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai jika kepentingan pengarah syarikat luar pesisir itu hanya terdiri daripada pengarah itu menjadi anggota atau pemiutang suatu

syarikat luar pesisir lain yang berkepentingan dalam suatu kontrak atau kontrak dicadangkan dengan syarikat yang mula-mula disebut itu, jika kepentingan pengarah itu boleh dengan sepatutnya dianggap bukan kepentingan material.

(3) Bagi maksud seksyen ini, seorang pengarah pemastautin hendaklah disifatkan berkepentingan dalam semua kontrak atau kontrak dicadangkan dengan mana-mana syarikat luar pesisir yang dia menjadi pengarah dan pengarah pemastautin itu hendaklah dikecualikan daripada apa-apa kehendak mengedarkan notis atau perisytiharan bertulis; dan suatu perisytiharan lisan yang dicatatkan dalam minit adalah disifatkan sebagai pematuhan yang mencukupi peruntukan-peruntukan subseksyen (1).

(4) Tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir, seorang pengarah syarikat itu, tidaklah boleh bagi maksud seksyen ini', disifatkan berkepentingan, atau pada bila-bila masa telah berkepentingan dalam suatu kontrak atau kontrak dicadangkan, oleh sebab kontrak atau kontrak dicadangkan itu—

- (a) telah atau akan dibuat dengan;
- (b) adalah bagi faedah; atau
- (c) adalah bagi pihak,

suatu syarikat yang menurut peruntukan seksyen 4, adalah disifatkan sebagai syarikat berkaitan, dan oleh sebab pengarah itu adalah juga seorang pengarah syarikat itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (1), suatu notis am yang diberikan kepada pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir oleh seorang pengarah yang bermaksud bahawa dia adalah seorang pegawai atau anggota suatu syarikat luar pesisir yang dinyatakan atau seorang anggota suatu firma yang dinyatakan dan dia hendaklah dianggap berkepentingan dalam apa-apa kontrak yang dibuat dengan syarikat atau firma itu selepas tarikh notis itu, hendaklah disifatkan sebagai suatu perisytiharan kepentingan yang mencukupi berhubungan dengan apa-apa kontrak yang dibuat sedemikian, tetapi tiada notis

sedemikian boleh mempunyai kuatkuasa melainkan jika sama ada ia diberikan di suatu mesyuarat pengarah-pengarah atau pengarah itu mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa notis itu dikemukakan dan dibaca di mesyuarat pengarah-pengarah yang berikutnya selepas notis itu diberi.

(6) Tiap-tiap pengarah suatu syarikat luar pesisir yang memegang apa-apa jawatan, atau memiliki apa-apaharta yang dengannya, sama ada secara langsung atau tak langsung, kewajipan atau kepentingan mungkin diwujudkan bercanggahan dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai pengarah, hendaklah mengisytiharkan di suatu mesyuarat pengarah-pengarah syarikat itu atau menyebabkan diedarkan secara bertulis kepada semua pengarah lain fakta dan jenis, sifat dan takat percanggahan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi seorang pengarah pemastautin melainkan jika pekarapekara syarikat memperuntukkan sebaliknya.

(7) Perisytiharan yang dikehendaki dibuat oleh seorang pengarah di bawah subseksyen (6) hendaklah dibuat di mesyuarat pertama pengarah-pengarah yang diadakan—

- (a) selepas dia menjadi seorang pengarah; atau
- (b) (jika dia telah pun menjadi seorang pengarah) selepas dia mula memegang jawatan atau memiliki harta itu,

melainkan jika fakta itu telah diedarkan secara bertulis sebelum mesyuarat itu.

(8) Tiap-tiap perisytiharan di bawah seksyen ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat di mana perisytiharan itu telah dibuat.

(9) Seksyen ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidaklah mengurangkan perjalanan kuatkuasa apa-apa rukun undang-undang atau apa-apa peruntukan dalam perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir yang menyekat seorang pengarah syarikat itu daripada mempunyai apa-apa kepentingan dalam kontrak dengan syarikat itu atau daripada memegang jawatan atau memiliki harta yang

melibatkan kewajipan atau kepentingan yang bercanggahan dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai seorang pengarah:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi seorang pengarah pemastautin melainkan jika perkara-perkara syarikat memperuntukkan sebaliknya.

Tugas dan
liabiliti
pegawai-
pegawai.

92. (1) Tiap-tiap pegawai suatu syarikat luar pesisir hendaklah, pada setiap masa, bertindak dengan jujur dan menggunakan usaha yang munasabah dalam menunaikan tugas-tugas jawatannya.

(2) Seorang pegawai suatu syarikat luar pesisir tidak boleh menggunakan secara tidak patut apa-apa maklumat yang diperolehi oleh sebab jawatannya untuk mendapatkan, sama ada secara langsung atau tak langsung, apa-apa faedah bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain atau untuk menyebabkan kemudaratan kepada syarikat itu.

(3) Seorang pegawai suatu syarikat luar pesisir yang melanggar seksyen ini adalah—

(a) bertanggung kepada syarikat itu bagi apa-apa keuntungan yang dibuat olehnya dan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh syarikat itu oleh sebab pelanggaran itu; dan

(h) melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Seksyen ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidaklah mengurangkan mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang lain berhubungan dengan tugas-tugas atau liabiliti pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai sesuatu syarikat.

Setiausaha.

93. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah melantik seorang setiausaha atau lebih yang sekurang-kurangnya seorang hendaklah menjadi setiausaha pemastautin.

(2) Tiada seorang pun, melainkan seorang pegawai syarikat amanah yang disediakan bagi perlantikan itu oleh syarikat amanah itu, boleh bertindak atau dilantik sebagai setiausaha pemastautin.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), setiausaha pemastautin suatu syarikat luar pesisir hendaklah bertanggungjawab bagi pematuhan kehendak,kehendak Akta ini oleh syarikat itu berhubungan dengan penyerahan semua dokumen kepada Pendaftar dan penyenggaraan rekod-rekod syarikat di pejabat berdaftar syarikat itu dan bagi menguruskan komunikasi yang disampaikan ke atas syarikat itu di pejabat berdaftaranya.

(4) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini yang berlawanan, setiausaha pemastautin tidak boleh dikenakan apa-apa penalti yang diperuntukkan dalam Akta ini sebagai seorang pegawai syarikat kecuali bagi apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dalam menjalankan tugas-tugas jawatannya, dan setiausaha pemastautin itu tidak boleh juga bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang disebabkan kepada atau ditanggung oleh mana-mana orang, walau bagaimana jua pun ianya berbangkit, selain daripada dengan sebab perbuatan salah-laku yang sengaja, keingkaran sengaja atau keabaian sengaja.

(5) Suatu syarikat luar pesisir hendaklah dengan serta merta membayar apa-apa kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh setiausaha pemastautin berkenaan dengan apa-apa yang dilakukan olehnya bagi pihak syarikat itu di bawah Akta ini.

(6) Gaji seorang setiausaha pemastautin suatu syarikat luar pesisir hendaklah ditetapkan secara persetujuan antara syarikat itu dan syarikat amanah yang menyediakan pegawai itu bagi perlantikan itu dan hendaklah dibayar mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa sebagaimana yang dipersetujui antara syarikat amanah dan syarikat luar pesisir itu.

(7) Tiap-tiap setiausaha syarikat luar pesisir hendaklah dilantik oleh pengarah-pengarah syarikat itu.

94. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah menyimpan di pejabat berdaftaranya di Labuan suatu daftar pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausaha.

Daftar
pengarah-
pengarah dan
setiausaha-
setiausaha.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi, berkenaan dengan setiap pengarah, dalam hal seorang pengarah individu, nama penuhnya pada masa sekarang dan apa-apa nama dahulunya, alamat kediaman biasanya dan pengenalannya (jika ada), atau, dalam hal pengarah yang adalah suatu syarikat, nama penuh syarikat itu, alamat pejabat berdaftaranya dan nama-nama penama dan wakilnya yang diberikuasa di Labuan.

(3) Daftar itu hendaklah mengandungi, berkenaan dengan setiap setiausaha, nama penuhnya pada masa sekarang dan apa-apa nama dahulunya, alamat kediaman biasanya dan pengenalannya (jika ada) dan nama syarikat amanah yang dia adalah seorang pegawai dan alamat pejabat berdaftar syarikat amanah itu.

(4) Daftar yang disimpan oleh suatu syarikat luar pesisir hendaklah terbuka untuk pemeriksaan mana-mana pengarah, anggota atau juruaudit syarikat itu tanpa caj.

(5) Suatu syarikat luar pesisir hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar—

- (a) dalam masa satu bulan selepas ianya diperbadankan, suatu penyata mengikut bentuk yang ditetapkan yang mengandungi, berhubungan dengan pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausahanya, butir-butir yang dikehendaki dinyatakan dalam daftar itu;
- (b) dalam masa satu bulan selepas seseorang yang dinamakan dalam penyata itu berhenti menjadi pengarah atau setiausaha syarikat itu, suatu penyata mengikut bentuk yang ditetapkan yang memberitahu Pendaftar mengenai pertukaran itu dan yang mengandungi berkenaan dengan setiap pengarah atau setiausaha syarikat pada masa itu, butir-butir yang dikehendaki dinyatakan dalam daftar itu dan tarikh pemberhentian pengarah atau setiausaha itu;
- (c) dalam masa satu bulan selepas seseorang menjadi pengarah atau setiausaha syarikat itu, suatu penyata mengikut bentuk yang ditetapkan yang memberitahu Pendaftar mengenai fakta

tersebut dan yang mengandungi butir-butir yang dikehendaki dinyatakan dalam daftar itu dan tarikh perlantikan orang itu; dan

- (d) dalam masa satu bulan selepas apa-apa pertukaran dalam butir-butir yang ditetapkan pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausaha, notis dalam bentuk yang ditetapkan yang memberitahu Pendaftar mengenai pertukaran itu.

(6) Jika berlaku keingkaran oleh suatu syarikat luar pesisir pada mematuhi apa-apa peruntukan seksyen ini, syarikat itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar.

(7) Dalam seksyen ini, "pengenalan" ertinya, dalam hal mana-mana orang yang -suatu kad pengenalan dikeluarkan kepadanya, nombor kad pengenalan itu, dan dalam hal seseorang yang suatu kad pengenalan tidak dikeluarkan kepadanya, butir-butir pasportnya atau apa-apa keterangan seumpama yang lain sebagaimana yang ada.

PENGGAL 3

MESYUARAT DAN PROSIDJNG

95. (1) Tertakluk kepada apa-apa batasan dalam memorandum atau perkara-perkara, pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir boleh memanggil mesyuarat anggota-anggota syarikat itu mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di dalam atau di luar Labuan sebagaimana yang difikirkan perlu atau dihasrati oleh pengarah-pengarah.

Mesyuarat
anggota-
anggota.

(2) Walau apa pun dalam perkara-perkara, pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir hendaklah, atas rekuisisi sepuluh anggota atau lebih atau anggota-anggota yang pada tarikh rekuisisi itu didepositkan memegang tidak kurang daripada satu persepuluh jumlah modal berbayar syarikat itu, dengan serta-merta mengambil tindakan untuk memanggil suatu mesyuarat anggota-anggota.

(3) Tertakluk kepada apa-apa batasan dalam memorandum atau perkara-perkara, seorang anggota hendaklah disifatkan hadir di suatu mesyuarat anggota-anggota jika—

- (a) dia menyertai mesyuarat itu dengan telefon atau alat elektronik lain; dan
- (b) semua anggota yang menyertai mesyuarat itu boleh mendengar antara satu sama lain dan boleh mengenali suara masing-masing dan bagi maksud ini penyertaan adalah menjadi bukti *prima facie* bagi pengenalan.

(4) Seorang anggota boleh, di suatu mesyuarat, anggota-anggota, diwakili oleh seorang proksi yang boleh bercakap dan mengundi bagi pihaknya.

(5) Peruntukan-peruntukan yang berikut adalah terpakai berkenaan dengan pemunyaan syer bersesama:

- (a) jika dua orang atau lebih memegang syer bersesama, setiap daripada mereka itu boleh hadir dengan sendirinya atau melalui proksi di mesyuarat anggota-anggota dan boleh bercakap sebagai anggota;
- (b) jika hanya seorang sahaja daripada mereka hadir dengan sendirinya atau melalui proksi, dia bolehlah mengundi bagi pihak kesemua mereka semua; dan
- (c) jika dua daripada mereka atau lebih hadir dengan sendirinya atau melalui proksi, mereka hendaklah mengundi sebagai satu.

Notis
mesyuarat
anggota-
anggota.

96. (1) Tertakluk kepada apa-apa kehendak untuk memberi notis yang lebih panjang dalam memorandum atau perkara-perkara, pengarah-pengarah hendaklah memberi tidak kurang daripada tujuh hari notis mesyuarat kepada orang-orang yang, pada tarikh notis itu diberi, ternyata sebagai anggota-anggota dalam daftar anggota-anggota yang disebutkan dalam seksyen 105 dan yang berhak mengundi di mesyuarat itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), tetapi tertakluk kepada apa-apa batasan dalam memorandum atau

perkara-perkara, suatu mesyuarat anggota-anggota yang diadakan berlanggaran dengan kehendak member! notis adalah sah jika anggota-anggota yang memegang majoriti sembilan puluh peratus, atau apa-apa majoriti yang kurang daripada itu sebagaimana yang dinyatakan dalam memorandum atau perkara-perkara—

- (a) daripada jumlah bilangan syer anggota-anggota yang berhak mengundi atas semua perkara yang akan ditentukan di mesyuarat itu; atau
- (b) daripada undi setiap kelas atau siri syer jika anggota-anggota itu adalah berhak mengundi ke atasnya sebagai satu kelas atau siri berserta dengan majoriti mutlak bagi undi yang selebihnya,

telah menepikan notis mesyuarat itu; dan bagi maksud ini, kehadiran seorang anggota di mesyuarat itu hendaklah disifatkan sebagai penepian di pihaknya.

(3) Kegagalan tak sengaja pengarah-pengarah untuk memberi notis mesyuarat kepada seorang anggota, atau fakta bahawa seorang anggota telah tidak menerima notis itu, tidaklah menjadikan mesyuarat itu tak sah.

97. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir, jika suatu syarikat luar pesisir mempunyai lebih daripada seorang anggota dan dua anggota atau lebih hadir di suatu mesyuarat anggota-anggota, anggota-anggota yang hadir adalah menjadi kuorum, dan di mesyuarat itu—

- (a) mana-mana anggota yang dilantik oleh anggota-anggota yang hadir boleh menjadi Pengerusi mesyuarat itu; dan
- (b) tiap-tiap anggota hendaklah mempunyai suatu undi berkenaan dengan tiap-tiap syer yang dipegang olehnya.

(2) Dalam suatu pegundian yang dibuat di suatu mesyuarat, seorang yang berhak kepada lebih daripada satu undi tidaklah perlu, jika dia mengundi, menggunakan semua undinya itu atau membuang semua undi yang digunakannya itu dalam cara yang sama.

Kuorum,
Pengerusi,
pengundian,
dsb., di
mesyuarat.

(3) Suatu perbadanan boleh, melalui ketetapan pengarah-pengarah atau badan kawalan lainnya—

- (a) jika perbadanan itu adalah anggota suatu syarikat luar pesisir, memberikuasa kepada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk bertindak sebagai wakilnya sama ada di suatu mesyuarat tertentu anggota-anggota atau di semua mesyuarat anggota-anggota syarikat itu atau mana-mana kelas anggota; atau
- (b) jika perbadanan itu adalah pemiutang, yang termasuklah seorang pemegang debentur, suatu syarikat luar pesisir, memberikuasa kepada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk bertindak sebagai wakilnya sama ada di suatu mesyuarat tertentu anggota-anggota atau di semua mesyuarat mana-mana pemiutang syarikat itu,

dan seseorang yang diberikuasa sedemikian, adalah berhak, menurut kuasa yang diberikan kepadanya dan sehingga kuasa itu dibatalkan oleh perbadanan itu, menjalankan, bagi pihak perbadanan itu, semua kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh perbadanan itu sekiranya ia adalah anggota individu, pemiutang atau pemegang debentur syarikat itu,

(4) Jika—

- (a) seseorang yang hadir di suatu mesyuarat anggota-anggota adalah diberikuasa untuk bertindak sebagai wakil suatu perbadanan di mesyuarat itu menurut kuasa yang telah diberikan oleh perbadanan itu di bawah subseksyen (3); dan
- (b) jika tidak kerana kuasa sedemikian, orang itu sebaliknya tidak boleh hadir di mesyuarat itu,

perbadanan itu hendaklah, bagi maksud subseksyen (1), disifatkan hadir dengan sendirinya di mesyuarat itu.

(5) Suatu perakuan di bawah meterai perbadanan itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai perlantikan atau pembatalan perlantikan (mengikut

mana-mana yang berkenaan) seorang wakil menurut kuasa subseksyen (3).

(6) Jika—

- (a) suatu syarikat pemegang adalah berhak secara benefisial kepada keseluruhan syer terbitan sesuatu subsidiari; atau
- (b) suatu syarikat luar pesisir mempunyai seorang anggota sahaja,

dan suatu minit yang ditandatangani oleh seorang wakil syarikat pemegang yang diberikuasa menurut subseksyen (3) atau ditandatangani oleh anggota tunggal yang menyatakan bahawa apa-apa tindakan, perkara atau benda, atau apa-apa ketetapan biasa atau khas, yang dikehendaki oleh Akta ini atau oleh memorandum atau perkara-perkara subsidiari itu, dibuat, dilaksanakan atau diluluskan oleh atau di suatu mesyuarat agung tahunan atau suatu mesyuarat luarbiasa subsidiari atau syarikat luar pesisir itu telah dibuat, dilaksanakan atau diluluskan, tindakan, perkara, benda atau ketetapan itu hendaklah, bagi semua maksud, disifatkan telah dibuat, dilaksanakan, atau diluluskan sewajarnya oleh atau di mesyuarat agung tahunan, atau mengikut kehendak keadaan, di mesyuarat luarbiasa subsidiari itu.

98. (1) Kecuali sebagairnana yang diperuntukkan dalam memorandum atau perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir, semua syer mengundi sebagai satu kelas dan setiap syer mempunyai satu undi.

Pengundian
oleh
anggota-
anggota.

(2) Pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir boleh menetapkan tarikh notis suatu mesyuarat diberi sebagai tarikh rekod bagi menentukan syer-syer yang berhak mengundi di mesyuarat itu.

99. Tertakluk kepada apa-apa batasan dalam memorandum atau perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir, suatu tindakan yang boleh diambil oleh anggota-anggota di suatu mesyuarat anggota-anggota boleh juga diambil melalui ketetapan semua anggota yang bersetuju secara bertulis, atau melalui teleks, telegram, telefax, kabel atau apa-apa perhubungan elektronik bertulis lain, tanpa perlu adanya apa-apa notis.

Tindakan
melalui
persetujuan
anggota-
anggota.

Kuasa
Mahkamah
untuk
memerintah-
kan mesyuarat
dipanggil.

100. (1) Jika kerana apa-apa sebab, adalah tidak praktik untuk memanggil suatu mesyuarat mengikut apa-apa cara yang mesyuarat-mesyuarat boleh dipanggil atau untuk menjalankan mesyuarat itu mengikut cara yang ditetapkan oleh perkara-perkara atau Akta ini, Mahkamah boleh, sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pengarah atau mana-mana anggota yang berhak mengundi di mesyuarat itu atau atas permohonan wakil" diri mana-mana anggota itu, memerintahkan supaya suatu mesyuarat dipanggil, diadakan dan dijalankan mengikut cara yang difikirkannya patut, dan Mahkamah boleh memberi apa-apa arahan sampingan atau berbangkit yang difikirkannya suaimanfaat.

(2) Suatu mesyuarat yang dipanggil, diadakan dan dijalankan menurut apa-apa arahan yang dibuat menurut seksyen ini hendaklah, bagi semua maksud, disifatkan sebagai -suatu mesyuarat yang telah dipanggil, diadakan dari dijalankan sewajarnya.

Ketetapan
khas.

101. (1) Suatu ketetapan hendaklah menjadi suatu ketetapan khas apabila ketetapan itu telah diluluskan oleh suatu majoriti yang tidak kurang daripada tiga perempat daripada anggota-anggota, yang berhak berbuat demikian, mengundi dengan sendirinya atau, jika proksi dibenarkan, melalui proksi, di suatu mesyuarat anggota-anggota yang notis tidak kurang daripada dua puluh satu hari yang menyatakan niat hendak mencadangkan ketetapan itu sebagai suatu ketetapan khas telah diberikan dengan sewajarnya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika adalah dipersetujui oleh sebilangan majoriti anggota yang mempunyai hak mengundi di mesyuarat itu, ia itu suatu majoriti yang bersama-sama memegang pada agregatnya tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus jumlah undi anggota-anggota yang berhak mengundi, suatu ketetapan bolehlah dicadangkan dan diluluskan sebagai suatu ketetapan khas di suatu mesyuarat yang notis tidak kurang daripada dua puluh satu hari telah diberikan.

102. Jika menurut Akta ini, notis khas adalah dikehendaki bagi suatu ketetapan, ketetapan itu tidaklah boleh berkuatkuasa melainkan jika notis mengenai niat hendak mengusulkannya telah diberi kepada syarikat luar pesisir itu tidak kurang daripada dua puluh lapan hari sebelum mesyuarat di mana ketetapan itu diusulkan, dan syarikat itu hendaklah memberi kepada anggota-anggota notis mengenai apa-apa ketetapan sedemikian pada masa dan mengikut cara yang sama sebagaimana notis mengenai mesyuarat itu diberikan atau, jika ia tidak praktik, hendaklah memberi mereka notis mengenai ketetapan itu, mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh perkara-perkara, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat itu, tetapi jika selepas notis mengenai niat hendak mengusulkan ketetapan itu telah diberi kepada syarikat itu, suatu mesyuarat dipanggil pada suatu tarikh yang dua puluh lapan hari atau kurang selepas notis itu telah diberikan, notis itu, walaupun tidak diberikan kepada syarikat itu dalam masa yang dikehendaki oleh seksyen ini, hendaklah disifatkan telah diberikan dengan sempurna.

Ketetapan yang menghendaki notis khas.

103. (1) Suatu salinan bercetak tiap-tiap ketetapan khas atau perjanjian yang kepadanya seksyen ini terpakai, hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas ketetapan atau perjanjian itu diluluskan atau dibuat, diserahkan oleh syarikat luar pesisir kepada Pendaftar.

Penyerahan salinan-salinan ketetapan dan perjanjian tertentu.

(2) Suatu salinan bercetak tiap-tiap ketetapan atau perjanjian yang pada masa itu berkuatkuasa hendaklah termaktub dalam atau ditambahkan pada tiap-tiap salinan perkara-perkara yang dikeluarkan selepas ketetapan itu diluluskan atau perjanjian itu dibuat.

(3) Jika perkara-perkara suatu syarikat luar pesisir belum didaftarkan, suatu salinan bercetak tiap-tiap ketetapan atau perjanjian itu hendaklah dikemukakan kepada mana-mana anggota atas permintaannya apabila dibayar apa-apa amaun (jika ada) yang tidak melebihi amaun yang ditetapkan, sebagaimana diarahkan oleh syarikat itu.

(4) Seksyen ini adalah terpakai bagi—

- (a) ketetapan-ketetapan khas;
- (b) ketetapan-ketetapan yang telah dipersetujui oleh semua anggota suatu syarikat luar pesisir, adalah ketetapan-ketetapan yang jika tidak dipersetujui sedemikian, yang tidak boleh menjadi berkesan bagi maksud ketetapan-ketetapan itu melainkan jika ianya telah diluluskan sebagai ketetapan-ketetapan khas;
- (c) ketetapan-ketetapan atau perjanjian-perjanjian yang telah dipersetujui oleh semua anggota yang daripada satu kelas pemegang syer, adalah ketetapan-ketetapan yang, jika tidak dipersetujui sedemikian, tidak akan menjadi berkesan bagi maksudnya melainkan jika ianya telah diluluskan oleh sesuatu majoriti tertentu atau selainnya mengikut sesuatu cara tertentu; dan
- (d) semua ketetapan atau perjanjian yang dengan berkesannya mengikut semua anggota daripada apa-apa kelas pemegang syer sama ada dipersetujui oleh semua anggota daripada kelas itu atau tidak.

(5) Jika sesuatu syarikat luar pesisir gagal mematuhi subseksyen (1), syarikat itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit. Penalti ingkar.

(6) Jika sesuatu syarikat luar pesisir gagal mematuhi subseksyen (2) atau (3), syarikat itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Dua puluh lima ringgit bagi setiap salinan yang berkenaan dengannya keingkaran telah berlaku.

(7) Bagi maksud subseksyen (5) dan (6), seorang pelikuidasi sebagai suatu syarikat luar pesisir hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai syarikat itu.

104. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah menyebabkan minit-minit semua presiding mesyuarat-mesyuarat anggota dan mesyuarat-mesyuarat pengarah-pengarahnya dicatatkan di dalam buku-buku yang disimpan bagi maksud itu." Minit-minit prosiding.

(2) Melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, semua buku minit suatu syarikat luar pesisir hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat itu tetapi pendua-pendua buku minit itu atau mana-mana satu daripadanya boleh disimpan di tempat lain dan hendaklah terbuka untuk pemeriksaan mana-mana anggota tanpa caj.

PENGAL 4

DAFTAR ANGGOTA-ANGGOTA

105. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah menyimpan suatu daftar anggota-anggota dan mencatatkan di dalamnya— Daftar anggota-anggota.

- (a) nama, kerakyatan dan alamat, dan apa-apa maklumat dan butir-butir lain yang relevan anggota-anggota, dan suatu pernyataan mengenai syer-syer yang dipegang oleh setiap anggota, dengan membezakan setiap syer melalui nombornya (jika ada) atau melalui nombor (jika ada) perakuan yang membuktikan pemegangan anggota itu dan mengenai amaun yang dibayar atau yang dipersetujui untuk dianggap telah dibayar ke atas syer-syer setiap anggota;
- (b) tarikh yang nama setiap orang telah, dicatatkan di dalam daftar sebagai seorang anggota;
- (c) tarikh yang mana-mana orang yang terhenti menjadi anggota dalam masa tujuh tahun yang dahulu telah terhenti menjadi anggota sedemikian; dan
- (d) tarikh tiap-tiap pengumpulan syer kepada anggota-anggota dan bilangan syer yang terkandung dalam setiap pengumpulan.

(2) Daftar anggota-anggota hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai apa-apa perkara yang

dimasukkan di dalamnya sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini.

(3) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini oleh suatu syarikat luar pesisir, syarikat itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Dua ribu ringgit. Penalti ingkar.

Di mana
daftar
hendak
disimpan.

106. (1) Melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, daftar anggota-anggota suatu syarikat luar pesisir hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat itu dan hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh mana-mana anggota tanpa caj.

(2) Tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah, dalam masa dua hari selepas daftar itu mula-mula disimpan di suatu tempat selain daripada pejabat berdaftar syarikat itu, menyerahkan kepada Pendaftar, notis mengenai tempat di mana daftar itu disimpan dan syarikat itu hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas apa-apa pertukaran tempat di mana daftar itu disimpan, menyerahkan kepada Pendaftar notis mengenai pertukaran itu.

Akibat-
akibat
keingkaran
oleh ejen.

107. Jika daftar anggota-anggota disimpan di tempat selain daripada pejabat berdaftar syarikat luar pesisir dan oleh sebab apa-apa keingkaran orang yang bertanggungjawab ke atas pejabat itu syarikat itu gagal mematuhi seksyen 106 atau apa-apa kehendak lain Akta ini mengenai pengemukaan daftar itu, orang itu bolehlah dikenakan penalti yang sama seolah-olah dia adalah seorang pegawai syarikat yang ingkar itu.

Kuasa
Mahkamah
untuk
membetulkan
daftar.

108. (1) Jika, berhubungan dengan suatu syarikat luar pesisir—

- (a) nama mana-mana orang adalah, tanpa sebab yang mencukupi, dicatatkan di dalam atau di
- (b) berlaku keingkaran atau terjadi kelengahan yang tak berpatutan dalam mencatatkan ke dalam daftar itu, fakta mengenai mana-mana orang yang telah terhenti menjadi seorang anggota,

orang yang terkilang atau mana-mana anggota syarikat itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk membetulkan daftar itu, dan Mahkamah boleh menolak permohonan itu atau boleh memerintahkan pembedulan daftar itu dan memerintahkan syarikat itu membayar apa-apa gantirugi yang dialami oleh mana-mana pihak kepada permohonan itu.

(2) Mahkamah boleh, atas apa-apa permohonan di bawah subseksyen (1), memutuskan—

- (a) apa-apa persoalan berhubungan dengan hak atau hakmilik mana-mana orang yang adalah suatu pihak kepada permohonan supaya namanya dicatatkan di dalam atau ditinggalkan daripada daftar itu, sama ada persoalan itu timbul di antara anggota-anggota atau-anggota-anggota yang dikatakan di suatu pihak dan syarikat luar pesisir itu di suatu pihak yang lain; dan
- (b) secara amnya, apa-apa persoalan yang perlu atau suaimanfaat untuk diputuskan bagi pembedulan daftar itu.

(3) Mahkamah, apabila membuat suatu perintah bagi pembedulan daftar itu, hendaklah melalui perintahnya, mengarahkan suatu notis mengenai pembedulan itu diserahkan kepada Pendaftar.

(4) Tiada permohonan bagi pembedulan sesuatu daftar berkenaan dengan suatu catatan yang telah dibuat yang di dalam daftar lebih daripada tiga puluh tahun sebelum tarikh permohonan itu boleh dilayan oleh Mahkamah.

PENGGAL 5

PENYATA TAHUNAN

109. (1) Suatu syarikat luar pesisir hendaklah membuat suatu- periyata tahunan yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan dan disertai dengan salinan-salinan dokumen yang dikehendaki dimasukkan di dalam penyata itu.

Penyata tahunan.

(2) Penyata tahunan itu hendaklah mengikut bentuk yang ditetapkan bagi maksud itu atau yang seberapa

hampir dengannya sebagaimana hal keadaan membenarkan dan hendaklah dibuat setakat suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada empat belas hari sebelum tarikh penyerahannya.

(3) Penyata tahunan yang ditandatangani oleh seorang pengarah atau setiausaha syarikat itu hendaklah diserahkan kepada Pendaftar, sekali dalam setiap tahun kalendar, tidak lewat daripada tiga puluh hari sebelum ulangtahun tarikh pemerbadanan syarikat itu.

(4) Penyata tahunan yang diserahkan kepada Pendaftar hendaklah disertai dengan suatu perakuan daripada seorang juruaudit diluluskan yang menyatakan bahawa—

- (a) akaun-akaun yang sempurna syarikat itu bagi tempoh kewangan yang berakhir pada tarikh
 - yang dinyatakan telah disimpan dan suatu kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian bagi tempoh itu telah disediakan dan diauditkan oleh juruaudit itu; dan
- (b) pengarah yang memberi perakuan di bawah subseksyen (5) telah dikemukakan dengan suatu salinan akaun-akaun itu,

dan juruaudit diluluskan itu hendaklah menyimpan, selama tujuh tahun, satu salinan akaun-akaun yang berhubungan dengan perakuan itu.

(5) Penyata tahunan suatu syarikat luar pesisir hendaklah disertai dengan suatu perakuan daripada seorang pengarah yang menyatakan bahawa dia telah menimbang akaun-akaun teraudit yang disebutkan dalam subseksyen (4) dan memperakui, dengan atau tanpa syarat-syarat—

- (a) bahawa akaun-akaun tersebut menunjukkan bahawa syarikat itu adalah solven pada tarikh setakat mana akaun-akaun itu dibuat;
- (b) bahawa dia tidak menyedari akan apa-apa hal keadaan yang menjadikan akaun-akaun itu tidak benar; dan
- (c) bahawa tiada apa-apa hal keadaan telah berlaku semenjak tarikh yang setakat mana akaun-akaun itu dibuat yang boleh menjadikan syarikat itu tak solven,

dan jika perakuan itu tidak boleh diberi tanpa syarat, aspek-aspek syarat-syarat itu hendaklah dinyatakan.

(6) Jika sesuatu syarikat luar pesisir gagal mematuhi seksyen ini, syarikat dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Dua ribu ringgit. Penalti ingkar.

BAHAGIAN VI

AKAUN DAN AUDIT

PENGGAL I

AKAUN-AKAUN

110. (1) Suatu syarikat luar pesisir hendaklah menyebabkan disimpan rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sempurna yang akan menghuraikan dengan secukupnya transaksi-transaksi dan kedudukan kewangan syarikat itu.

Akaun-akaun
hendakiafi
disimpan.

(2) Tiap-tiap syarikat dan pengarah-pengarah syarikat itu hendaklah menyebabkan catatan-catatan yang sesuai dibuat dalam rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain syarikat itu dalam masa enam puluh hari selepas selesainya transaksi-transaksi yang berhubungan dengan rekod-rekod itu.

(3) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain suatu syarikat luar pesisir hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat itu atau di mana-mana tempat lain di Labuan sebagaimana difikirkan patut oleh pengarah-pengarah dan rekod-rekod itu hendaklah pada bila-bila masa terbuka untuk pemeriksaan mana-mana pengarah dan hendaklah disimpan mengikut cara yang akan membolehkan rekod-rekod itu diaudit dengan mudah dan sempurna.

(4) Pendaftar boleh, dalam apa-apa hal tertentu, memerintahkan supaya rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain suatu syarikat luar pesisir dibuka untuk pemeriksaan oleh seorang juruaudit diluluskan yang bertindak bagi pihak seorang pengarah, tetapi hanya apabila suatu akujanji bertulis diberikan kepada Pendaftar

bahawa maklumat yang diperolehi oleh juruaudit itu semasa pemeriksaannya tidak akan didedahkan olehnya kecuali kepada pengarah itu.

(5) Mana-mana pengarah suatu syarikat luar pesisir yang gagal untuk mengambil semua langkah yang munasabah untuk menjamin syarikat itu mematuhi kehendak-kehendak seksyen ini dan seksyen 112 dan 113, atau seorang pengarah pemastautin yang dengan tindakan sengajanya telah menyebabkan apa-apa keingkaran oleh syarikat itu di bawah seksyen-seksyen tersebut, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Akaun-akaun teraudit hendaklah dibentangkan di mesyuarat.

111. (1) Pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir hendaklah menyebabkan akaun-akaun teraudit syarikat dibentangkan di hadapan syarikat di suatu mesyuarat anggota-anggota tidak lebih daripada sembilan bulan selepas tarikh setakat mana akaun-akaun teraudit itu dibuat.

(2) Suatu salinan akaun-akaun teraudit yang dibentangkan di mesyuarat anggota-anggota hendaklah diserahkan kepada Pendaftar dalam masa satu bulan daripada tarikh ia dibentangkan.

(3) Jika keingkaran berlaku pada mematuhi seksyen ini, syarikat luar pesisir itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Sepuluh ribu ringgit. Penalti ingkar.

Akaun-akaun teraudit hendaklah dihantar kepada anggota-anggota.

112. Suatu salinan tiap-tiap akaun yang teraudit yang hendak dibentangkan di hadapan suatu syarikat luar pesisir di suatu mesyuarat anggota-anggotanya berserta suatu salinan laporan juruaudit ke atas' akaun-akaun itu hendaklah, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat itu, dihantar kepada semua anggota syarikat itu.

PENGGAL 2

AUDIT

Juruaudit hendaklah dilantik.

113. (1) Pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir, dalam masa sembilan puluh hari ianya diperbadankan, hendaklah melantik seseorang atau orang-orang sebagai juruaudit atau juruaudit-juruaudit syarikat itu.

(2) Suatu syarikat luar pesisir hendaklah, apabila ia melantik seorang juruaudit, menyerahkan kepada Pendaftar, dalam masa tiga puluh hari daripada perlantikan itu, suatu notis mengenainya dalam borang yang ditetapkan berserta persetujuan bertulis juruaudit itu.

114. (1) Suatu syarikat luar pesisir boleh, di suatu mesyuarat anggota-anggota yang notis khas mengenainya telah diberi kepada juruaudit dan Pendaftar, tetapi tidak sebaliknya, memberhentikan seorang juruaudit daripada jawatannya, tetapi hendaklah di mesyuarat di mana juruaudit itu diberhentikan atau di suatu mesyuarat anggota-anggota, yang diadakan dalam masa sebulan kemudiannya, melantik seorang juruaudit diluluskan untuk mengambil tempat juruaudit yang diberhentikan itu.

Pemberhentian dan perletakan jawatan juruaudit-juruaudit.

(2) Seorang juruaudit suatu syarikat luar pesisir boleh, jika dia bukannya juruaudit tunggal, meletakkan jawatannya pada bila-bila masa tetapi seorang juruaudit tunggal suatu syarikat luar pesisir boleh meletakkan jawatannya di suatu mesyuarat anggota-anggota, sahaja.

(3) Jika seorang juruaudit memberi notis bertulis kepada pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir bahawa dia berhasrat untuk meletakkan jawatannya, pengarah-pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, memanggil suatu mesyuarat anggota-anggota syarikat itu bagi maksud melantik seorang juruaudit bagi menggantikan juruaudit yang berhasrat untuk meletakkan jawatannya, dari apabila juruaudit yang lain telah dilantik, perletakan jawatannya itu akan berkuatkuasa,

(4) Suatu syarikat luar pesisir hendaklah, dalam masa tiga puluh hari daripada pertukaran juruaudit syarikat itu, menyerahkan kepada Pendaftar suatu notis mengenainya dalam borang yang ditetapkan dan notis itu hendaklah disertai dengan persetujuan juruaudit baru itu.

115. Fee dan perbelanjaan seorang juruaudit suatu syarikat luar pesisir boleh ditetapkan oleh pengarah-pengarah syarikat itu melainkan jika dikehendaki oleh juruaudit itu supaya ditetapkan melalui ketetapan anggota-anggota syarikat itu.

Saraan juruaudit.

Juruaudit boleh menghadiri mesyuarat-mesyuarat.

116. Seorang juruaudit suatu syarikat luar pesisir bolehlah menghadiri dan bercakap di semua mesyuarat anggota-anggota syarikat itu.

Hak-hak dan kewajipan-kewajipan juruaudit.

117. (1) Tiap-tiap juruaudit suatu syarikat luar pesisir hendaklah melaporkan kepada anggota-anggota syarikat itu sama ada, pada pendapatnya, akaun-akaun syarikat itu telah disediakan dengan sempurna supaya memberi gambaran yang tepat dan adil mengenai hal ehwal syarikat itu.

(2) Tiap-tiap juruaudit suatu syarikat luar pesisir adalah berhak untuk dikemukakan kepadanya suatu salinan memorandum dan perkara-perkara syarikat itu dan hendaklah membiasakan dirinya dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya.

BAHAGIAN VII

PERKIRAAN DAN PEMBENTUKAN SEMULA

Perkiraan.

118. (1) Dalam seksyen ini "perkiraan" ertinya—

- (a) suatu penyusunan semula atau pembentukan semula syarikat luar pesisir yang diperbadankan di bawah Akta ini;
- (b) suatu penyatuan atau penyantunan satu atau lebih syarikat luar pesisir dengan satu atau lebih syarikat luar pesisir lain, jika syarikat yang masih hidup itu atau syarikat yang dicantumkan itu adalah suatu syarikat luar pesisir;
- (c) pemisahan dua atau lebih perniagaan yang dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir; atau
- (d) apa-apa gabungan apa-apa benda yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (c).

(2) Pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir boleh, melalui ketetapan pengarah-pengarah, meluluskan suatu pelan perkiraan yang mengandungi detail perkiraan yang dicadangkan itu.

(3) Apabila pelan perkiraan itu diluluskan oleh pengarah-pengarah, syarikat luar pesisir itu hendaklah

membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan kelulusan bagi perkiraan yang dicadangkan itu.

(4) Mahkamah boleh, apabila suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (3), membuat perintah interim atau muktamad, dan dalam membuat perintah itu Mahkamah boleh—

- (a) menentukan apa-apa notis, jika ada, yang hendak diberikan kepada mana-mana orang mengenai perkiraan yang dicadangkan itu;
- (b) menentukan sama ada kelulusan mana-mana orang patut didapati mengenai perkiraan yang dicadangkan itu dan cara mendapatkan kelulusan itu;
- (c) menentukan sama ada mana-mana pemegang syer, obligasi hutang atau sekuriti-sekuriti lain syarikat itu boleh menentang perkiraan yang dicadangkan itu dan menerima bayaran nilai syernya, obligasi hutangnya atau sekuriti-sekuriti lainnya;
- (d) menjalankan suatu pembicaraan dan membenarkan mana-mana orang berkepentingan hadir; dan
- (e) meluluskan atau menolak pelan perkiraan sebagaimana dicadangkan atau meluluskan pelan itu dengan pindaan-pindaan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah,

(5) Jika Mahkamah membuat perintah meluluskan pelan perkiraan itu, pengarah-pengarah syarikat luar pesisir itu, jika mereka masih berhasrat untuk melaksanakan pelan itu, hendaklah mengesahkan pelan perkiraan itu sebagaimana diluluskan oleh Mahkamah, sama ada atau tidak Mahkamah telah memerintahkan supaya apa-apa pindaan dibuat kepada pelan perkiraan itu.

(6) Pengarah-pengarah syarikat luar pesisir itu, apabila telah mengesahkan pelan perkiraan itu hendaklah—

- (a) memberi notis kepada orang-orang yang kepadanya Mahkamah menghendaki notis diberi; dan

(b) menyerahkan pelan perkiraan itu kepada orang-orang itu untuk kelulusan mereka jika dikehendaki oleh perintah Mahkamah itu.

(7) Setelah pelan perkiraan itu diluluskan oleh orang-orang yang daripadanya kelulusan dikehendaki oleh perintah Mahkamah itu, artikel-artikel perkiraan itu hendaklah dilaksanakan oleh syarikat luar pesisir itu dan hendaklah mengandungi—

(a) pelan perkiraan itu;

(b) perintah Mahkamah yang meluluskan pelan perkiraan itu; dan

(c) cara bagaimana pelan perkiraan itu telah diluluskan, sekiranya kelulusan dikehendaki oleh Mahkamah.

(8) Artikel-artikel perkiraan itu hendaklah diserahkan kepada Pendaftar yang hendaklah menyimpan dan mendaftarkannya dalam daftar.

(9) Apabila pelan perkiraan itu didaftarkan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan di bawah tandatangan dan meterainya yang memperakukan bahawa artikel-artikel perkiraan itu telah didaftarkan.

(10) Suatu perakuan perkiraan itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah subseksyen (9) hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pematuhan semua kehendak Akta ini berkenaan dengan perkiraan itu.

(11) Suatu perkiraan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh artikel-artikel perkiraan itu didaftarkan oleh Pendaftar atau pada apa-apa tarikh kemudian daripada itu, yang tidak melebihi tiga puluh hari dari tarikh artikel-artikel perkiraan itu didaftarkan dengan Pendaftar sebagaimana dinyatakan dalam artikel-artikel perkiraan itu.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan pengambilalihan dan penyatuan.

119. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi pengawasan dan kawalan transaksi-transaksi pengambilalihan dan penyatuan.

BAHAGIAN VIII

SYARIKAT LUAR PESISIR ASING

120. (1) Bahagi'anini adalah terpakai bagi suatu syarikat luar pesisir hanya jika syarikat itu mempunyai tempat perniagaan atau menjalankan perniagaan di Labuan dan adalah tidak didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Tafsiran.

(2) Dalam Bahagian ini ungkapan "menjalankan perniagaan di Labuan" termasuk—

- (a) menjalankan perniagaan di, dari atau melalui Labuan;
- (b) menubuhkan atau menggunakan suatu pejabat pemindahan syer atau pendaftaran syer di Labuan atau mentadbirkan, menguruskan atau selainnya berurusan dengan harta yang terletak di Labuan sebagai seorang ejen, wakil diri di sisi undang-undang atau pemegang amanah, sama ada melalui pengkhidmat-pengkhidmat atau ejen-ejen atau selainnya; dan
- (c) dalam hal suatu syarikat luar pesisir asing yang dinyatakan oleh Menteri melalui notis yang disiarkan dalam *Warta* bagi maksud perenggan ini—
 - (i) membenarkan atau membiarkan, di Labuan, syer-syer syarikat itu sendiri untuk diuruskan, diterbitkan, dipindahkan atau dijadikan subjek opsyen atau perjanjian;
 - (ii) membenarkan atau membiarkan, di Labuan, pemindahan, atau urusan berkenaan dengan, perjanjian atau opsyen untuk menjual atau membeli sekuriti, nota atau hak yang diterbitkan olehnya kepada orang awam; atau
 - (iii) membenarkan atau membiarkan, di Labuan, pemindahan, atau urusan berkenaan dengan, perjanjian atau opsyen untuk menjual atau membeli sekuriti, nota atau hak, yang oleh sebab

pemindahan, urusan, perjanjian atau opsi itu orang awam boleh memperoleh kepentingan dalam syarikat itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), suatu syarikat luar sesisir asing tidak boleh dikira menjalankan perniagaan di Labuan semata-mata oleh sebab fakta bahawa, di Labuan, syarikat itu—

- (a) adalah, atau menjadi, suatu pihak kepada apa-apa tindakan atau guaman atau apa-apa presiding pentadbiran atau timbangtara atau apa-apa tuntutan atau pertikaian; atau
- (b) menjalankan transaksi-transaksi yang tak disolisit yang diselesaikan dalam masa tiga puluh satu hari, yang bukannya satu daripada sebilangan transaksi yang serupa yang diulangi lebih daripada dua kali.

Pendaftaran
syarikat luar
pesisir asing.

121. (1) Suatu syarikat' luar pesisir tidak boleh mempunyai suatu tempat perniagaan di Labuan atau menjalankan perniagaan di Labuan melainkan jika ianya iidaftarkan sebagai suatu syarikat luar pesisir asing di bawah Bahagian ini, dan suatu syarikat luar pesisir yang bertindak, dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang membenarkan syarikat itu bertindak melanggar dengan subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Tiap-tiap syarikat luar pesisir, sebelum menubuhkan tempat perniagaan, atau menjalankan perniagaan, di Labuan, hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar bagi pendaftaran—

- (a) suatu salinan diperakui perakuan pemerbadanannya atau pendaftarannya di tempat ianya diperbadankan atau di tempat asalnya, atau suatu dokumen yang mempunyai kesan yang sama;
- (b) suatu salinan diperakui carter, statut atau memorandum dan perkara-perkara atau suratcara lain yang menjadi atau menentukan perlembagaan syarikat itu;

- (c) suatu senarai pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai yang mengandungi butir-butir, yang berkenaan dengan pengarah-pengarah syarikat itu, adalah sama dengan butir-butir yang dikehendaki terkandung dalam daftar pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausaha di bawah seksyen 94;
- (d) jika senarai yang disebutkan dalam perenggan (c) termasuk pengarah pemastautin di Labuan yang adalah anggota lembaga pengarah tempatan, suatu memorandum yang dilaksanakan dengan wajarnya oleh atau bagi pihak suatu syarikat luar pesisir asing yang menyatakan kuasa-kuasa pengarah-pengarah tempatan;
- (e) suatu memorandum perlantikan atau surat kuasa wakil di bawah meterai syarikat luar pesisir asing itu atau yang dilaksanakan bagi pihak syarikat itu mengikut suatu cara yang mengikat syarikat itu dan, dalam mana-mana hal itu, ditentukan mengikut cara ditetapkan, yang menyatakan nama suatu syarikat amanah yang diberikuasa untuk menerima bagi pihaknya penyampaian proses dan apa-apa notis yang dikehendaki disampaikan ke atas syarikat itu; dan
- (f) suatu akuan berkanun dalam bentuk ditetapkan yang dibuat oleh seorang pegawai syarikat amanah itu,

dan Pendaftar bolehlah, apabila dibayar fee yang ditetapkan, dan tertakluk kepada Akta ini dan apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Pendaftar, mendaftarkan syarikat itu di bawah Bahagian ini sebagai suatu syarikat luar pesisir asing dengan mendaftarkan dokumen-dokumen itu.

(3) Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan, dalam bentuk ditetapkan, mengenai tiap-tiap pendaftaran suatu syarikat luar pesisir asing dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa kehendak-kehendak mengenai pendaftaran telah dipatuhi.

(4) Jika suatu memorandum perlantikan atau surat kuasa wakil yang diserahkan kepada Pendaftar menurut subseksyen (2) (e) telah dilaksanakan oleh seseorang bagi pihak suatu syarikat luar pesisir asing, suatu salinan suratikatan atau dokumen yang memberikan kuasa kepada orang itu untuk melaksanakan memorandum perlantikan atau surat kuasa wakil itu, yang ditentu-sahkan secara akuan berkanun mengikut cara ditetapkan, hendaklah diserahkan kepada Pendaftar dan salinannya hendaklah dikira sebagai salinan yang asal bagi semua maksud.

(5) Suatu syarikat luar pesisir asing hendaklah membayar fee tahunan dalam apa-apa amaun sebagaimana ditetapkan tidak lewat daripada tiga puluh hari dari setiap ulangtahun tarikh pendaftaran syarikat itu.

Larangan dan sekatan ke atas syarikat luar pesisir asing.

122. (1) Suatu syarikat luar pesisir asing tidak boleh menjalankan di Labuan apa-apa perniagaan yang suatu syarikat luar pesisir dilarang menjalankan.

(2) Menteri boleh, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, memerintahkan supaya mana-mana syarikat luar pesisir asing disekatkan daripada menjalankan di Labuan apa-apa perniagaan yang dinyatakan dan boleh, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, mengenakan syarat-syarat ke atas apa-apa perniagaan dinyatakan yang boleh dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir asing di Labuan.

Pejabat berdaftar syarikat luar pesisir asing.

123. (1) Tiap-tiap syarikat luar pesisir asing hendaklah, pada bila-bila masa, mempunyai pejabat berdaftaranya di Labuan, dan pejabat itu hendaklah pejabat utama suatu syarikat ~~amanah~~

(2) Notis dalam borang ditetapkan mengenai tempat letak pejabat berdaftar dan apa-apa pertukaran tempat itu hendaklah diserahkan kepada Pendaftar dalam masa satu bulan selepas tarikh pendaftaran syarikat luar pesisir asing itu atau dalam masa satu bulan daripada pertukaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, syarikat luar pesisir asing itu dan tiap-tiap pegawai

syarikat itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Satu ribu ringgit, Penalti ingkar.

124. (1) Jika —

- (a) carter, statut, memorandum atau perkara-perkara sesuatu syarikat luar pesisir asing, atau suratcara lain berhubungan dengan syarikat itu yang diserahkan kepada Pendaftar;
- (b) pengarah-pengarah suatu syarikat luar pesisir asing atau nama atau alamat mana-mana pengarah;
- (c) alamat pejabat berdaftar suatu syarikat luar pesisir asing di tempat pemerbadanannya atau tempat asalnya;
- (d) nama suatu syarikat luar pesisir asing;
- (e) kuasa-kuasa mana-mana pengarah pemastautin di Labuan yang adalah anggota lembaga pengarah tempatan suatu syarikat luar pesisir asing; atau
- (f) syarikat amanah atau nama atau alamat syarikat amanah yang disebutkan dalam seksyen 121 (2) (e),

Penyata
hendaklah
diserahkan
apabila
dokumen,
dsb., diubah.

ditukar atau diubah, syarikat luar pesisir asing itu hendaklah, dalam masa satu bulan selepas pertukaran atau perubahan itu, menyerahkan kepada Pendaftar butir-butir pertukaran atau perubahan itu dan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan.

(2) Apabila menerima butir-butir yang tersebut dahulu mengenai pertukaran atau perubahan itu, Pendaftar boleh, tertakluk kepada Akta ini, mendaftarkan pertukaran atau perubahan itu,

(3) Apabila butir-butir apa-apa pertukaran atau perubahan nama suatu syarikat luar pesisir asing yang disebutkan dalam subseksyen (1) (d) telah diserahkan kepada Pendaftar, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan dalam bentuk ditetapkan di bawah tandatangan dan meterainya dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* dalam semua Mahkamah mengenai pertukaran atau perubahan nama syarikat itu.

(4) Jika suatu syarikat luar pesisir asing menambah atau mengurangkan modal syernya yang dibenarkan, syarikat itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas penambahan atau pengurangan itu, menyerahkan kepada Pendaftar notis amaun yang daripada dan kepadanya ia telah berubah.

(5) Jika suatu syarikat luar pesisir asing yang tidak mempunyai suatu modal syer menambah bilangan anggota-anggotanya sehingga melebihi bilangan yang didaftarkan, syarikat itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas pertambahan itu ditetapkan atau berlaku, menyerahkan kepada Pendaftar notis mengenai pertambahan itu.

Penyampaian ke atas syarikat luar pesisir asing.

125. Apa-apa proses atau dokumen yang dikehendaki disampaikan ke atas sesuatu syarikat luar pesisir asing adalah disampaikan dengan secukupnya jika proses atau dokumen itu dialamatkan kepada syarikat luar pesisir asing itu dan ditinggalkan di pejabat berdaftarnya di Labuan atau diposkan kepada pejabat berdaftarnya di Labuan tetapi—

- (a) jika mana-mana syarikat sedemikian ingkar untuk menfailkan dengan Pendaftar nama dan alamat pejabat berdaftar yang dibenarkan menerima penyampaian proses atau notis bagi pihak syarikat itu;
- (b) jika pada bila-bila masa pejabat berdaftar yang telah diserahkan notis tidak lagi wujud; atau
- (c) jika kerana apa-apa sebab lain penyampaian proses atau notis tidak boleh disempurnakan,

dokumen itu bolehlah disampaikan ke atas syarikat itu dengan meninggalkannya di, atau menghantarkannya kepada, mana-mana tempat perniagaan di Labuan yang ditubuhkan oleh syarikat itu, atau, jika tiada tempat perniagaan sedemikian telah ditubuhkan, dokumen itu bolehlah diserahkan ke atas syarikat itu melalui pos berdaftar di mana-mana tempat perniagaan syarikat itu di negara syarikat itu diperbadankan.

Pemberhentian perniagaan di Labuan.

126. Jika" suatu syarikat luar pesisir asing berhenti daripada mempunyai tempat perniagaan atau menjalan-

kan perniagaan di Labuan, syarikat itu hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas pemberhentian itu, menyerahkan kepada Pendaftar notis mengenai fakta itu, dan dari hari notis itu diserahkan, obligasi-obligasi syarikat itu untuk menyerahkan apa-apa dokumen (yang bukannya dokumen yang sepatutnya diserahkan sebelum hari itu) kepada Pendaftar hendaklah tamat, dan Pendaftar boleh dengan serta-merta memotong nama syarikat luar pesisir asing itu daripada daftar.

127. (1) Jika suatu syarikat luar pesisir asing dilikuidasikan atau dibubarkan di tempat pemerbadanannya atau di tempat asalnya—

Pelikuidasian atau pembubaran syarikat di tempat diperbadankan atau di tempat asalnya.

- (a) syarikat amanah hendaklah, dalam masa satu bulan selepas bermulanya pelikuidasian atau pembubaran itu atau dalam apa-apa masa selanjutnya sebagaimana Pendaftar, dalam hal keadaan khas membenarkan, menyerahkan atau menyebabkan diserahkan kepada Pendaftar, notis mengenai fakta itu dan, jika seorang pelikuidasi dilantik, notis mengenai perlantikan itu;
- (b) Pendaftar, selepas menerima notis itu, hendaklah dengan serta-merta melantik seorang pelikuidasi, dan sehingga penggulungan hal ehwal syarikat itu di Labuan selesai, syarikat luar pesisir asing itu hendaklah disifatkan terus wujud di Labuan; dan
- (c) Mahkamah hendaklah disifatkan telah memerintahkan supaya syarikat itu digulung.

(2) Pelikuidasi yang dilantik oleh Pendaftar hendaklah mendapatkan kesemua aset syarikat luar pesisir asing itu yang terletak di Labuan atau yang boleh didapati kembali di Labuan, dan dalam berbuat demikian, pelikuidasi itu hendaklah, mempunyai kesemua kuasa seorang pelikuidasi suatu syarikat luar pesisir.

(3) Sebelum membayar atau memindahkan apa-apa aset yang didapati di Labuan kepada seorang pelikuidasi asing suatu syarikat luar pesisir asing di tempat ianya

dibentuk atau diperbadankan, pelikuidasi yang dilantik oleh Pendaftar hendaklah—

- Akta*
- (a) membayar kepada Pendaftar semua penalti, kos, fee dan caj yang kena dibayar dan terhutang;
 - (b) membayar amaun semua cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar-Pesisir Labuan 1990; dan
 - (c) membayar kepada mana-mana orang yang bermastautin di Labuan apa-apa hutang yang *bona fide* ditanggung oleh suatu syarikat luar pesisir asing berkenaan dengan pembekalan khidmat kepada atau untuk syarikat luar pesisir asing itu, amaun hutang itu,

dan penalti, kos, fee, caj, cukai dan hutang sedemikian hendaklah menjadi suatu tanggungan ke atas aset syarikat luar pesisir asing itu yang berperingkat selepas kos pelikuidasi yang dilantik oleh Pendaftar tetapi lebih utama daripada apa-apa jua caj dan tuntutan lain.

(4) Peruntukan-peruntukan Bahagian X Akta Syarikat 1965 yang berhubungan dengan pemotongan nama-nama syarikat yang tak berfungsi daripada daftar hendaklah terpakai *mutatis mutandis* kepada suatu syarikat luar pesisir asing.

Nama-nama syarikat luar pesisir asing.

128. (1) Kecuali dengan persetujuan Menteri, suatu syarikat luar pesisir asing tidak boleh didaftarkan dengan nama yang pada pendapat Pendaftar adalah nama yang tak diingini atau adalah nama atau termasuk suatu nama yang daripada jenis yang Pendaftar selainnya enggan untuk menerima bagi pendaftaran.

(2) Jika suatu syarikat luar pesisir telah didaftarkan, sama ada secara tersilap atau selainnya, dengan suatu nama yang dengannya ia tidak patut didaftarkan, Pendaftar boleh, selepas memberi notis tiga puluh hari kepada syarikat luar pesisir asing itu, menghendaki syarikat itu menukar namanya, memotong syarikat itu daripada daftar apabila syarikat itu ingkar mematuhi kehendak Pendaftar.

(3) Tiada syarikat luar pesisir asing boleh, berkenaan dengan tindakan-tindakan yang telah dibuat atau akan

dibuat di Labuan, menggunakan di Labuan atau di tempat lain, apa-apa nama selain daripada nama yang dengannya syarikat itu telah didaftarkan di bawah Bahagian ini dan tiap-tiap syarikat luar pesisir asing dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang dengan disedarinya memberikuasa atau membenarkan keingkaran itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

129. (1) Suatu syarikat luar pesisir asing hendaklah membuat suatu penyata tahunan yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan dan penyata tahunan itu hendaklah disertai dengan apa-apa salinan dokumen sebagaimana dikehendaki dimasukkan dalam penyata itu, dan syarikat itu hendaklah menyerahkan penyata itu kepada Pendaftar sekali dalam setiap tahun kalendar tidak lewat daripada tiga puluh hari sebelum ulangtahun tarikh pendaftaran syarikat itu.

Penyata-
penyata
oleh
syarikat
luar pesisir
asing.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan—

- (a) untuk menetapkan daftar-daftar dan penyata-penyata yang hendaklah disimpan dan dibuat oleh sesuatu syarikat luar pesisir asing dan menetapkan masa-masa daftar dan penyata itu mesti disimpan dan dibuat; dan
- (b) untuk menetapkan fee dan caj yang hendaklah dibayar bagi penyerahan apa-apa penyata tahunan.

130. Walau apa pun peruntukan lain dalam Bahagian ini, suatu syarikat asing yang telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, atau Akta Insurans 1963, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh didaftarkan di bawah Akta ini sebagai suatu syarikat luar pesisir asing, dan apabila didaftarkan sedemikian, peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai sewajarnya kepada syarikat itu.

Pemakaian
Bahagian
ini kepada
syarikat-
syarikat
asing tertentu
yang didaftar-
kan di bawah
Akta Syarikat
1965.
Akta 372.
Akta 276.
Akta 89

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

131. (1) Peruntukan-peruntukan Bahagian VIII dan Bahagian X (setakat mana ianya berhubungan dengan

Penerimaan
dan peng-
gulangan.

suatu syarikat yang dihadkan oleh syer) Akta Syarikat 1965 adalah terpakai bagi penerimaan dan penggulungan sesuatu syarikat luar pesisir, tertakluk kepada apa-apa pengubahsuaian dan penyesuaian sebagaimana yang perlu, dan khususnya sebutan "syarikat" hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai syarikat luar pesisir.

P.U (A)
289/72.

(2) Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 adalah juga terpakai bagi penggulungan sesuatu syarikat luar pesisir, tertakluk kepada apa-apa pengubahsuaian dan penyesuaian yang perlu dan khususnya sebutan "syarikat" hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai syarikat luar pesisir.

Penyampaian
dokumen
ke atas
syarikat.

132. Apa-apa dokumen bolehlah disampaikan ke atas suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing dengan meninggalkannya, atau menghantarkannya melalui pos kepada, pejabat berdaftar syarikat itu.

Pemindahan
ke Labuan.

133. (1) Suatu syarikat luar pesisir boleh, apabila mendapat kelulusan Pendaftar dan dalam masa dua bulan dari tarikh kelulusan itu didapati, memohon kepada pegawai yang hak negara lain atau pegawai yang hak bidang kuasa dalam negara itu, yang menurut undang-undangnya, pemindahan sedemikian dibenarkan, bagi suatu suratcara untuk memindahkan syarikat itu seolah-olah syarikat itu telah diperbadankan di bawah undang-undang negara atau bidang kuasa lain itu, dan pada tarikh suratcara pemindahan itu, syarikat itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, menjadi suatu syarikat di bawah undang-undang negara atau bidang kuasa itu dan yang didomisikan di negara atau bidang kuasa itu.

(2) Suatu syarikat luar pesisir tidak boleh memohon kepada Pendaftar bagi kelulusan di bawah subseksyen (1) melainkan jika—

(a) permohonan itu dibenarkan—

(i) jika syarikat itu bermodal syer, oleh tidak kurang daripada tiga perempat pemegang-pemegang syer daripada setiap kelas;

- (ii) oleh pemegang-pemegang yang memegang tidak kurang daripada tiga perempat daripada setiap kelas debentur syarikat itu (jika ada); dan
- (iii) semua pengarah syarikat itu; dan
- (b) syarikat itu, tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum memohon kepada Pendaftar bagi kelulusan sedemikian, telah menyiarkan suatu notis dalam suratkhobar yang secara amnya diedarkan di Labuan mengenai niatnya untuk membuat permohonan itu,

dan suatu permohotian sedemikian tidak boleh diterima melainkan jika permohonan itu disertai dengan suatu affidavit bersumpah seorang pengarah syarikat itu yang menyatakan—

- (c) nama-nama dan alamat-alamat pemiutang-pemiutang syarikat itu dan jumlah amaum syarikat itu berhutang kepada pemiutang-pemiutangnya; dan
- (d) suatu pernyataan yang membawa maksud bahawa pemindahan domisil yang dicadangkan itu tidak akan memudaratkan hak-hak atau kepentingan-kepentingan yang wajar mana-mana anggota, pemegang debentur atau pemiutang syarikat itu.

(3) Pendaftar tidak boleh memberi kelulusan kepada sualu syarikat luar pesisir yang memohon berpindah ke negara atau bidang kuasa Jain melainkan jika Pendaftar berpuas hati bahawa—

- (a) peruntukan-peruntukan subseksyen (2) telah dipatuhi; dan
- (b) syarikat itu telah mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini yang sepatutnya telah dipatuhi oleh syarikat itu,

dan Pendaftar boleh memberikan kelulusannya atas apa-apa syarat yang difikirkannya perlu untuk memelihara hak-hak dan kepentingan-kepentingan wajar mana-mana anggota, pemegang debentur atau pemiutang syarikat itu

atau mana-mana kelas anggota, pemegang debentur atau pemiutang, dan apabila syarikat itu mengambil apa-apa langkah yang pada pendapat Pendaftar adalah perlu untuk meremedikan kegagalan syarikat itu untuk mematuhi apa-apa peruntukan Akta ini.

(4) Apabila suatu suratcara yang memindahkan syarikat itu ke negara atau bidang kuasa lain telah dilaksanakan oleh pegawai yang hak negara atau bidang kuasa lain itu, syarikat itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pendaftar detail-detail mengenainya dan syarikat itu hendaklah disifatkan telah berhenti menjadi suatu syarikat yang diperbadankan di Labuan dari tarikh berkuatkuasanya pemindahannya ke negara atau bidang kuasa lain itu dan Pendaftar hendaklah memotong nama syarikat itu daripada daftar:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam subseksyen ini boleh mengambil atau menyentuh bidang kuasa mana-mana Mahkamah (sama ada Mahkamah Tinggi atau selainnya) untuk mendengar dan menyelesaikan apa-apa prosiding yang dimulakan dalam Mahkamah itu oleh atau terhadap syarikat itu sebelum syarikat itu berhenti menjadi syarikat yang diperbadankan di Labuan.

(5) Jika suatu syarikat luar pesisir memberitahu Pendaftar di bawah subseksyen (4) bahawa suatu suratcara yang memindahkan syarikat itu ke negara atau bidang kuasa lain telah dilaksanakan oleh pegawai yang hak di negara atau bidang kuasa lain itu dan pemberitahuan itu adalah palsu, walaupun Pendaftar telah memotong nama syarikat itu daripada daftar menurut kuasa subseksyen itu—

- (a) liabiliti (jika ada) mana-mana pegawai atau anggota syarikat itu hendaklah, berterusan dan bolehlah dikuatkuasakan seolah-olah syarikat itu masih didaftarkan di bawah Akta ini; dan
- (b) syarikat itu bolehlah digulung menurut peruntukan-peruntukan Akta ini seolah-olah syarikat itu masih didaftarkan di bawah Akta ini.

mengikut budi bicaranya sendiri, kos suatu pihak dibayar dalam apa-apa amaun dan oleh mana-mana pihak lain sebagaimana yang difikirkannya adil.

135. Jika suatu syarikat luar pesisir adalah plaintif dalam apa-apa tindakan mahkamah atau prosiding undang-undang lain, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa, menghendaki jaminan yang secukupnya diberi untuk kos dan Mahkamah boleh menggantung apa-apa prosiding sehingga jaminan itu diberi.

Jaminan
untuk kos.

136. (1) Jika setelah menggunakan keusahaan yang munasabah, suatu syarikat luar pesisir tidak dapat mengetahui di mana beradanya seorang pemegang syer berdaftar bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada sepuluh tahun, syarikat itu boleh menyebabkan suatu notis disiarkan dalam suatu suratkhbar harian yang diedarkan di tempat yang dalam daftar anggota-anggota ditunjukkan sebagai alamat pemegang syer itu, dan notis itu hendaklah menyatakan bahawa syer-syer itu akan boleh dilucuthakkan kepada Pendaftar selepas tamat satu bulan dari tarikh notis itu.

Pelupusan
syer pemegang
syer yang tidak
diketahui di
mana berada.

(2) Jika selepas tamat satu bulan dari tarikh notis di bawah subseksyen (1), tempat di mana pemegang syer itu berada masih belum diketahui, syarikat itu boleh memindahkan syer-syer dalam syarikat itu yang dipegang oleh pemegang syer itu kepada Pendaftar dan bagi maksud itu syarikat itu boleh melaksanakan, bagi dan atas pihak pemunya syer itu, pemindahan syer-syer itu kepada Pendaftar dan orang yang syer-syernya itu telah dilucuthakkan hendaklah terhenti menjadi seorang anggota berkenaan dengan syer-syer yang telah dilucuthakkan itu, tetapi orang yang syer-syernya telah dilucuthakkan itu, walaupun syer-syernya itu telah dilucuthakkan, masih kena membayar kepada syarikat itu semua wang yang, pada tarikh perlucuthakan itu, kena dibayar olehnya kepada syarikat itu berkenaan dengan syer-syernya itu, tetapi liabilitinya hendaklah tamat jika dan apabila syarikat itu menerima bayaran penuh semua wang berkenaan dengan syer-syer itu.

Kuasa untuk
memberi
relief.

137. (1) Dalam apa-apa prosiding bagi kecuaiian, keingkaran, kemungkiran kewajipan, atau pecah amanah terhadap seseorang yang baginya seksyen ini terpakai, jika ternyata kepada Mahkamah yang di hadapannya prosiding diambil bahawa orang itu adalah atau boleh bertanggungjawab berkenaan dengan kecuaiian, keingkaran, kemungkiran kewajipan atau pecah amanah itu, tetapi orang itu telah bertindak dengan jujur dan munasabah dan bahawa, dengan mengambil kira semua hal keadaan kes itu, termasuk hal-hal keadaan yang berkaitan dengan perlantikan orang itu, adalah adil orang itu dimaafkan bagi kecuaiian, keingkaran atau kemungkiran atau pecah amanah itu, Mahkamah boleh melepaskan orang itu daripada tanggungjawabnya, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Jika mana-mana orang yang baginya seksyen ini terpakai mempunyai sebab untuk menyangka bahawa apa-apa tuntutan akan atau mungkin dibuat terhadapnya berkenaan dengan apa-apa kecuaiian, keingkaran, kemungkiran kewajipan atau pecah amanah, orang itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan relief, dan Mahkamah itu hendaklah mempunyai semua kuasa untuk memberi relief kepada orang itu di bawah seksyen ini sebagaimana yang Mahkamah itu mempunyai kuasa sekiranya Mahkamah itu adalah Mahkamah yang di hadapannya prosiding terhadap orang itu bagi kecuaiian, keingkaran, kemungkiran kewajipan atau pecah amanah telah dibawa.

(3) Orang-orang yang baginya seksyen ini terpakai baginya adalah—

- (a) pegawai-pegawai syarikat luar pesisir;
- (b) orang-orang yang digunakhidmat oleh suatu syarikat luar pesisir sebagai juruaudit, sama ada orang-orang itu adalah pegawai-pegawai syarikat itu atau tidak;
- (c) pakar-pakar dalam pengertian Akta ini; dan
- (d) semua orang, termasuk penerima dan pengurus atau pelikuidasi, yang dilantik atau diarahkan

oleh Mahkamah atau Pendaftar untuk menjalankan apa-apa tugas berhubungan dengan syarikat luar pesisir di bawah Akta 'ini.

138. (1) Tiada prosiding di bawah Akta ini boleh menjadi tak sah oleh sebab apa-apa peninggalan, kecacatan, kesilapan, luar aturan atau ketidaksempurnaan notis atau masa melainkan jika Mahkamah berpendapat bahawa ketidakadilan substansial telah atau boleh disebabkan oleh peninggalan, kecacatan, kesilapan, luar aturan atau ketidaksempurnaan itu yang tidak boleh diremedikan oleh apa-apa perintah Mahkamah dan Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, membuat suatu perintah atau arahan mengisytiharkan bahawa prosiding sedemikian adalah sah walau apa pun apa-apa peninggalan, kecacatan, kesilapan, luar aturan atau ketidaksempurnaan itu.

Luar aturan dalam prosiding.

(2) Tanpa menyentuh keluasan makna subseksyen (1) atau mana-mana peruntukan lain Akta ini, jika apa-apa peninggalan, kecacatan, kesilapan, luar aturan atau ketidaksempurnaan itu, termasuk ketiadaan kuorum di apa-apa mesyuarat syarikat luar pesisir itu, telah berlaku dalam pengurusan atau pentadbiran suatu syarikat luar pesisir yang disebabkan apa-apa pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta ini telah berlaku, atau telah berlaku keingkaran dalam mematuhi memorandum atau perkara-perkara syarikat itu, atau yang disebabkan apa-apa prosiding di atau berkaitan dengan apa-apa mesyuarat, atau mesyuarat dikatakan telah dijadikan tak berkesan, termasuk kegagalan untuk membuat atau menyerahkan apa-apa perisytiharan kesolvenan, Mahkamah—

(a) boleh, sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan yang diserahkan oleh orang yang berkepentingan, membuat apa-apa perintah atau arahan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membetulkan atau menyebabkan dibetulkan atau untuk menegatifkan atau mengubahsuai atau menyebabkan dinegatifkan atau diubahsuai akibat-akibat di sisi undang-undang apa-apa peninggalan, kecacatan, kesilapan, luar aturan atau ketidaksempurnaan itu,

atau untuk mengesahkan apa-apa tindakan, perkara atau benda yang dijadikan tak sah oleh atau berbangkit daripada apa-apa peninggalan, kecacatan, kesilapan, luar aturan atau ketaksempurnaan itu;

- (b) hendaklah, sebelum membuat apa-apa perintah atau arahan sedemikian, memuaskan hatinya bahawa perintah atau arahan sedemikian tidak akan menyebabkan ketakadilan kepada syarikat itu atau mana-mana anggota atau pemiutang syarikat itu, atau kepada mana-mana orang lain;
- (c) jika apa-apa perintah atau arahan sedemikian telah dibuat, boleh memberi apa-apa arahan sampingan atau berbangkit sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; dan
- (d) boleh menentukan notis atau saman apa yang hendak diberi kepada orang-orang lain mengenai niat untuk membuat apa-apa permohonan sedemikian atau niat untuk membuat apa-apa perintah atau arahan sedemikian dan sama ada ianya kena diiklankan dalam apa-apa suratkhbar.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), "mesyuarat", berhubungan dengan sesuatu syarikat luar pesisir, termasuk—

- (a) mesyuarat syarikat itu;
- (b) mesyuarat apa-apa kelas anggota syarikat itu;
- (c) mesyuarat pemegang debentur atau apa-apa kelas pemegang debentur syarikat itu;
- (d) mesyuarat pengarah-pengarah syarikat itu-atau - apa-apa jawatankuasa pengarah-pengarah itu; dan
- (e) mesyuarat pemiutang-pemiutang atau apa-apa kelas pemiutang syarikat itu.

(4) Mahkamah boleh, sama ada syarikat itu dalam proses digulung atau tidak, melanjutkan atau memendekkan apa-apa masa bagi melakukan apa-apa tindakan atau mengambil apa-apa prosiding yang

dibenarkan atau dihadkan oleh Akta ini atau peraturan-peraturan, atas apa-apa terma, jika ada, sebagaimana keadilan dalam kes itu menghendaki, dan apa-apa perlanjutan sedemikian boleh diperintahkan walaupun permohonan bagi perlanjutan itu tidak dibuat sehingga selepas masa yang pada mulanya dibenarkan atau dihadkan.

139. (1) Jikadibawah Akta ini suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing dikehendaki menyerahkan kepada Pendaftar apa-apa suratcara, perakuan, kontrak atau dokumen atau suatu salinan diperakui mengenainya dan suratcara, perakuan, kontrak, dokumen atau salinan itu tidak ditulis dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, syarikat itu hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar, pada masa yang sama, suatu terjemahan diperakui mengenainya sama ada dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris.

Terjemahan
suratcara-
suratcara.

(2) Jika di bawah Akta ini suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing dikehendaki menyediakan bagi pemeriksaan awam apa-apa suratcara, perakuan, kontrak atau dokumen dan suratcara, perakuan, kontrak atau dokumen itu tidak ditulis dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, syarikat itu hendaklah menyimpan di pejabat berdaftaranya di Labuan suatu terjemahan diperakui mengenainya sama ada dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris.

(3) Jika apa-apa akaun, buku minit atau rekod lain suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang dikehendaki disimpan oleh Akta ini, tidak disimpan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, pengarah-pengarah syarikat itu hendaklah menyebabkan suatu terjemahan benar dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris akaun-akaun, buku-buku minit dan rekod-rekod lain itu dibuat dari semasa ke semasa pada lat-lat tempoh yang tidak lebih daripada tujuh hari dan hendaklah menyebabkan terjemahan-terjemahan itu disimpan bersama-sama dengan akaun-akaun, buku-buku minit dan rekod-rekod lain yang asal selagi akaun-akaun, buku-buku minit dan rekod-rekod lain yang asal itu dikehendaki disimpan oleh Akta ini.

Dividen hanya boleh dibayar daripada keuntungan.

140. Tiada dividen boleh dibayar kepada mana-mana pemegang syer mana-mana syarikat luar pesisir kecuali daripada keuntungan.

Penggunaan perkataan "corporation" dsb.

141. Tiap-tiap orang yang menjalankan perniagaan di Labuan di bawah apa-apa nama atau gelaran yang mengandungi perkataan atau perkataan-perkataan "Berhad", "Corporation", "Incorporated", "Limited", "Societe Anonyme" atau "Societed Anonima" atau apa-apa perkataan atau perkataan-perkataan lain dalam bahasa kebangsaan mana-mana negara yang memberi maksud suatu syarikat saham bersama yang dihadkan oleh syer, atau apa-apa singkatan perkataan-perkataan tersebut, melainkan jika orang itu adalah syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang diwujudkan, diperbadankan atau didaftarkan sewajarnya di bawah Akta ini, atau adalah syarikat domestik atau badan diperbadankan, adalah melakukan kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti am.

142. (1) Seseorang yang—

- (a) melakukan perkara yang dia adalah ditegah melakukan oleh atau di bawah Akta ini;
- (b) tidak melakukan perkara yang dia adalah dikehendaki atau diarah melakukan oleh atau di bawah Akta ini;
- (c) selainnya melanggar atau gagal mematuhi apa-apa peruntukan Akta ini, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini apabila disabitkan boleh dikenakan suatu penalti atau hukuman yang disebutkan dengan nyata sebagai penalti atau hukuman bagi kesalahan itu, atau jika penalti atau hukuman tidak disebutkan, boleh dikenakan penalti yang tidak melebihi lima ribu ringgit.

(3) Penalti atau hukuman, wang atau selainnya, yang dinyatakan dalam atau di sebelah bawah, mana-mana seksyen atau bahagian sesuatu seksyen Akta ini hendaklah menunjukkan bahawa kesalahan itu boleh dihukum atas sabitan dengan suatu penalti atau hukuman yang tidak melebihi penalti atau hukuman yang dinyatakan itu dan

jika penalti atau hukuman itu disebutkan dengan nyata sebagai terpakai bagi suatu bahagian seksyen itu sahaja, ia hendaklah terpakai bagi bahagian itu sahaja.

143. (1) Jika dalam, atau di sebelah bawah, mana-mana seksyen atau bahagian sesuatu seksyen Akta ini ada terdapat ungkapan "Penalti ingkar", ia hendaklah menunjukkan bahawa mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini berhubungan dengan seksyen atau bahagian itu adalah melakukan suatu kesalahan lanjut terhadap Akta ini jika kesalahan itu berterusan selepas dia disabitkan dan boleh dikenakan suatu penalti tambahan bagi setiap hari kesalahan itu berterusan yang amaunnya tidaklah melebihi amaun yang dinyatakan dalam seksyen atau bahagian itu sebagai amaun penalti ingkar atau, jika suatu amaun tidak dinyatakan, yang amaunnya tidak melebihi dua ratus ringgit,

Penalti-
penalti
ingkar.

(2) Jika apa-apa kesalahan dilakukan oleh seseorang disebabkan oleh kegagalannya mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini yang atau di bawahnya dia dikehendaki atau diarahkan melakukan apa-apa dalam suatu tempoh yang tertentu, kesalahan itu, bagi maksud subseksyen (1), hendaklah disifatkan berterusan selagi benda yang dikehendaki atau diarahkan dilakukan olehnya masih belum dilakukan, walaupun tempoh untuk orang itu melakukan benda itu telah luput.

(3) Bagi maksud mana-mana peruntukan Akta ini yang memperuntukkan bahawa seorang pegawai sesuatu syarikat luar pesisir, syarikat luar pesisir asing atau syarikat penggerenti yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau boleh dikenakan suatu penalti atau hukuman, ungkapan "pegawai yang ingkar" atau mana-mana ungkapan yang serupa ertinya mana-mana pegawai syarikat itu yang dengan disedarinya dan dengan sengaja—

- (a) melakukan kesalahan itu; atau
- (b) memberikuasa atau membenarkan kesalahan itu dilakukan.

Mengkompaun
kesalahan,,
kesalahan

144. (i) Pendaftar boleh, dalam mana-mana kes yang difikirkannya patut untuk berbuat demikian mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini, dengan membuat tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Pendaftar, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, apa-apa jumlah wang yang dinyatakan dalam tawaran itu, yang jumlahnya tidak boleh melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika orang itu telah disabitkan di atas kesalahan itu.

(2) Tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan bagi kesalahan itu dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberi oleh Pendaftar, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan selepas itu boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan sedemikian, terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat.

Prosedur
jika tiada
diaturkan.

145. Sekiranya apa-apa tindakan atau langkah dikehendaki dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan tiada borang ditetapkan atau prosedur diaturkan sama ada dalam Akta ini ataupun peraturan-peraturan, permohonan bolehlah dibuat kepada Pendaftar bagi arahan-arahan tentang cara bagaimana tindakan atau langkah itu boleh dilakukan atau diambil dan apa-apa tindakan atau langkah yang dilakukan atau diambil mengikut arahnya hendaklah menjadikan pelaksanaan tindakan atau langkah itu sah.

Peraturan-
peraturan.

146. Menteri boleh dari semasa ke semasa membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan semua perkara dan benda yang dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan atau diperuntukkan oleh Akta ini, atau yang adalah perlu atau sesuai untuk ditetapkan atau diperuntukkan, bagi

menjalankan, atau memberi kesan sepenuhnya kepada, peruntukan-peruntukan Akta ini dan bagi pentadbiran wajar Akta ini, termasuk bagi semua atau mana-mana maksud tertentu yang berikut:

- (a) menetapkan borang-borang yang hendak digunakan bagi maksud Akta ini dan perkara-perkara yang kena dinyatakan dalam borang-borang itu;
- (b) menetapkan borang-borang permohonan dan apa-apa notis lain di bawah Akta ini;
- (c) menetapkan fee dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini dan penalti bagi bayaran lambat, atau mewakilkan kuasa untuk menetapkan fee, caj dan penalti kepada orang-orang atau badan-badan ditetapkan; dan
- (d) menetapkan cara rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang dikehendaki dibuat atau disimpan di bawah Akta ini, dibuat atau disimpan dan perisytiharan, laporan, tambahan, jadual atau detail yang kena disertai bersama atau dikepilkan kepada akaun-akaun dan rekod-rekod lain itu.

147. Tiada syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing boleh melabur dalam mana-mana syarikat domestik kecuali dalam syarikat amanah.

Pelaburan dalam syarikat domestik.

148. (1) Menteri boleh, tanpa memberi sebab-sebab baginya, mengeluarkan perintah melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

Larangan oleh Menteri,

- (a) melarang pemerbadanan permulaan sesuatu syarikat luar pesisir atau sesuatu kelas syarikat;
- (b) melarang pendaftaran permulaan sesuatu syarikat luar pesisir asing; atau
- (c) mengarahkan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing berhenti menjalankan perniagaannya atau sebahagian perniagaannya itu sama ada dengan serta-merta atau dalam masa yang dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Arahan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dibatalkan atau diubah oleh Menteri.

Kerahsiaan.

149. (1) Semua prosiding (selain daripada prosiding jenayah) yang berhubungan dengan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luarpesisir asing yang dimulakan di mana-mana Mahkamah, sama ada di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau semata-mata bagi maksud menentukan hak-hak atau obligasi-obligasi pegawai-pegawai, anggota-anggota atau pemegang-pemegang debentur, dan apa-apa rayuan ke atas prosiding itu, hendaklah, melainkan Mahkamah memerintahkan sebaliknya, didengar *in camera* dan tiada detail prosiding itu boleh disiarkan oleh mana-mana orang tanpa kebenaran Mahkamah.

(2) Jika—

- (a) dalam apa-apa prosiding bagi menggulung suatu syarikat luar pesisir, Mahkamah berpuas hati bahawa syarikat itu atau mana-mana pegawai syarikat itu telah gagal mematuhi apa-apa peruntukan Akta ini; atau
- (b) suatu syarikat luar pesisir atau mana-mana pegawai syarikat itu telah disabitkan oleh Mahkamah atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini,

Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, memerintahkan supaya rekod, buku dan daftar syarikat itu dan catatan-catatan dalam daftar dan rekod Pendaftar yang berhubungan dengan syarikat itu dibuka untuk pemeriksaan awam.

(3) Seseorang yang berkenaan dengan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, selain daripada bagi maksud mentadbirkan Akta ini atau bagi menjalankan perniagaan syarikat itu, di Labuan atau di tempat lain—

- (a) mendedahkan;
- (b) mencuba, menawarkan atau mengancam untuk mendedahkan;

- (c) mendorong atau cuba mendorong orang-orang lain untuk mendedahkan,

apa-apa maklumat yang berkaitan dengan atau menyentuh—

- (d) pemegangan, atau pemunyaan benefisial, apa-apa syer atau syer-syer syarikat itu;
- (e) pengurusan syarikat itu; dan
- (f) apa-apa hal ehwal atau transaksi perniagaan, kewangan atau lain-lain syarikat itu,

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Tiada apa-apa jua pun dalam seksyen ini boleh menghalang mana-mana Mahkamah daripada menjalankan budi bicaranya untuk menghendaki mana-mana orang mengemukakan apa-apa dokumen atau memberi apa-apa keterangan yang relevan kepada prosiding itu dalam apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah itu.

JADUAL

(Seksyen 19)

Kuasa-kuasa Syarikat Luar Pesisir

1. Untuk menjalankan apa-apa perniagaan, selain daripada perniagaan yang dilarang daripada dijalankan oleh Akta ini atau peraturan-peraturan, yang pada pandangan syarikat itu boleh dengan mudahnya dijalankan atau yang dikira boleh, sama ada secara langsung atau tak langsung, menambahkan nilai, atau menjadikan berkeuntungan, apa-apa harta atau hak syarikat itu.
2. Untuk membuat atau menjadi pihak kepada apa-apa transaksi atau dokumen.
3. Untuk memperolehi, memegang, melupuskan atau berurusan dengan apa-apa maklumat atau apa-apa jenis hak atau harta,
4. Untuk memperolehi, memegang, melupuskan atau berurusan dengan keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana syarikat, persatuan atau perniagaan lain.
5. Untuk melupuskan atau, selainnya berurusan dengan keseluruhan atau apa-apa bahagian "pengusahaan" atau perniagaan syarikat itu.
6. Untuk mengambil apa-apa kewajipan, obligasi atau liabiliti.
7. Untuk memperolehi apa-apa hak atau kepentingan.

8. Untuk menyediakan atau memperolehi penyediaan apa-apa perkhidmatan.
9. Untuk memberi pinjaman dan meminjam.
10. Untuk memperolehi pendaftaran atau pengiktirafannya di mana-mana tempat di luar Labuan.
11. Untuk mewujudkan dan menghapuskan liabiliti dan hak dan kepentingan.
12. Untuk menerbitkan syer, debentur dan opsyen, dan untuk mengambil syer, debentur dan opsyen dan untuk menebus dan melucuthakkan syer, debentur dan opsyen itu.
13. Untuk menggunakan khidmat atau mengekalkan orang-orang dalam dan berkenaan dengan perniagaan syarikat itu atau perniagaan mana-mana syarikat atau orang lain.
14. Untuk menanggung rugi dan menggerenti dan mendapatkan tanggungrugi dan gerenti.
15. Untuk mengambil semua jenis insurans sama ada atas harta atau hak-hak syarikat atau tidak.
16. Untuk menaja mana-mana syarikat lain.
17. Untuk memberi hadiah, derma dan pertaruhan yang mengikut undang-undang boleh dibuat, sama ada hadiah, derma atau pertaruhan itu adalah bagi maksud memajukan perniagaan syarikat itu ataupun tidak.
18. Dengan cara penyelesaian atau urusan atau pelupusan lain, memberi hak kepada seseorang yang bukan anggota syarikat itu untuk berkongsi dalam keseluruhan atau apa-apa bahagian perolehan atau keuntungan syarikat itu dengan mengetepikan anggota-anggota syarikat itu, dengan syarat bahawa dalam menjalankan kuasa itu tiada pembahagian perolehan atau keuntungan itu, yang dibuat menurut penyelesaian, pelupusan atau urusan- lain itu, boleh melebihi amaun yang sewajarnya boleh dibahagikan sebagai dividen atau yang sewajarnya boleh dipulangkan sebagai lebih modal sekiranya pembahagian itu suatu pembahagian kepada beberapa atau semua anggota syarikat itu.
19. Untuk membuat apa-apa benda yang syankat itu boleh membuat secara bersekutu dengan mana-mana orang lain dan sebagai prinsipal atau pemegang amanah atau bagi faedah syarikat itu sendiri.
20. Untuk menaja apa-apa perniagaan lain.
21. Untuk membuat semua benda yang bersampingan dengan atau berfaedah bagi penjalanan kuasa-kuasa lain syarikat itu.

SYARIKAT LUAR PESISIR151

22. Untuk membuat semua benda lain yang tidak dilarang oleh atau di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan atau selainnya oleh mana-mana undang-undang bertulis Malaysia.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memperkenalkan suatu Akta baru yang dinamakan "Akta Syarikat Luar Pesisir 1990" bagi mengadakan peruntukan mengenai perbadanan, pendaftaran dan pentadbiran syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing di Wilayah Persekutuan Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara permulaan.

3. *Fasal 1* memperuntukkan bagi mula berkuatkuasanya Akta.

4. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang dipakai dalam Rang Undang-Undang ini. Beberapa takrif yang penting dinyatakan di bawah ini.

"orang" ditakrifkan termasuk suatu perbadanan, perkongsian, suatu kumpulan orang dan suatu perbadanan seorang;

"pemastautin" ditakrifkan sebagai bererti, berhubungan dengan orang sebenar, seseorang warganegara atau seorang pemastautin tetap Malaysia, dan berhubungan dengan mana-mana orang lain, seseorang yang telah menubuhkan suatu tempat perniagaan, dan beroperasi, di Malaysia.

"perbadanan" ditakrifkan sebagai bererti suatu syarikat domestik, syarikat luar pesisir, syarikat asing atau syarikat luar pesisir asing.

"syarikat asing" ditakrifkan sebagai bererti sesuatu perbadanan, syarikat, pertubuhan, persatuan atau badan lain yang di bawah undang-undang tempat asalnya boleh mendakwa atau didakwa, atau memegang harta atas nama setiausaha atau pegawai lain badan atau persatuan itu yang dilantik dengan sempurnanya bagi maksud itu, dan yang tidak mempunyai ibu pejabat atau tempat utama perniagaannya di Malaysia;

"syarikat luar pesisir" ditakrifkan sebagai bererti suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ini;

"syarikat luar pesisir asing" ditakrifkan sebagai bererti suatu syarikat asing yang didaftarkan di bawah Bahagian VIII Akta ini.

5. *Fasal 3* dan *4* memperuntukkan mengenai tafsiran bagi terma-terma "subsidiari", "syarikat pegangan" dan "syarikat-syarikat berkaitan".

6. *Fasal 5* memperuntukkan bahawa Akta Syarikat 1965 tidak terpakai bagi syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam Akta.

7. *Fasal 6* mengenakan larangan ke atas seorang pemastautin daripada memegang syer dalam suatu syarikat luar pesisir selain daripada syarikat amanah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 dan syarikat-syarikat yang dibenarkan oleh Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Insurans Luar Pesisir 1990 untuk menubuhkan suatu subsidiari di Labuan.

8. *Fasal 7* menyatakan maksud-maksud yang dibenarkan bagi pemerbadanan dan jenis perniagaan yang boleh dijalankan dan hal-keadaan yang tidak boleh kira sebagai perjalanan perniagaan.

BAHAGIAN II

9. Bahagian II bertujuan memperuntukkan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pentadbiran Akta. *Fasal 8* memperuntukkan bahawa kuasa Pendaftar boleh dijalankan oleh mana-mana Pendaftar Rantau, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar dan semua Mahkamah dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman mengenainya. Ia juga memperuntukkan kuasa kepada Pendaftar atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya memeriksa buku-buku, daftar atau rekod yang dikehendaki disimpan dan kegagalan mematuhi seksyen ini adalah suatu kesalahan di bawah Akta. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa penyerahan dokumen kepada, atau permohonan bagi apa-apa perakuan daripada, Pendaftar hendaklah dibuat melalui suatu syarikat amanah. Provisinya memperuntukkan suatu pengecualian kepada anggota-anggota yang memohon bagi kegunaannya sendiri. *Fasal 10* memberikuasa kepada Pendaftar untuk meluluskan, atau membatalkan kelulusan, juruaudit diluluskan. *Fasal 11* memperuntukkan hal-keadaan yang seseorang tidak boleh bersetuju untuk dilantik atau bertindak sebagai seorang juruaudit sesuatu syarikat luar pesisir. *Fasal 12* memberikuasa kepada Pendaftar untuk meluluskan, membatalkan kelulusan, pelikuidasi diluluskan. *Fasal 13* memperuntukkan bagi Pendaftar menyimpan berbagai bentuk daftar dan memperuntukkan kemudahan-kemudahan bagi orang-orang berkepentingan memeriksa daftar-daftar tersebut. Pendaftar diberikuasa menolak apa-apa dokumen atau menghendaki suatu salinan yang baru, dan syarikat atau pegawai-pegawainya hendaklah mematuhi dalam masa tiga puluh hari. Ia juga memperuntukkan cara rekod-rekod lama hendak diuruskan oleh Pendaftar.

BAHAGIAN III

11. Bahagian III berhubungan dengan penubuhan syarikat-syarikat. Bahagian ini dibahagikan kepada dua Penggal.

12. Perenggan I berhubungan dengan pemerbadanan syarikat-syarikat luar pesisir. *Fasal 14* berhubungan dengan permohonan bagi

pemerbadanan dan tiap-tiap syarikat luar pesisir yang diperbadankan, adalah suatu syarikat yang terhad mengikut syer. *Fasal 15* memperuntukkan bahawa seseorang yang berhasrat hendak memperbadankan sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah menyerahkan memorandum, perkara-perkara dan dokumen-dokumen lain yang dikehendaki supaya diserahkan bagi maksud pemerbadanan, dan adalah tugas Pendaftar untuk mendaftar dan mengeluarkan perakuan apabila kehendak itu dipatuhi. *Fasal 16* dan *17* memperuntukkan pemindahan suatu syarikat asing dengan kelulusan Pendaftar dan syarikat itu, apabila didaftarkan, hendaklah disifatkan sebagai suatu syarikat luar pesisir berdomisil di Labuan tanpa menjejaskan kewujudan syarikat itu. *Fasal 18* menyatakan perkara-perkara yang hendaklah terkandung dalam memorandum suatu syarikat luar pesisir, antara lain,nya, amaun modal syer yang syarikat itu dicadang hendak didaftarkan, tujuan-tujuan syarikat, dan nama dan alamat penandatangannya.

13. Perenggan 2 berhubungan dengan status dan nama sesuatu syarikat luar pesisir. *Fasal 19* membenarkan syarikat menerima-pakai, mengubahsuai atau mengecualikan kuasa-kuasa yang dinyatakan dalam Jadual. *Fasal 20* memperuntukkan bahawa ketiadaan keupayaan atau kuasa tidak boleh meniadakan apa-apa perbuatan atau sesuatu berupa perbuatan sesuatu syarikat luar pesisir. *Fasal 21* menyatakan suatu panduan bagi kelulusan nama-nama syarikat luar pesisir yang didaftarkan di bawah Akta ini. Apabila suatu permohonan bagi suatu nama diluluskan, nama itu akan dirizabkan secara automatik bagi suatu tempoh selama tiga bulan dari tarikh penyerahan permohonan. *Fasal 22* membenarkan suatu syarikat luar pesisir menukar namanya melalui ketetapan khas atau jika Pendaftar mengarahkan demikian, syarikat itu hendaklah mematuhi arahan itu dalam masa enam minggu. *Fasal 23* menyatakan perkara-perkara mengenai kandungan perkara-perkara syarikat. *Fasal 24* membenarkan suatu syarikat mengubah perkara-perkaranya melalui ketetapan khas. *Fasal 25* memperuntukkan bahawa seseorang anggota boleh meminta suatu salinan memorandum dan perkara-perkara syarikat. *Fasal 26* menyatakan perkara-perkara yang tidak boleh diurusniagakan melalui suatu pejabat cawangan dan prosedur-prosedur yang harus diikuti dalam melaksanakan setiap jenis transaksi, *Fasal 27* melarang pegawai-pegawai atau ejen suatu syarikat luar pesisir menjalankan perniagaan apabila tidak ada anggota untuk tempoh lebih daripada enam bulan, melainkan jika di bawah arahan Mahkamah atau di bawah seorang pelikuidasi diluluskan.

BAHAGIAN IV

14. Bahagian IV berhubungan dengan terbitan syer-syer dan debentur-debentur, dan daftar gadaian. Bahagian ini dibahagikan kepada tujuh penggal.

15. Penggal 1 menyatakan perkara-perkara berhubung dengan prospektus. *Fasal 28* hingga *31* menyatakan kehendak-kehendak bagi pengeluaran borang-borang permohonan syer atau debentur, dengan suatu prospektus. Kehendak ini tidaklah terpakai jika pelawaan dibuat kepada suatu golongan orang-orang yang terhad sebagaimana yang dinyatakan dalam *Fasal 28*. Kehendak di atas juga tidak terpakai kepada suatu syarikat yang ditetapkan. *Fasal 32* dan *33* menghendaki kandungan tiap-tiap prospektus itu diluluskan pada mulanya oleh Pendaftar sebelum ia boleh diedar atau diiklankan. *Fasal 34* tidak membenarkan suatu syarikat luar pesisir menerima atau menyimpan pemohonbelian berlebihan berkenaan dengan penerbitan debentur melainkan jika dinyatakan selainnya dalam prospektus. *Fasal 35* menyatakan kehendak-kehendak bagi pendaftaran prospektus. *Fasal 36* memperuntukkan bahawa semua dokumen yang mengandungi pelawaan syer kepada awam hendaklah disifatkan sebagai suatu prospektus. *Fasal 37* melarang penerbitan suatu prospektus yang termasuk suatu pernyataan oleh seseorang pakar, melainkan jika pakar itu telah memberi persetujuannya dan belum lagi menarik balik persetujuannya. *Fasal 38* mewujudkan suatu liabiliti sivil bagi apa-apa pernyataan silap di dalam suatu prospektus. *Fasal 39* mengenakan suatu liabiliti jenayah ke atas mana-mana orang yang menerbitkan suatu prospektus atau pengiklanan yang mengandungi apa-apa pernyataan yang tidak benar atau ketakzahiran sengaja.

16. Penggal 2 berhubung dengan sekatan-sekatan ke atas pengumpulan. *Pasal 40* memperuntukkan bahawa suatu tawaran syer kepada orang ramai hanya boleh dibuat melalui suatu syarikat amanah dan semua wang yang diterima sementara menanti pengumpulan hendaklah dipegang secara amanah. *Fasal 41* melarang pengumpulan syer-syer oleh suatu syarikat luar pesisir yang ditawarkan kepada awam melainkan jika bayaran minimum itu telah diterima oleh syarikat luar pesisir. *Fasal 42* memperuntukkan bahawa semua wang yang diterima sebelum pengumpulan syer atau debentur sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah, sehingga pengumpulan, disimpan dalam suatu akaun amanah di suatu bank yang diluluskan secara bertulis oleh Pendaftar.

17. Penggal 3 berhubung dengan pengumpulan dan urusniaga mengenai syer-syer suatu syarikat luar pesisir. *Fasal 43* menghendaki suatu syarikat luar pesisir yang membuat suatu pengumpulan syer-syernya menyerahkan kepada Pendaftar suatu penyata pengumpulan dalam tempoh satu bulan selepas tiap-tiap pengumpulan itu. Cara bagaimana suatu syarikat luar pesisir boleh memanggil syer-syer diperuntukkan dalam *fasal 44*. *Fasal 45* membenarkan suatu syarikat luar pesisir menentukan, melalui ketetapan khas, bahawa bahagian tertentu syer-syernya tidak boleh dipanggil kecuali sekiranya syarikat itu digulung. *Fasal 46* menghendaki premium yang diterima oleh suatu syarikat luar pesisir atas penerbitan syer-syer dipindahkan kepada suatu akaun premium syer. *Fasal* tersebut juga mengenakan batasan tertentu ke atas pemakaian akaun. *Fasal 47* memberikuasa

kepada suatu syarikat luar pesisir untuk menerbit berbagai kelas syer dan nilai syer itu hendaklah dinyatakan hanya dalam mata wang asing. *Fasal 48* membenarkan suatu syarikat luar pesisir mengurusniagakan syer-syernya sendiri dalam hal-keadaan yang tertentu, termasuklah perolehan dan pelupusannya. *Fasal 49* memberikuasa kepada suatu syarikat luar pesisir untuk membatalkan semua atau mana-mana bahagian syer-syer yang diperolehi semula olehnya. *Fasal 50* membenarkan suatu syarikat luar pesisir menerbitkan suatu kelas syer yang telah diterbitkan dengan diskaun dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Pendaftar. *Fasal 51* membenarkan suatu syarikat luar pesisir untuk mengubah modal syernya melalui ketetapan khas. *Fasal 52* memberikuasa kepada Mahkamah untuk mengesahkan apa-apa syer yang diterbitkan dengan tidak sewajarnya oleh suatu syarikat luar pesisir tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan. *Fasal 53* membenarkan suatu syarikat luar pesisir mengurangkan modal syernya tertakluk kepada syarat pengurangan itu disahkan oleh Mahkamah. *Fasal 54* bertujuan melindungi hak-hak pemegang syer-syer keutamaan dengan menghendaki hak-hak itu dinyatakan dalam perkara-perkara sebelum pengumpulan syer-syer itu. *Fasal 55* membenarkan suatu syarikat luar pesisir menerbitkan syer-syer keutamaan boleh tebus jika dibenarkan demikian oleh perkara-perkaranya.

18. Penggal 4 berhubungan dengan penerbitan debentur-debentur. *Fasal 56* adalah fasal tafsiran. *Fasal 57* memberikuasa kepada suatu syarikat luar pesisir untuk menerbitkan berbagai jenis debentur kepada bukan pemastautin Malaysia. *Fasal 58* menghendaki suatu syarikat luar pesisir menyimpan dan menyenggara suatu daftar pemegang-pemegang debentur di pejabat berdaftarnya, dan daftar itu hendaklah terbuka untuk pemeriksaan oleh pemegang-pemegang debentur. *Fasal 59* berhubungan dengan keesahan debentur berkekalan. *Fasal 60* memberikuasa kepada suatu syarikat luar pesisir menerbitkan semula debentur-debentur yang telah ditebus. *Fasal 61* menghendaki suatu syarikat luar pesisir yang mempelawa debentur-debentur kepada awam melantik suatu syarikat amanah untuk bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur. *Fasal* tersebut juga melarang pengumpulan apa-apa debentur sebelum perlantikan pemegang amanah itu. *Fasal 62* menyatakan kewajipan-kewajipan statutori tertentu yang mengikat semua pemegang-pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur. *Fasal 63* mengenakan suatu obligasi ke atas suatu syarikat, penggerenti untuk menyediakan suatu laporan berkala kepada Pendaftar atau syarikat amanah yang mengandungi pertara-perkara yang dinyatakan dalam *fasal* itu. *Fasal 64* mengenakan suatu obligasi ke atas syarikat penggerenti untuk memberi maklumat yang perlu kepada syarikat peminjam bagi penyediaan laporannya. *Fasal 65* mempunyai kesan yang menjadikan wang yang dipinjamkan kepada atau didepositkan dengan suatu syarikat peminjam kena dibayar

semula dengan serta merta jika ia tidak digunakan bagi maksud yang ditunjukkan.

19. Penggal 5 berhubung dengan kepentingan-kepentingan lain dalam suatu syarikat luar pesisir selain daripada syer dan debentur. *Fasal 66* adalah fasal tafsiran. *Fasal 67* menghendaki suatu suratikatan diluluskan oleh Pendaftar sebelum ia disifatkan sebagai suatu suratikatan diluluskan bagi maksud-maksud Penggal itu. *Fasal 68* memberikuasa kepada Pendaftar untuk meluluskan suatu suratikatan di bawah syarat-syarat tertentu yang dinyatakan. *Fasal 69* melarang mana-mana orang, selain daripada suatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing atau ejennya, daripada membuat apa-apa pelawaan kepada awam untuk memohon beli atau membeli apa-apa kepentingan. *Fasal 70* menghendaki suatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing mengeluarkan suatu pernyataan sebelum apa-apa pelawaan kepentingan dibuat kepada awam. *Fasal 71* melarang penerbitan, atau pelawaan untuk memohon-beli atau membeli, suatu kepentingan dalam suatu syarikat luar pesisir tanpa suatu suratikatan diluluskan. *Fasal 72* menghendaki syarikat pengurusan menyenggara suatu daftar pemegang-pemegang kepentingan yang mengandungi butir-butir yang dinyatakan di dalamnya. *Fasal 73* memperuntukkan penalti-penalti bagi kegagalan mematuhi peruntukan-peruntukan Penggal ini. *Fasal 74* memberikuasa kepada suatu syarikat amanah untuk memanggil suatu mesyuarat pemegang-pemegang kepentingan bagi maksud-maksud penggulungan jika mengikut pendapatnya syarikat pengurusan telah berhenti menjalankan perniagaan atau telah, sehingga menjejaskan pemegang-pemegang kepentingan, gagal mematuhi suratikatan itu. *Fasal 75* bertujuan mentaksahkan apa-apa peruntukan yang mengecualikan seseorang pemegang amanah atau wakil daripada tanggungan terhadap pecah amanah.

20. Penggal 6 berhubung dengan hakmilik dan pemindahan. *Fasal 76* menyatakan jenis syer yang diterbitkan oleh suatu syarikat luar pesisir. *Fasal 77* menghendaki setiap syer suatu syarikat luar pesisir mempunyai suatu nombor yang tersendiri yang mana ia boleh dibezakan. Walau bagaimanapun penomboran itu boleh dikecualikan dalam hal-keadaan tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam *fasal* tersebut. *Fasal 78* adalah berkenaan dengan nilai keterangan dan bentuk-bentuk perakuan syer. *Fasal 79* membenarkan suatu syarikat luar pesisir mempunyai suatu meterai syer bagi maksud-maksud perakuan syernya. *Fasal 80* menghalang suatu syarikat luar pesisir daripada mendaftar suatu pemindahan syer atau debentur melainkan suatu suratcara pemindahan yang sewajarnya telah diserahkan kepada syarikat. *Fasal* itu juga membenarkan pemindahan syer atau debentur oleh wakil-wakil persendirian. *Fasal 81* menghendaki suatu syarikat luar pesisir mengeluarkan perakuan syer dalam tempoh dua bulan selepas pengumpulannya dan untuk menyempurnakan apa-apa pemindahan syer dalam tempoh satu bulan.

21. Penggal 7 berhubungan dengan daftar gadaian. *Fasal 82* memperuntukkan tidak terpakainya Penggal itu kepada suatu gadaian yang dibuat oleh suatu syarikat luar pesisir asing ke atas harta yang terletak di luar Malaysia. *Fasal 83* menghendaki suatu syarikat luar pesisir menyenggara suatu daftar gadaian, dan menyimpan suatu salinan tiap-tiap suratcara yang mewujudkan suatu gadaian, di pejabat berdaftarnya. *Fasal 84* menghendaki suatu syarikat luar pesisir menyerahkan kepada Pendaftar suatu pernyataan butir-butir ditetapkan yang berkenaan dengan pewujudan suatu gadaian atas harta, dan suatu notis mengenai penyelesaian atau pelepasan daripada gadaian.

BAHAGIAN V

22. Bahagian V adalah berhubungan dengan pengurusan dan pentadbiran sesuatu syarikat luar pesisir dan adalah dibahagikan kepada lima penggal.

23. Penggal I adalah berhubungan dengan pejabat berdaftar dan nama sesuatu syarikat luar pesisir. *Fasal 85* menghendaki tiap-tiap syarikat luar pesisir mempunyai suatu pejabat berdaftar di Labuan, yang pejabat itu hendaklah menjadi pejabat utama suatu syarikat amanah. *Fasal 86* menghendaki nama sesuatu syarikat luar pesisir dipamerkan di tiap-tiap tempat di mana perniagaannya dijalankan. Nama itu hendaklah juga terdapat pada meterai, invois-invois, bil-bilnya dan persuratan-persuratan lain syarikat itu.

24. Penggal 2 adalah berhubungan dengan perlantikan dan kewajipan-kewajipan pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai. *Fasal 87* memperuntukkan bahawa tiap-tiap syarikat luar pesisir dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah yang bolehlah pengarah pemastautin. Di bawah *fasal* itu, seseorang pengarah tidak boleh mendedahkan, atau menggunakan untuk apa-apa tujuan, apa-apa maklumat yang didapatinya disebabkan oleh jawatannya kecuali jika dia dikehendaki oleh undang-undang untuk berbuat demikian. *Fasal 88* memperuntukkan bahawa seseorang boleh dilantik menjadi seorang pengarah suatu syarikat luar pesisir hanya jikapersetujuan bertulisnya telah diserahkan kepada Pendaftar. *Fasal 89* memperuntukkan bahawa apa-apa kecacatan dalam perlantikan atau kelayakan seseorang pengarah tidak boleh menjadikan tidak sah apa-apa tindakan pengarah itu. *Fasal 90* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk melucutkan kelayakan seseorang yang pernah disabitkan atau seseorang bankrap yang belum dilepaskan daripada bertindak sebagai seorang pengarah suatu syarikat luar pesisir melainkan jika kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah. *Fasal 91* menghendaki seseorang pengarah mendedahkan kepentingan-kepentingannya dalam apa-apa kontrak, atau kontrak dicadangkan dengan syarikat luar pesisir yang dia adalah seorang pengarah. Seseorang pengarah pemastautin, walau bagaimanapun, adalah disifatkan berkepentingan dalam semua kontrak atau kontrak

dicadangkan dengan syarikat itu, *Fasal 92* menjadikannya kewajipan tiap-tiap pegawai suatu syarikat luar pesisir untuk bertindak dengan jujur dan penuh keusahaan dan melarangnya daripada menggunakan secara tidak patut apa-apa maklumat yang diperolehinya disebabkan oleh jawatannya untuk mendapatkan kebaikan bagi dirinya atau bagi orang-orang lain. *Fasal 93* memperuntukkan bahawa tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha pemastautin yang hendaklah seorang pegawai suatu syarikat amanah. Setiausaha-setiausaha tambahan, yang bukannya setiausaha pemastautin, boleh juga dilantik. *Fasal 94* menghendaki sesuatu syarikat luar pesisir menyimpan dan menyenggara suatu daftar pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausahanya yang hendaklah mengandungi, antara lainnya, nama penuh dan alamat kediaman biasa pengarah atau setiausaha itu.

25. Penggal 3 adalah mengenai perkara-perkara yang berkenaan mesyuarat-mesyuarat anggota-anggota dan prosiding-prosiding. *Fasal 95* memberikuasa kepada pengarah-pengarah syarikat luar pesisir untuk meraanggil mesyuarat anggota-anggota apabila difikirkan perlu atau atas permintaan lebih daripada sepuluh anggota atau anggota-anggota yang memegang tidak kurang daripada satu persepuluh modal berbayar. *Fasal* ini juga mengiktiraf mesyuarat yang diadakan melalui telefon dan alat elektronik lain. *Fasal 96* menghendaki supaya diberi notis sekurang-kurangnya tujuh hari berkenaan dengan mesyuarat-mesyuarat anggota-anggota tetapi suatu notis yang lebih singkat boleh dipersetujui oleh anggota-anggota yang memegang sembilan puluh peratus majoriti atau majoriti yang lebih rendah sebagaimana yang dinyatakan dalam perkara-perkara atau memorandum. *Fasal 97* memperuntukkan bahawa jika suatu syarikat luar pesisir mempunyai lebih daripada seorang anggota, dua anggota atau lebih yang hadir di mesyuarat anggota-anggota adalah menjadi suatu kuorum dan juga memperuntukkan bahawa anggota-anggota suatu syarikat luar pesisir boleh diwakili melalui proksi-proksi di mesyuarat-mesyuarat. *Fasal 98* dan *99* masing-masingnya memperuntukkan bahawa setiap syer mempunyai satu undi dan keputusan anggota-anggota boleh dihubungkan sama ada secara bertulis atau melalui teleks, telefon, telefax, kabel atau apa-apa bentuk perhubungan elektronik lain. *Fasal 100* memberikuasa kepada Mahkamah untuk mengarahkan suatu mesyuarat anggota-anggota dipanggil jika ianya adalah tidak praktik untuk syarikat luar pesisir memanggil suatu mesyuarat mengikut cara yang mesyuarat-mesyuarat dikehendaki dipanggil atau adalah tidak praktik untuk menjalankan mesyuarat mengikut cara ditetapkan. *Fasal 101* memperuntukkan mengenai ketetapan-ketetapan khas dan *fasal 102* memperuntukkan cara yang suatu notis khas yang dikehendaki oleh suatu ketetapan patut diberikan. *Fasal 103* menghendaki suatu salinan tiap-tiap ketetapan khas diserahkan kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari selepas ketetapan khas itu diluluskan atau dibuat. *Fasal 104* menghendaki suatu syarikat luar pesisir menyimpan dan menyenggara di pejabat berdaftarnya, minit-minit prosiding mesyuarat-mesyuarat anggota-anggota dan pengarah-pengarah.

dicadangkan dengan syarikat itu, *Fasal 92* menjadikannya kewajipan tiap-tiap pegawai suatu syarikat luar pesisir untuk bertindak dengan jujur dan penuh keusahaan dan melarangnya daripada menggunakan secara tidak patut apa-apa maklumat yang diperolehinya disebabkan oleh jawatannya untuk mendapatkan kebaikan bagi dirinya atau bagi orang-orang lain. *Fasal 93* memperuntukkan bahawa tiap-tiap syarikat luar pesisir hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha pemastautin yang hendaklah seorang pegawai suatu syarikat amanah. Setiausaha-setiausaha tambahan, yang bukannya setiausaha pemastautin, boleh juga dilantik. *Fasal 94* menghendaki sesuatu syarikat luar pesisir menyimpan dan menyenggara suatu daftar pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausahanya yang hendaklah mengandungi, antara lainnya, nama penuh dan alamat kediaman biasa pengarah atau setiausaha itu.

25. Penggal 3 adalah mengenai perkara-perkara yang berkenaan mesyuarat-mesyuarat anggota-anggota dan prosiding-prosiding. *Fasal 95* memberikuasa kepada pengarah-pengarah syarikat luar pesisir untuk meraanggil mesyuarat anggota-anggota apabila difikirkan perlu atau atas permintaan lebih daripada sepuluh anggota atau anggota-anggota yang memegang tidak kurang daripada satu persepuluh modal berbayar. *Fasal* ini juga mengiktiraf mesyuarat yang diadakan melalui telefon dan alat elektronik lain. *Fasal 96* menghendaki supaya diberi notis sekurang-kurangnya tujuh hari berkenaan dengan mesyuarat-mesyuarat anggota-anggota tetapi suatu notis yang lebih singkat boleh dipersetujui oleh anggota-anggota yang memegang sembilan puluh peratus majoriti atau majoriti yang lebih rendah sebagaimana yang dinyatakan dalam perkara-perkara atau memorandum. *Fasal 97* memperuntukkan bahawa jika suatu syarikat luar pesisir mempunyai lebih daripada seorang anggota, dua anggota atau lebih yang hadir di mesyuarat anggota-anggota adalah menjadi suatu kuorum dan juga memperuntukkan bahawa anggota-anggota suatu syarikat luar pesisir boleh diwakili melalui proksi-proksi di mesyuarat-mesyuarat. *Fasal 98* dan *99* masing-masingnya memperuntukkan bahawa setiap syer mempunyai satu undi dan keputusan anggota-anggota boleh dihubungkan sama ada secara bertulis atau melalui teleks, telefon, telefax, kabel atau apa-apa bentuk perhubungan elektronik lain. *Fasal 100* memberikuasa kepada Mahkamah untuk mengarahkan suatu mesyuarat anggota-anggota dipanggil jika ianya adalah tidak praktik untuk syarikat luar pesisir memanggil suatu mesyuarat mengikut cara yang mesyuarat-mesyuarat dikehendaki dipanggil atau adalah tidak praktik untuk menjalankan mesyuarat mengikut cara ditetapkan. *Fasal 101* memperuntukkan mengenai ketetapan-ketetapan khas dan *fasal 102* memperuntukkan cara yang suatu notis khas yang dikehendaki oleh suatu ketetapan patut diberikan. *Fasal 103* menghendaki suatu salinan tiap-tiap ketetapan khas diserahkan kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari selepas ketetapan khas itu diluluskan atau dibuat. *Fasal 104* menghendaki suatu syarikat luar pesisir menyimpan dan menyenggara di pejabat berdaftarnya, minit-minit prosiding mesyuarat-mesyuarat anggota-anggota dan pengarah-pengarah.

pengaturan-pengaturan. *Fasal 119* memberikuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan pengawasan dan pengawalan transaksi-transaksi pengambilalihan dan penyatuan.

BAHAGIAN VIII

32. Bahagian VIII memperkatakan mengenai syarikat-syarikat luar pesisir asing. Tafsiran "menjalankan perniagaan di Labuan" adalah terkandung dalam *Fasal 120*. *Fasal 121* menghendaki suatu syarikat asing yang bertujuan mengadakan suatu tempat perniagaan atau menjalankan perniagaan di Labuan didaftarkan sebagai suatu syarikat luar pesisir asing. Syarikat itu juga dikehendaki menyerahkan kepada Pendaftar dokumen-dokumen yang tertentu termasuk suatu salinan diperakui perakuan pemerbadanannya, memorandum dan perkara-perkaranya dan suatu senarai pengarah-pengarah dan pegawai-pegawainya. Apabila suatu syarikat asing didaftarkan sebagai suatu syarikat luar pesisir asing, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan kepada syarikat itu yang hendaklah menjadi keterangan konklusif mengenai pendaftarannya. *Fasal 122* melarang sesuatu syarikat luar pesisir asing daripada menjalankan apa-apa perniagaan yang syarikat luar pesisir adalah dilarang daripada menjalankan. *Fasal 123* menghendaki tiap-tiap syarikat luar pesisir asing mempunyai suatu pejabat berdaftar di Labuan yang mestilah pejabat utama suatu syarikat amanah. *Fasal 124* menghendaki suatu syarikat luar pesisir asing menyerahkan kepada Pendaftar butir-butir apa-apa pertukaran atau perubahan, antara lainnya, dalam memorandum, perkara-perkara atau pegawai-pegawai. *Fasal 125* menyifatkan apa-apa proses atau dokumen yang dikehendaki disampaikan ke atas suatu syarikat luar pesisir asing adalah disampaikan dengan secukupnya jika disampaikan mengikut kehendak-kehendak seksyen itu. *Fasal 126* menghendaki suatu syarikat luar pesisir asing memberi notis kepada Pendaftar mengenai pemberhentian perniagaannya di Labuan. *Fasal 127* memberikuasa kepada Pendaftar melantik suatu pelikuidasi bagi suatu syarikat luar pesisir asing yang dilikuidasikan di tempat pemerbadanannya dan juga untuk memperuntukkan mengenai kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab pelikuidasi itu. *Fasal 128* memperuntukkan sekatan-sekatan berkenaan dengan nama-nama syarikat luar pesisir asing. *Fasal 129* menghendaki suatu syarikat luar pesisir asing membuat, dan menyerahkan kepada Pendaftar, suatu penyata tahunan dan penyata-penyata lain yang ditetapkan. *Fasal 130* bertujuan meluaskan pemakaian Bahagian VIII kepada syarikat-syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983 atau Akta Insurans 1963.

BAHAGIAN IX

33. Bahagian IX memperkatakan mengenai perkara-perkara pelbagai. *Fasal 131* memperuntukkan mengenai pemakaian

peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 kepada penerimaan dan penggulungan sesuatu syarikat luar pesisir. *Fasal 132* memperihalkan bagaimana sesuatu dokumen boleh disampaikan ke atas sesuatu syarikat luar pesisir atau sesuatu syarikat luar pesisir asing. *Fasal 133* membolehkan sesuatu syarikat luar pesisir memindahkan pemerbadanannya ke negara atau bidang kuasa lain apabila diluluskan oleh Pendaftar. *Fasal 134* dan *135* adalah berhubungan dengan kos berkenaan dengan apa-apa prosiding dan jaminan untuk kos itu. *Fasal 136* adalah berhubungan dengan pelupusan oleh sesuatu syarikat luar pesisir, akan syer-syer seorang pemegang syer yang tempat di mana dia berada tidak dapat ditentukan oleh syarikat. *Fasal 137* memberi kuasa kepada Mahkamah untuk memberi relif kepada mana-mana pegawai atau juruaudit sesuatu syarikat luar pesisir, mana-mana pakar, penerima atau pengurus bagi apa-apa kemungkiran kewajipan atau pecah amanah. *Fasal 138* memperuntukkan bahawa suatu peninggalan, kesilapan, luar aturan atau ketaksempurnaan notis atau masa tidak akan mentaksahkan apa-apa mesyuarat melainkan jika prosiding-prosiding itu diisytiharkan tak sah oleh Mahkamah. *Fasal 139* menghendaki semua dokumen, akaun dan rekod lain disediakan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris. *Fasal 140* melarang bayaran dividen-dividen oleh sesuatu syarikat luar pesisir kecuali daripada keuntungannya. *Fasal 141* melarang seseorang daripada menggunakan, antara lain, perkataan-perkataan "Berhad", "Corporation" atau "Limited" dalam Labuan melainkan jika ia adalah sesuatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta ini. *Fasal 142* adalah fasal penalti am untuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini yang tidak ada penalti khas diperuntukkan baginya. *Fasal 143* memperuntukkan mengenai penalti-penalti ingkar. *Fasal 144* memperuntukkan mengenai pengkompaunan kesalahan-kesalahan oleh Pendaftar. *Fasal 145* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk menentukan prosedur-prosedur yang sesuai bagi mana-mana perkara di bawah Akta ini yang tidak ada prosedur diaturkan mengenainya oleh Akta atau peraturan-peraturan. *Fasal 146* memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi tujuan menjalankan atau memberi kesan kepada peruntukan-peruntukan Akta ini. *Fasal 147* tidak membenarkan syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing melabur dalam syarikat-syarikat domestik kecuali dalam syarikat amanah di Labuan. *Fasal 148* memberi kuasa kepada Menteri melarang pemerbadanan atau pendaftaran mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing. Di bawah *fasal* ini, Menteri boleh mengarahkan sesuatu syarikat luar pesisir yang wujud atau sesuatu syarikat luar pesisir asing untuk memberhentikan operasinya. *Fasal 149* memperuntukkan semua prosiding (selain daripada prosiding-prosiding jenayah) terhadap suatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing, yang dimulakan dalam mana-mana Mahkamah, berhubungan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau bersangkutan-paut dengan hak-hak atau obligasi-obligasi pegawai-pegawai, anggota-anggota, atau

pemegang-pemegang debenturnya hendaklah didengar *in camera*. Ia juga menjadikan pendedahan apa-apa maklumat oleh mana-mana orang berhubung dengan pemegangan syer, pengurusan atau perniagaan suatu syarikat luar pesisir atau suatu syarikat luar pesisir asing suatu kesalahan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan pada masa ini. [PN. (U²) 1620.]